2022

# LAPORAN TAHUNAN

*Jabatan Pembangunan Kemahiran*

2022

# LAPORAN TAHUNAN

*Jabatan Pembangunan Kemahiran*

PERUTUSAN
KETUA PENGARAH PEMBANGUNAN KEMAHIRAN 4

PROFIL KORPORAT 6

PENGENALAN 9

VISI, MISI & OBJEKTIF

FUNGSI JABATAN

PIAGAM PELANGGAN

BAHAGIAN PERANCANGAN,
PEMBANGUNAN DAN ANTARABANGSA (PPA) 11

BAHAGIAN STANDARD PEKERJAAN DAN
KURIKULUM TVET (BSPKTVET) 27

BAHAGIAN PERSIJILAN KOMPETENSI (BPK) 49

BAHAGIAN PENTAULIAHAN (BPT) 59

BAHAGIAN HUBUNGAN INDUSTRI DAN
KERJASAMA STRATEGIK (BHIKS) 73

## Kandungan


BAHAGIAN PROMOSI (BPROMOSI) 91

BAHAGIAN INSPEKTORAT (BI) 105

BAHAGIAN KEWANGAN, PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA (KPSM) 117

PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST) 133

JPK WILAYAH TENGAH 147

JPK WILAYAH TIMUR 155

JPK WILAYAH SELATAN 161

JPK WILAYAH UTARA 165

JPK WILAYAH SABAH & LABUAN 171

JPK WILAYAH SARAWAK 177

AKTIVITI ANTARABANGSA 183

# Perutusan KETUA PENGARAH PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

**Bismillahirrahmanirrahim.**

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.**
**Salam Sejahtera & Salam Kemahiran.**

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allat swt atas kurniaan nikmatnya, negara kita iaitu Malaysia telah berjaya mengatasi pandemik COVID-19 dengan jayanya. Peralihan fasa endemik pada awal tahun 2022 telah memberikan sinar yang gemilang bagi Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dalam mengarusperdanakan TVET di negara ini.

Sekalung penghargaan dan tahniah pada Sidang Redaksi yang telah berjaya menerbitkan Buku Laporan Tahunan JPK 2022. Saya cukup tertarik dengan pendekatan infografik yang digunakan dalam memaparkan pencapaian yang telah dicapai oleh JPK. Penggunaan infografik ini amat membantu dalam menunjukkan fungsi dan peranan setiap warga JPK.

Sebagaimana sedia maklum, Kerajaan melalui  Bajet 2022 telah memberi penekanan yang khusus kepada pemerkasaan TVET dengan peruntukan sebanyak RM 6.6 bilion dalam melahirkan tenaga mahir negara.

Alhamdulillah, warga kerja JPK telah menunjukkan komitmen dan kecekalan yang tinggi dalam melaksanakan fungsi jabatan sepanjang tahun 2022. Tahun 2022 mengalami pelbagai gelombang di dalam negara daripada perubahan tampuk pemerintahan negara dan diuji bencana alam. Namun, warga kerja JPK tetap bersemangat dalam melaksanakan tugas demi pembangunan TVET negara.

Antara pencapaian JPK sepanjang tahun 2022 adalah seperti berikut.

i. 96,762 bilangan penganugerahan persijilan kemahiran Malaysia kepada pelatih dan pekerja;
ii. 4,151 bilangan tenaga pengajar TVET yang dilatih semula (Re-Skilling, Up-Skilling & Profesional);
iii. 17 kerjasama strategik yang melibatkan JPPKK, UiTM, UNIKL, IPGM, JBPM, JKKP, UKM, UNIRAZAK, MYREF, MBOT, PTP, TWI, KWSP, UTS, HESB, PIKMM dan MPC;
iv. 19 program yang terlibat dalam ujian rintis penilaian penarafan tunggal;
v. 1,087 bilangan pentauliahan program baharu;
vi. 37 NOSS mengikut keperluan industri telah dibangunkan;
vii. 40 lawatan pemeriksaan bagi penguatkuasaan Akta 652;
viii. 17,334 penganugerahan persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah PPT;
ix. JPK juga telah berjaya menganjurkan Pertandingan Kemahiran iaitu

WorldSkills Malaysia Belia (WSMB), WorldSkills Malaysia Pengajar (WSMP) dan Junior Skills Malaysia (JSM) selain menyertai World Skills Special Edition 2022 dan beberapa lagi pencapaian cemerlang yang tidak saya sebutkan di sini.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua warga JPK yang sentiasa memberi sokongan dan kerjasama untuk memastikan JPK terus mendahului dari segala aspek kemahiran dan berada di persada kecemerlangan. Saya berharap kita semua terus bersatu hati untuk bergerak seiringan dalam mengharungi cabaran bagi memastikan JPK sentiasa gemilang dan terbilang.

Sekian, terima kasih




**Ketua Pengarah**
**Jabatan Pembangunan Kemahiran**
**Kementerian Sumber Manusia**

# Profil Korporat
## PENGURUSAN TERTINGGI JPK



1. **Ts. Dr. Mohamad bin Sulaiman**
   Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran
2. **Ts. Kamaruzaman bin Hj. Md. Ali**
   Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
3. **Zuleah binti Darsong**
   Pengarah CIAST
4. **Ts. Dr. Aruna binti Ismail @ Abd. Wahab**
   Pengarah Bahagian Pentauliahan (BPT)
5. **Mohd Sukri bin Ismail**
   Pengarah Bahagian Pensijilan Kompetensi (BPK)
6. **Faizah binti Harun**
   Pengarah Bahagian Hubungan Industri dan Kerjasama Strategik (BHIKS)
7. **Tn Hj Mohd Yazid Bin Awalludin**
   Pengarah Bahagian Perancangan, Pembangunan dan Antarabangsa (PPA)
8. **Dr. Mohd Faizal bin Tokeran**
   Pengarah Bahagian Inspektorat (BI)



9. **Molinda binti Abd Rahman**
   Pengarah Bahagian Promosi (BPMO)
10. **Abdul Halim bin Hassan**
   Pengarah Bahagian Standard Pekerjaan dan Kurikulum TVET (BSPKTVET)
11. **Md Kamal Fauzi bin Ahmad**
   Pengarah Bahagian Kewangan, Pentadbiran dan Sumber Manusia (KPSM)
12. **Adlina binti Nuujumudin**
   Pegawai Undang-Undang



# Profil Korporat
## PENGURUSAN TERTINGGI JPK



1. **Ts. Dr. Mohamad bin Sulaiman**
   Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran
2. **Ts. Kamaruzaman bin Hj. Md. Ali**
   Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
3. **Zuleah binti Darsong**
   Pengarah CIAST
4. **Dr. Puteh Melor Wesma binti Salehen**
   Pengarah JPK Wilayah Tengah
5. **Mohammad Musa Bin Ahmad**
   Pengarah JPK Wilayah Selatan
6. **Mohd Azmir Bin Ahmad**
   Pengarah JPK Wilayah Utara
7. **Ts. Mohd. Azmi bin Pelah**
   Pengarah JPK Wilayah Sabah _ Labuan
8. **Sudirman Bin Suratin**
   Pengarah JPK Wilayah Sarawak
9. **Suhaila Bt Mohd Nor**
   Pengarah JPK Wilayah Timur
   (menanggung tugas)



# Pengenalan VISI, MISI & OBJEKTIF

## Visi

Peneraju dalam pembangunan sumber manusia mahir bertaraf dunia.

## Misi

Membangunkan sumber manusia yang berpengetahuan (K-Pekerja) yang berdaya saing.

## Objektif

i. Menyelaras dan mengawal pelaksanaan latihan kemahiran bagi melahirkan K-Pekerja untuk keperluan pekerjaan dan pengiktirafan peringkat nasional dan antarabangsa.

ii. Menyelidik dan membangunkan standard kekompetenan pekerjaan dan kepakaran bagi meningkatkan kualiti sumber manusia mahir berterusan ke arah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

## Fungsi Jabatan

i. Membimbing pembelajaran/ penyelidikan berkenaan latihan kemahiran.
ii. Melaksanakan program persijilan latihan kebangsaan.
iii. Mempromosikan sistem latihan kemahiran.
iv. Membangunkan, meluluskan dan menyemak standard kemahiran kebangsaan.
v. Membantu dan meningkatkan keupayaan kemahiran individu
vi. Menilai keperluan latihan.

## Piagam Pelanggan

i. Mentauliah program latihan kemahiran di Pusat Bertauliah Baharu dan mencapai sekurang-kurangnya 90% siap proses pentauliahan dalam tempoh dua (2) bulan bagi setiap permohonan lengkap yang diterima.
ii. Membangunkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) dan mencapai sekurang-kurangnya 90% bilangan SKPK siap dibangunkan dalam tempoh tujuh (7) bulan dari keseluruhan SKPK yang dibangunkan.
iii. Mentauliah program latihan kemahiran di Pusat Bertauliah SLDN Baharu dan mencapai sekurang-kurangnya 90% siap proses pentauliahan dalam tempoh dua (2) bulan bagi setiap permohonan lengkap yang diterima.
iv. Memantau standard dan kualiti latihan berdasarkan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) melalui lawatan pemeriksaan di bawah Akta 652 dan mencapai sekurang-kurangnya 85% bilangan lawatan pemeriksaan dan tindakan siap dilaksanakan dalam tempoh tiga (3) bulan daripada keseluruhan lawatan pemeriksaan yang dilaksanakan.
v. 90% aduan yang tidak melibatkan tindakan di bawah Akta 652 diselesaikan dalam tempoh 14 hari bekerja.

# Bahagian Perancangan, Pembangunan Dan Antarabangsa (PPA)

Fungsi Bahagian PPA - Merancang dan menyelaras dasar, polisi, projek pembangunan dan program antarabangsa serta pengurusan sistem maklumat.




Rajah 1.1: Carta Organisasi Pengurusan Tertinggi Bahagian Perancangan, Pembangunan Dan Antarabangsa (PPA)

# Laporan Aktiviti

## 1. URUSAN KENAIKAN PANGKAT BERASASKAN KRITERIA KECEMERLANGAN (KC) BAGI SKIM PLV/PPLV




Rajah 1.2: Permohonan Kenaikan Pangkat Berasaskan Kriteria Kecemerlangan (KC) bagi skim PLV/PPLV bagi tahun 2022

Jumlah keseluruhan permohonan yang telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Kecemerlangan (JKPK) adalah sebanyak permohonan **1,113** (2019 – 2022).

Perincian bilangan permohonan adalah seperti jadual 1.1.




Kategori PP : Pengurusan & Profesional

Jadual 1.1: Statistik Keseluruhan Permohonan Kenaikan Pangkat Berasaskan Kriteria Kecemerlangan (KC) dari semua agensi (2019-2022)



Rajah 1.3: Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Kecemerlangan (JKPK) Bil. 2/2022

## 2. MAJLIS PERJUMPAAN KETUA PROFESION SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL (PEM. PLV), PENOLONG PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL (PPLV) & PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL (PLV) BERSAMA AGENSI BERKEPENTINGAN

Majlis perjumpaan Ketua Profesion ini bertujuan mewujudkan komunikasi dua hala di antara Ketua Profesion bersama wakil Pembantu Pegawai Latihan Vokasional (PEM. PLV), Penolong Pegawai Latihan Vokasional (PPLV) dan Pegawai Latihan Vokasional (PLV) dari agensi berkepentingan dalam usaha mendapatkan input bagi menambahbaik skim perkhidmatan PPLV/PLV. Majlis ini telah diadakan pada 15 Disember 2022 dengan kehadiran wakil Pem. PLV/PPLV/PLV dari lapan (8) agensi berkepentingan termasuk Persatuan PPLVM. Lapan (8) agensi yang telah dapat menghadirkan diri di sesi ini adalah seperti berikut:

i. Jabatan Tenaga Manusia;
ii. Jabatan Pembangunan Kemahiran;
iii. Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia;
iv. Pusat Latihan Pengajar Dan Kemahiran Lanjutan (CIAST);
v. Jabatan Penjara Malaysia
vi. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM);
vii. Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam; dan
viii. Persatuan Pegawai-Pegawai Latihan Vokasional Malaysia (PPPLVM).

Sebanyak 18 usul bagi menambahbaik skim perkhidmatan ini telah dibincangkan dan antara usul adalah mewujudkan database PPLV/PLV selain memantapkan training roadmap Skim Perkhidmatan PPLV/PLV.



Rajah 1.4: Majlis Perjumpaan Ketua Profesion Bersama Pembantu Pegawai Latihan Vokasional (Pem. PLV), Penolong Pegawai Latihan Vokasional (PPLV) & Pegawai Latihan Vokasional (PLV) Bersama Agensi Berkepentingan

## 3. MESYUARAT PENYELARASAN DASAR (MPD)

Mesyuarat MPD adalah suatu platform kepada Pengurusan JPK untuk membincangkan serta mendapatkan pandangan berkaitan perkara dasar, polisi atau strategi Jabatan sebelum diputuskan untuk pelaksanaan.

Mesyuarat MPD telah dilaksanakan sebanyak 6 sesi iaitu:-

| BIL | PERKARA | TARIKH |
|---|---|---|
| 1 | Mesyuarat Penyelarasan Dasar Bil. 1/2022 | 7 Januari 2022 |
| 2 | Mesyuarat Penyelarasan Dasar Khas 2022 | 11 Februari 2022 |
| 3 | Mesyuarat Penyelarasan Dasar Bil. 2/2022 | 6 April 2022 |
| 4 | Mesyuarat Penyelarasan Dasar Bil. 3/2022 | 2 September 2022 |
| 5 | Mesyuarat Penyelarasan Dasar Bil. 4/2022 | 11 Oktober 2022 |
| 6 | Mesyuarat Penyelarasan Dasar Bil. 5/2022 | 22 Disember 2022 |

Sebanyak 21 kertas telah dibentang sepanjang tahun 2022 yang melibatkan 5 kertas pemakluman dan 16 kertas pertimbangan.

## 4. MAJLIS PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN (MPKK)

Sepanjang tahun 2022, sebanyak dua (2) Mesyuarat Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) telah dilaksanakan dan dipengerusikan oleh YB Datuk Haji Awang bin Hashim, Timbalan Menteri Sumber Manusia dengan kehadiran wakil-wakil kementerian dan agensi pelaksana TVET serta agensi swasta seperti Persatuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Kongres Kesatuan Sekerja (MTUC) dan wakil industri.

Pencapaian MPKK Tahun 2022:

- Meluluskan 37 *National Occupational Skills Standard* (NOSS).
- Meluluskan Penstrukturan Semula Jawatankuasa Pengiktirafan Kelayakan Kemahiran Lain (JPKKL) dan Jawatankuasa Kerja Pengiktirafan Pakar.




Rajah 1.5: Mesyuarat MPKK Bil 2/2022 dipengerusikan oleh YB Timbalan Menteri Sumber Manusia



Rajah 1.6: Mesyuarat MPKK Bil 2/2022 yang diadakan di Langkawi, Kedah



Rajah 1.7: Anggota tetap Mesyuarat MPKK Bil 2/2022 yang diadakan di Langkawi, Kedah

## 5. MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL BERSAMA (JTC)

JTC ini diwujudkan bagi melaksanakan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET yang melibatkan program yang diakreditasi oleh MQA dan juga program yang ditauliahkan oleh JPK. Mesyuarat ini dipengerusikan secara bersama di antara Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran dan Ketua Pegawai Eksekutif MQA. Sebanyak empat (4) Jawatankuasa Kecil telah ditubuhkan, iaitu:

i. JK Kecil Hebahan;
ii. JK Kecil Pembangunan Daftar Occupational/Industry Standards and Practices;
iii. JK Kecil Pembangunan Panel Penilai TVET; dan
iv. JK Kecil Proses Kerja Akreditasi Tunggal TVET.

Sepanjang tahun 2022, sebanyak tiga (3) mesyuarat telah diadakan dengan dua (2) mesyuarat telah diurusetiakan oleh JPK.

## 6. PROJEK PEMBANGUNAN RMKE-12

Sebanyak lapan (8) projek pembangunan di bawah RMKe-12 telah dilaksanakan oleh JPK pada tahun 2022 dengan peruntukan diluluskan sebanyak RM19.8 juta.

| BIL | NAMA PROJEK | BAHAGIAN |
|---|---|---|
| 1 | *Intelligent & Dynamic TVET Standard and Curriculum Development* | BAHAGIAN STANDARD PEKERJAAN DAN KURIKULUM TVET |
| 2 | Penarafan Tunggal Program TVET | BAHAGIAN INSPEKTORAT |
| 3 | Pengukuhan Pangkalan Data Dan Perluasan Akses TVET Instructor *eProfiling* System (TiPS) | CIAST |
| 4 | Pembangunan Kepakaran Dan Profesionalisma Pengajar TVET & Personel SPKM | CIAST |
| 5 | TVET Instructor Technology Update (TITU) | CIAST |
| 6 | Perolehan Peralatan Latihan bagi Pemodenan Bengkel dan Bilik Kuliah Berasaskan Teknologi Terkini di CIAST Shah Alam | CIAST |
| 7 | Menaik Taraf Dan Membaik Pulih Bangunan Di Pusat Latihan Pengajar Dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) Shah Alam, Selangor | CIAST |
| 8 | Penubuhan Institut Latihan Perladangan (ILPG) Di Segamat, Johor | CIAST |

Jadual 1.2: Senarai Projek Pembangunan JPK pada Tahun 2022

## 7. HAL EHWAL ANTARABANGSA

Unit Antarabangsa merupakan salah satu cabang dalam peranan Bahagian Perancangan, Pembangunan dan Antarabangsa (PPA) di JPK yang berfungsi untuk merancang dan mengurus penyertaan jabatan dalam program antarabangsa selain penyelarasan maklumat berkaitan dasar dan polisi TVET antarabangsa. Tahun 2022 merupakan tempoh transisi era pandemik kepada endemik COVID-19 yang menunjukkan trend berubah secara berperingkat daripada pelaksanaan program secara dalam talian kepada program secara fizikal. Daripada keseluruhan 59 program antarabangsa, 40 daripadanya adalah program dalam talian manakala baki 19 program adalah secara fizikal yang diadakan samada di dalam negara mahupun ke luar negara.

**PROGRAM ANTARABANGSA JPK**

**INTERNATIONAL LABOUR ORGANIZATION**



GESI, 19



SfP, 19



Courtesy Visit, 24 June



Digital Seminar, 7 Dec

1 Program

**ASSOCIATION OF SOUTH EAST ASIAN NATION**



CAD Seminar, 18-20 Jan



2nd Task Force Meeting, 2 Mac



3rd TWG Meeting, 3-4 Aug

7 Program

ICNDT The World Organisation for NDT

**INTERNATIONAL COMMITTEE FOR NON-DESTRUCTIVE TESTING**



Courtesy Visit to (NDT) Industry in Nepal, 1st -4th Nov

1 Program

## WORLD BANK GROUP




2 Program

Simposium 'International Labor Mobility',
23rd March

## IMT- GROWTH TRIANGLE



15th Meeting – Strategic
IMT-GT Plenary Session 2022, 25th May.

2 Program

## BIMP-EAGA



MTR Task Force Meeting,
20-21 July.



7th SCE Cluster Meeting,
3rd Nov.




BIMP-EAGA Entrepreneurship Camp,
18 Feb.

5 Program

## ASIA-PACIFIC ECONOMIC COOPERATION

5 Program

APEC 2022 THAILAND

APEC Project Quality Trainings,
14 &17 Feb.



APEC Life-long Learning and Skilling Project,
4th May, 1st June & 14th June.

## REGIONAL COOPERATION TVET

1 Program



9th Regional Steering Committee Meeting
of ASEAN In-CT Standard, 1-2 Aug.

Rajah 1.8: Rangkuman program antarabangsa yang telah disertai oleh pihak JPK
sepanjang tahun 2022

| PROGRAM | TARIKH | BIL PESERTA | NAMA PESERTA |
|---|---|---|---|
| Seminar for Mainstreaming Gender Equality and Social Inclusion (GESI) in TVET/Skills Training in Malaysia (ILO) | 19 Jan 2022 | 2 | 1. Pn. Molinda Binti Abd Rahman<br>2. Ts. Mohamad Zairi Bin Ramly |
| Seminar on "Review of Institutional Mechanism for Industry Engagement in TVET/ Skill Training in Malaysia: Presentation of Draft Final Report and International Cases" | 24 Feb 2022 | 1 | 1. Pn. Meena a/p Ramalingam |
| 1st Meeting for Core Group Members for the project "Comprehensive Review of Malaysia's Lifelong Learning Policies and Programmes" under International Labour Organization (ILO) | 10 Mac 2022 | 1 | 1. Pn. Meena a/p Ramalingam |
| Sesi Perbincangan Berhubung Lawatan Delegasi World Bank Malaysia ke CIAST | 15 Mac 2022 | 1 | 1. Ts. Mohmad Zairi bin Ramly |
| Lawatan Delegasi World Bank Malaysia Ke CIAST | 28 Mac 2022 | 2 | 1. Pn. Molinda binti Abd Rahman<br>2. Pn. Meena a/p Ramalingam |
| APEC Life-Long Learning and Skilling Project - Webinar #1 | 4 Mei 2022 | 1 | 1. Pn. Meena a/p Ramalingam |
| The Skills for Prosperity Programme in Malaysia The MBAM-ILO-UK Partnership for Enhancement of A Sector Skills Body and Industry-Lead TVET Modalities In The Construction Sector Steering Committee Meeting No. 1 | 20 Mei 2022 | 1 | 1. Pn. Meena a/p Ramalingam |
| Invitation Launching Ceremony-Mbam-Ilo-Uk Partnership For Enhancement Of A Sector Skills Body And Industry-Led Tvet Modalities In The Construction Sector | 8 Jun 2022 | 1 | 1. Pn. Meena a/p Ramalingam |
| 2nd Meeting for Core Group Members for the project "Comprehensive Review of Malaysia's Lifelong Learning Policies and Programmes" under International Labour Organization (ILO) | 21 Jun 2022 | 1 | 1. Pn. Meena a/p Ramalingam |
| Kunjungan Hormat Chief Technical Advisor Skills (ILO) for Prosperity (SfP-SEA) Southeast Asia Programme | 24 Jun 2022 | 3 | 1. Pn. Meena a/p Ramalingam<br>2. En. Zahirul Hasni Bin Zaminazha<br>3. Norhidayah Binti Mohd Hanapiah |

| PROGRAM | TARIKH | BIL PESERTA | NAMA PESERTA |
|---|---|---|---|
| Kunjungan Hormat Delegasi Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) Di Bawah Projek Skills For Prosperity Kepada TKSU (Operasi), KSM | 29 Jun 2022 | 2 | 1. En. Zahirul Hasni Bin Zaminazha<br>2. Norhidayah Binti Mohd Hanapiah |
| Mesyuarat Sesi Perbincangan Bersama ILO Berkenaan Pembangunan Bakat Digital KSM | 29 Jun 2022 | 2 | 1. Pn. Siti Fauziah binti Jumadi (DV - 52 TP PPA)<br>2. En. Syarumiefizal bin Baharum (DV 44 - PKP PPA) |
| Discussion on “GESI Challenge Call” | 22 Julai 2022 | 1 | 1. Pn. Meena a/p Ramalingam |
| E-town hall meeting on the 1st Malaysia Skills Challenge Innovation Call: Mainstreaming Gender Equality and Social Inclusion (GESI) in TVET/Skills training institutions | 29 Julai 2022 | 2 | 1. Pn. Meena a/p Ramalingam |
| 9th Plus Steering Committee Meeting Standard for In-Company Trainers in ASEAN Countries | 1 – 2 Ogos 2022 | 1 | 1. Pn. Meena a/p Ramalingam |
| SfP- ILO : “National Instructors Seminar “International Cases on Digital Competency Frameworks for Educators and Citizens” | 20 Oktober 2022 | 2 | 1. Norhidayah Binti Mohd Hanapiah, PKP PPA<br>2. Pn Zanariah Binti Sadile, PKP PPA |
| ILO Knowledge Sharing ~ SEMINAR ON DIGITAL TECHNOLOGY UTILISATION AND INDUSTRY SKILLS NEEDS AND THE SKILLS PROFILING WORKSHOP | 07 Disember 2022 | 3 | 1. Pn. Siti Fauziah Binti Jumadi<br>2. Mohd Zahirul Bin Zaminazha<br>3. Norhidayah Mohd Hanapiah |
| Kunjungan Hormat - Meeting with Skills Consulting Group, Mr. Jim So and New Zealand Trade Commissioner, Catherine Rusby | 15 Disember 2022 | 1 | 1. Pn. Meena a/p Ramalingam, TP PPA |
| 1st Malaysia Skills Innovation Challenge Call: Mainstreaming Gender Equality and Social Inclusion in TVET/Skills Training Institutions. | 19-21 Disember 2022 | 1 | 1. Pn. Meena a/p Ramalingam |

Jadual 1.3: Penyertaan Program Antarabangsa dari pegawai Bahagian Perancangan, Pembangunan dan Antarabangsa (PPA)

## 8. UNIT KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI)

Petunjuk Prestasi Utama atau *Key Performance Indicator* (KPI), merupakan pengukuran prestasi yang digunakan untuk mentakrif, menilai dan melapor kemajuan penyampaian perkhidmatan agensi/ organisasi yang berada di bawah tanggungjawab pegawai. Pengukuran KPI yang digunakan adalah berasaskan kepada pencapaian pegawai yang dinilai sejajar dengan perancangan KPI organisasi. Secara asasnya, tujuan penetapan KPI adalah untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan Jabatan kepada pelanggan atau golongan sasar.

Jadual 1.4: KPI Utama Jabatan Tahun 2022

| BHAG | TAJUK KPI | SASARAN | PENCAPAIAN |
|---|---|---|---|
| 1 | Bilangan penganugerahan persijilan kemahiran Malaysia kepada pelatih dan pekerja | 65,000 pelatih dan pekerja | 96,762 pelatih dan pekerja |
| 2 | Bilangan tenaga pengajar TVET yang dilatih semula (Re-Skilling, Up-Skilling & Profesional) | 3000 tenaga pengajar | 4,151 tenaga pengajar |
| 3 | Penggiatan kerjasama strategik | 4 kolaborasi | 5 kolaborasi |
| 4 | Peratusan sumber manusia yang dikeluarkan dengan persijilan | 95 % dipersijilkan | 100 % dipersijilkan |
| 5 | Pelaksanaan hubungan kerjasama strategik bersama organisasi awam dan swasta | 4 kerjasama strategik | 5 kerjasama strategik |
| 6 | Program SLDN Plus | 10,000 perantis | 10,165 perantis |
| 7 | Pembangunan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) mengikut keperluan industri | 7 pakej NOSS dibangunkan | 7 pakej NOSS dibangunkan |
| 8 | Pentauliahan program baharu | 400 program | 732 program |
| 9 | Tahap Pematuhan Penyedia Latihan Kemahiran Yang Ditauliahkan Berdasarkan Pemeriksaan Di Bawah Akta 652 | 52% tahap pematuhan | 70% tahap pematuhan |
| 10 | Penganugerahan persijilan kemahiran Malaysia melalui kaedah PPT | 7,000 sijil | 17,334 sijil |
| 11 | Pembangunan Kerangka Pekerjaan (OF) berdasarkan MSIC | 1 kerangka pekerjaan dibangunkan | 1 kerangka pekerjaan dibangunkan |
| 12 | Bilangan bidang kemahiran yang dipertandingkan di peringkat nasional, rantau dan antarabangsa | 51 bidang kemahiran | 67 bidang kemahiran |
| 13 | Pengurusan pindaan Akta 652 | 30% proses pengurusan | 30% proses pengurusan |
| 14 | Bilangan penyertaan pengajar mengikuti Latihan Sangkutan Industri dan Perkongsian Kepakaran Industri | 300 tenaga pengajar | 438 tenaga pengajar |
| 15 | Bilangan penyertaan bagi Kursus Trainer, Coach dan Induksi SLDN | 1,500 peserta | 1,617 peserta |

| BHAG | TAJUK KPI | SASARAN | PENCAPAIAN |
|---|---|---|---|
| 16 | Tahap kepuasan pelatih terhadap latihan kemahiran di CIAST | 81% pelatih berpuashati | 90% pelatih berpuashati |
| 17 | Bilangan pengambilan pelajar baharu kursus VTO | 850 pelajar | 868 pelajar |






Rajah 1.9: Mesyuarat Kerja Business Plan 2023 diadakan pada 22-24 November di JPK Wilayah Utara

Mesyuarat Kerja Business Plan 2023 JPK telah bersidang pada 22-24 November 2022 di JPK Wilayah Utara. Mesyuarat kerja ini bertujuan untuk berbincang, meneliti dan merumus cadangan aktiviti yang dirancang oleh Jabatan bagi tahun 2023.

## 9. AKTIVITI UNIT PENGURUSAN MAKLUMAT (UPM) 2022

Sepanjang tahun 2022, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan oleh Unit Pengurusan Maklumat (UPM). Antara sorotan aktiviti utama adalah Mesyuarat Kerja MySPIKE, Klinik MySPIKE, Kursus Kepada Kakitangan dan juga Taklimat MySPIKE.

Tujuan Mesyuarat Kerja MySPIKE ini dijalankan bagi memperhalusi pelaksanaan dari segi proses kerja, panduan dan pembangunan modul di dalam MySPIKE. Pengguna modul yang terdiri dari pegawai JPK juga dapat menguji terlebih dahulu sistem yang dibangunkan dan memberi input bagi mengemaskini paparan dan proses aliran kerja sebelum modul ini disahkan dalam sistem MySPIKE. Sebanyak empat (4) siri telah dijalankan seperti berikut:




Kursus diadakan kepada kakitangan UPM dan juga kepada para pegawai JPK dan CIAST yang terdiri daripada pengguna dari setiap modul yang terdapat di dalam MySPIKE. Senarai kursus-kursus yang diadakan dari bulan Februari hingga bulan September 2022 adalah:

i. Kursus pemasangan dan penggunaan GitLAB;
ii. Kursus Data Mining MySPIKE (SQL);
iii. KNIME Analytic Platform for Data Scientist;
iv. Kursus Laravel;
v. Kursus Red Hat Certified System Administrator (RHCSA);
vi. Kursus Application Assessment dan Secure Coding;
vii. Kursus OS Review Hardening Linux and Database Review And Hardening MySQL; dan
viii. Kursus *Artificial Intelligence* (AI) *For Beginners* dan Kursus Data Analytics Using Python 2022.

Selain itu, Unit Pengurusan Maklumat (UPM) turut melaksanakan sesi taklimat kepada para pengguna MySPIKE pada 9 Jun 2022. Sesi ini bertujuan untuk berkongsi maklumat asas modul-modul MySPIKE merangkumi tujuan, pengguna, pegawai penyelaras, cara kerja dan sebagainya untuk memantapkan pengetahuan serta pemahaman kakitangan Jabatan. Sesi yang melibatkan seluruh warga JPK termasuk Ibu Pejabat JPK Putrajaya, JPK Cyberjaya, CIAST dan JPK Wilayah ini dijalankan secara atas talian. UPM turut dijemput untuk mengadakan satu sesi webinar berkenaan promosi TOT Langkah-Langkah Pengiklanan dan Pengambilan Pelajar ke Institut Latihan Kemahiran Melalui AppSPIKE dan MySPIKE pada 17 Jun 2022.



Rajah 1.10: Webinar Langkah-Langkah Pengiklanan dan Pengambilan Pelajar ke Institut Latihan Kemahiran Melalui AppSPIKE dan MySPIKE pada 17 Jun 2022



Rajah 1.11: Kursus OS Review Hardening Linux And Database Review And Hardening Mysql pada 13 - 16 Jun 2022



Rajah 1.12: Kursus Data Mining MySPIKE (SQL) 7 - 8 Jun 2022



Rajah 1.13: KURSUS DATA ANALYTICS USING PYTHON 2022 26 – 29 September 2022



Rajah 1.14: Siri 1 - Modul Penilaian SLDN (30 Mei – 2 Jun 2022)




Rajah 1.15: Mesyuarat Kerja MySpike Siri 3/2022 – Modul TVET Integrated Assessment (22 – 25 Ogos 2022)

# Bahagian Standard Pekerjaan Dan Kurikulum Tvet

**(BSPKTVET)**

# PENCAPAIAN BSPKTVET 2022

**OF** — PEMBANGUNAN KERANGKA PEKERJAAN (OF)
**39 OF**

**NOSS** — PEMBANGUNAN STANDAR KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN (NOSS)
**2,062 NOSS**

**WIM** — PEMBANGUNAN BAHAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJAARAN (WIM)
**61 WIM**

**SOALAN PENILAIAN LATIHAN KEMAHIRAN** — PEMBANGUNAN SOALAN PENILAIAN LATIHAN KEMAHIRAN
**3,497 SOALAN**

## *TOWARDS LEARNING ORGANIZATION CULTURE*

**2,925** PESERTA

**5** SIRI WEBINAR

Program Perkongsian Informasi OF, NOSS, WIM dan Soalan Penilaian Latihan Kemahiran

## PEMANTAPAN PERSONEL

**606** PESERTA

**3** PROGRAM KURSUS PEMANTAPAN

**8** SIRI PROGRAM KHIDMAT NASIHAT

## PENGEMASKINIAN DATA NOSS/WIM/SOALAN

**400** PROGRAM NOSS

**29** PROGRAM WIM

**3,497** SOALAN PENILAIAN

## PENDAFTARAN NOSS DALAM MyIPO

**1,707** NOSS

MyIPO

## PROGRAM PENGGUNAAN A.I PERKESO MELALUI PEMETAAN NOSS

**2,062** PROGRAM NOSS

**2** SESI BENGKEL

## *INDUSTRIAL ENGAGEMENT*

**100** WAKIL INDUSTRI

**5** BIDANG OF

## PENGENALAN

Bahagian Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) dijenamakan semula kepada Bahagian Standard Pekerjaan Dan Kurikulum TVET (BSPKTVET) bermula tahun 2022 selaras dengan aspirasi Kerajaan memperkasakan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) negara. BSPKTVET merupakan tunjang pelaksanaan Sistem Pensijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) berdasarkan fungsi bahagian ini yang digerakkan oleh 5 unit seperti berikut:

## UNIT PENGURUSAN DAN KAWALAN KUALITI (UPK)

UPK bertanggungjawab mengurus rundingan bagi tujuan permohonan pembangunan baharu Kerangka Pekerjaan (OF) dan Standard (NOSS dan NCS) serta kaji semula OF dan Standard sedia ada. UPK juga bertanggungjawab dalam mengawal selia kualiti dokumen Standard (NOSS dan NCS) melalui Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Standard (JTS) serta merekodkan Standard yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) di dalam daftar Standard dan Sistem MySPIKE. Selain menguruskan data statistik pembangunan dan daftar Standard, UPK juga menguruskan pendaftaran secara sukarela (Hak Cipta) dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) bagi kesemua dokumen Standard yang telah diluluskan oleh MPKK.

## UNIT PENGURUSAN KERANGKA PEKERJAAN (UPOF)

UPOF bertanggungjawab mengurus pembangunan OF termasuklah perolehan pembangunan, pengenalpastian fasilitator dan panel (pembangun & penilai), pemantauan bengkel pembangunan dan pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Penilaian Kerangka Pekerjaan (JTPOF). UPOF juga bertanggungjawab mengemaskini dokumen OF di laman sesawang JPK dan mengedarkan OF kepada pemegang taruh (stakeholder)/ agensi berkaitan – (ILMIA, PERKESO, IPTA/ILKA).

## UNIT PENGURUSAN STANDARD (UPS)

UPS bertanggungjawab mengurus pembangunan NOSS termasuklah perolehan pembangunan, mengenal pasti dan melantik fasilitator dan panel (pembangun & penilai), memantau bengkel pembangunan dan mengurus Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Penilaian Standard (JTPS). Selain itu, UPS juga bertanggungjawab mengurus pemetaan standard (NOSS/NCS/K-SLDN).

## UNIT PENGURUSAN KURIKULUM (UWIM)

UWIM bertanggungjawab mengurus pembangunan *Written Instructional Material* (WIM) termasuklah urusan perolehan pembangunan, mengenal pasti dan mengawal selia fasilitator dan panel (pembangun & penilai), memantau bengkel pembangunan dan mengurus Mesyuarat Jawatankuasa Pengesahan Kurikulum dan Penilaian (JKPKP). UWIM juga bertanggungjawab mengurus pemetaan kurikulum, pengemaskinian WIM serta menyelaras pembangunan kurikulum bersama agensi Kerajaan & swasta.

## UNIT PENGURUSAN SOALAN DAN PENILAIAN (UPSP)

UPSP bertanggungjawab mengurus pembangunan soalan termasuklah perolehan pembangunan, mengenal pasti dan mengawal selia fasilitator dan panel (pembangun & penilai), memantau bengkel pembangunan, mengurus Mesyuarat Jawatankuasa Pengesahan Kurikulum dan Penilaian (JKPKP), mengurus dan mengemaskini soalan dan menyelaras pembangunan soalan bersama agensi Kerajaan & swasta.

## CARTA ORGANISASI BAHAGIAN STANDARD PEKERJAAN DAN KURIKULUM TVET (BSPKTVET)




Rajah 2.1: Carta Organisasi BSPKTVET Tahun 2022

# PEMBANGUNAN KERANGKA PEKERJAAN (OF), NATIONAL OCCUPATIONAL SKILLS STANDARD (NOSS), WRITTEN INSTRUCTIONAL MATERIAL (WIM) DAN SOALAN LATIHAN KEMAHIRAN

## KITARAN PEMBANGUNAN STANDARD & KURIKULUM TVET




Rajah 2.2: Kitaran Pembangunan Standard & Kurikulum TVET




Rajah 2.3: Pengenalan Dokumen Kerangka Pekerjaan (OF)




Rajah 2.4: Mesyuarat Kerja Pembangunan Kerangka Pekerjaan (OF) Tahun 2022

Jadual 2.1: Maklumat Pembangunan Kerangka Pekerjaan (OF) Tahun 2022

| BIL. | MSIC | TAJUK OF | KAEDAH PEMBANGUNAN |
|---|---|---|---|
| 1. | N78 | Employment Activities | Dalaman |
| 2. | A03 | Fishing and Aquaculture | Dalaman |
| 3. | C20 | Manufacture of Chemical and Chemical Products | Khidmat perunding Siri 1/2022 (Julai 2022 - Mac 2023) |
| 4. | C24 | Manufacture of Basic Metals | |
| 5. | E36 | Water Collection, Treatment and Supply | |
| 6. | E37 | Sewerage | |
| 7. | E38 | Waste Collection, Treatment and Disposal Activities; Materials Recovery | |
| 8. | N79 | Travel Agency, Tour Operator, Reservation Service and Related Activities | |
| 9. | C29 | Manufacture of Motor Vehicles, Trailers and Semi-Trailers | Khidmat perunding Siri 2/2022 (Sep 2022 - Mei 2023) |
| 10. | C30 | Manufacture of Other Transport Equipment | |
| 11. | H49 | Land Transport and Transport via Pipelines | |
| 12. | H51 | Air Transport | |
| 13. | K65 | Insurance/Takaful, Reinsurance/Retakaful and Pension Funding except Compulsory Social Security | |
| 14. | L68 | Real Estate Activities | |

## Pembangunan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan, SKPK (National Occupational Skills Standard, NOSS)

Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan atau dikenali sebagai “NOSS” adalah suatu dokumen yang menggariskan keterampilan yang perlu dimiliki oleh seseorang pekerja mahir yang bekerja di Malaysia bagi sesuatu bidang & tahap pekerjaan tertentu serta laluan untuk mencapai standard yang ditetapkan. NOSS dibangunkan sejajar dengan peruntukan di bawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652) yang melibatkan pakar industri dan pengajar latihan kemahiran dalam bidang berkaitan. Daftar NOSS boleh diakses dengan melayari www.dsd.gov.my.


**Statistik SKPK / *NOSS Statistic***

*(kemaskini pada 4 November 2022 berdasarkan keputusan MPKK Bil.2/2022 12 September 2022)*

| BILANGAN STANDARD KESELURUHAN SEHINGGA 12 SEPTEMBER 2022 | BILANGAN STANDARD (NOSS + NCS + K-SLDN) | BILANGAN STANDARD YANG DIKAJISEMULA/JUMUD (KOD LAMA YANG TIDAK AKTIF) |
|---|---|---|
| 3,548 | 2062 | 1,486 |



Rajah 2.5: Statistik NOSS Sehingga 12 September 2022




Rajah 2.6: Mesyuarat Kerja Pembangunan NOSS Tahun 2022

Jadual 2.1: Senarai Tajuk NOSS Bagi Pembangunan NOSS Tahun 2022

| BIL. | TAJUK / KOD NOSS |
|---|---|
| 1. | Shielded Metal Arc Welding (SMAW) Process / C259-008-3:2022 |
| 2. | Motor Vehicle Damage & Repair Assessment Operation / G452-009-3:2022 |
| 3. | Food Preparation and Production / I561-005-2:2022 |
| 4. | Culinary Arts Operation / I561-005-3:2022 |
| 5. | Radiographic Testing (RT) - Welded Construction / M712-011-1:2022 |
| 6. | Radiographic Testing (RT) - Welded Construction / M712-011-2:2022 |
| 7. | Radiographic Testing (RT) - Welded Construction / M712-011-3:2022 |

| BIL. | TAJUK / KOD NOSS |
|---|---|
| 8. | Radiographic Testing – Digital (RT-D) – Welds, Castings, Tubes and Pipes / M712-012-1:2022 |
| 9. | Radiographic Testing – Digital (RT-D) – Welds, Castings,Tubes and Pipes / M712-012-2:2022 |
| 10. | Radiographic Testing – Digital (RT-D) – Welds, Castings, Tubes and Pipes / M712-012-3:2022 |
| 11. | Medical Sonography / Q861-003-4:2022 |
| 12. | Medical Sonography and Consultancy / Q861-003-5:2022 |
| 13. | NCS Safety, Health and Environment Management |
| 14. | Battery Electric Vehicle (BEV) Diagnostic and Rectification (Level 3) |
| 15. | Computer Network Services (Level 3) |
| 16. | TV and Film Production Operation (Level 4) |
| 17. | TV and Film Production Management (Level 5) |
| 18. | Digital Printing Operation (Level 2) |
| 19. | Digital Printing Production (Level 3) |
| 20. | Children's Wear Making (Level 2) |
| 21. | Children's Wear Making Technical Operation (Level 3) |
| 22. | Fashion Retail Merchandising (Level 3) |
| 23. | Aircraft Maintenance Engineering (Avionics) (Level 4) |
| 24. | Aircraft Maintenance Management (Avionics) (Level 5) |
| 25. | Building Architectural Painting (Level 1) |
| 26. | Building Architectural Painting (Level 2) |
| 27. | Building Architectural Painting (Level 3) |
| 28. | Aerospace Composite Process Operation (Level 4) |
| 29. | Aerospace Composite Production Management (Level 5) |
| 30. | Cruise Services Sales And Marketing Operation (Level 3) |
| 31. | Ternakan Ikan Hiasan Air Tawar (Tahap 2) |
| 32. | Ternakan Ikan Hiasan Air Tawar (Tahap 3) |
| 33. | Seni Dan Kraf Barang Kemas Tradisional (Tahap 2) |
| 34. | Seni Dan Kraf Barang Kemas Kontemporari (Tahap 3) |
| 35. | Water Meter Reading And Billing (Level 2) |
| 36. | Water Meter Reading And Billing (Level 3) |
| 37. | Outbound Tour Operation (Level 3) |

| BIL. | TAJUK / KOD NOSS |
|---|---|
| 38. | Pentadbiran Penguatkuasaan Aktiviti Perburuhan (Tahap 4) |
| 39. | Pengurusan Penguatkuasaan Aktiviti Perburuhan (Tahap 5) |
| 40. | Pharmaceutical Manufacturing Engineering Facilities Maintenance Operation (Level 2) |
| 41. | Pharmaceutical Manufacturing Engineering Facilities Maintenance Supervision (Level 3) |
| 42. | Pharmaceutical Formulation And Analytical Development Operation (Level 2) |
| 43. | Pharmaceutical Formulation And Analytical Development Supervision (Level 3) |
| 44. | Robot Assembly (Level 3) |
| 45. | Robot System Design (Level 4) |
| 46. | Robot System Architecture (Level 5) |
| 47. | Sewerage Infrastructure Development (Asset Management) (Level 3) |
| 48. | Water Infrastructure Asset Profiling (Level 2) |
| 49. | Water Infrastructure Asset Assessment (Level 3) |
| 50. | Water Infrastructure Development (Planning & Design) Operation (Level 2) |
| 51. | Water Infrastructure Development (Planning & Design) Supervision (Level 3) |
| 52. | Water Quality Laboratory Operation (Level 4) |
| 53. | Water Quality Laboratory Management (Level 5) |
| 54. | Pengeluaran Tenunan Warisan (Tahap 3) |
| 55. | Ncs Low Carbon City Compliance Facilitation |

## Pembangunan Bahan Pengajaran dan Pembelajaran Bertulis (WIM)

Bahan Pengajaran dan Pembelajaran Bertulis atau lebih dikenali sebagai *Written Instructional Material* (WIM) adalah dokumen yang dibangunkan sebagai panduan kepada tenaga pengajar dan pelatih bagi membantu proses pengajaran dan pembelajaran. Pembangunan WIM adalah berasaskan kurikulum unit kompetensi atau *Curriculum of Competency Unit* (CoCU) dan mematuhi Panduan Pembangunan Bahan Pengajaran dan Pembelajaran Bertulis yang berkuat kuasa.

Jadual 2.3: Senarai Tajuk NOSS Bagi Pembangunan WIM Tahun 2022

| BIL. | KOD NOSS | TAJUK NOSS |
|---|---|---|
| 1. | F432-005-2:2019 | Pemasangan Dan Penyelenggaraan Elektrik Satu Fasa |
| 2. | C261-001-2:2020 | Pengujian, Pengesanan Kerosakan Dan Penyelenggaraan Komponen Dan Papan Elektronik |
| 3. | H512-001-2:2019 | Pengendalian Dron |
| 4. | C259-001-2:2016 | Pengeluaran Fabrikasi Peralatan Bertekanan (Logam) |

| BIL. | KOD NOSS | TAJUK NOSS |
|---|---|---|
| 5. | C331-016-3:2021 | Operasi Pembaikan Dan Pemeriksaan Sturktur Komposit Aeroangkasa |
| 6. | I551-002-3:2017 | Operasi Kaunter Hadapan |
| 7. | S960-002-1:2020 | Perkhidmatan Kecantikan |
| 8. | G452-006-3:2019 | Pembaikan Badan Kenderaan Automotif |
| 9. | C141-005-2:2021 | Pembuatan Pakaian Wanita |
| 10. | I551-003-2:2018 | Operasi Pengemasan |
| 11. | N821-001-3:2020 | Pentadbiran Pejabat |
| 12. | MC-091-2:2016 | Perkhidmatan Kejuruteraan Automasi Industri |




Rajah 2.7: Mesyuarat Kerja Pembangunan WIM Tahun 2022

## Pembangunan Soalan Penilaian Latihan Kemahiran

Soalan penilaian latihan kemahiran dibangunkan bertujuan menilai tahap pengetahuan dan kemahiran yang mencakupi keterampilan yang terdiri daripada fakta, teori, prosedur serta sikap, amalan keselamatan dan alam sekitar seseorang pelatih yang mengikuti program latihan kemahiran di Pusat Bertauliah SPKM. Soalan penilaian yang dibangunkan pada tahun 2022 melibatkan 45 CU Dominan daripada 45 program NOSS.




Rajah 2.8: Mesyuarat Kerja Pembangunan Soalan Penilaian Latihan Kemahiran Tahun 2022

## PENDAFTARAN NOSS DENGAN MyIPO

Standard yang diperakukan oleh MPKK dilindungi hak ciptanya melalui pendaftaran secara sukarela dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).

| BIL. | TAHUN DAFTAR | BILANGAN NOSS |
|---|---|---|
| 1 | 2012 | 0 |
| 2 | 2013 | 0 |
| 3 | 2014 | 301 |
| 4 | 2015 | 444 |
| 5 | 2016 | 0 |
| 6 | 2017 | 532 |
| 7 | 2018 | 109 |
| 8 | 2019 | 0 |
| 9 | 2020 | 125 |
| 10 | 2021 | 100 |
| 11 | 2022 | 96 |
| JUMLAH | | 1707 |



Rajah 2.9: Pendaftaran NOSS dalam MyIPO

# PENGEMASKINIAN NOSS/ WIM (eWIM)/ SOALAN (eQB) DALAM MYSPIKE

## Pengemaskinian NOSS dalam MySPIKE

Data NOSS di dalam sistem MySPIKE perlu diselenggara secara berkala bagi memastikan mutu penyampaian perkhidmatan oleh Jabatan kepada pengguna berada pada tahap terbaik. Justeru, empat (4) siri Bengkel Pengemaskinian Data NOSS dalam Sistem MySPIKE telah diadakan sepanjang tahun 2022 melibatkan 25 orang panel industri dan pegawai JPK.




Rajah 2.10: Bengkel Pengemaskinian Data NOSS dalam Sistem MySPIKE Tahun 2022

## Pengemaskinian WIM dalam MySPIKE (eWIM)

Bengkel Pengemaskinian WIM dalam Sistem MySPIKE (e-WIM) telah diadakan di Hotel Orient Star, Lumut, Perak pada 2-5 September 2022 yang melibatkan seramai 25 pegawai daripada Bahagian NOSS. Sebanyak 29 WIM telah berjaya dikemaskini dalam MySPIKE.




Rajah 2.11: Bengkel Pengemaskinian WIM Dalam Sistem MySPIKE Tahun 2022

## Pengemaskinian Soalan dalam TVET Integrated Assessment (TIA) MySPIKE




Rajah 2.12: Bengkel Pengemaskinian Soalan Penilaian Latihan Kemahiran dalam TVET Integrated Assessment (TIA) MySPIKE Tahun 2022

## PEMANTAPAN PERSONEL

‘Refresher Course’: Program Peningkatan Kemahiran Fasilitator Pembangunan Bahagian SPKTVET Tahun 2022 telah diadakan pada 30 – 31 Mei 2022 bertempat di Auditorium CIAST, Shah Alam, Selangor. Majlis disempurnakan oleh Yang Berusaha Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Jabatan Pembangunan Kemahiran, Ts. Dr. Mohamad bin Sulaiman. Program ini menjadi medium bagi menyampaikan maklumat berkaitan pembangunan OF, NOSS, WIM, Soalan Latihan Kemahiran dan Kualiti dokumen kepada pegawai JPK, CIAST dan fasilitator swasta.




Rajah 2.13: ‘Refresher Course’: Program Peningkatan Kemahiran Fasilitator Pembangunan Bahagian SPKTVET Tahun 2022

Kursus ‘Research Methodology’ Bagi Pemantapan Pembangunan Kerangka Pekerjaan Tahun 2022 telah diadakan pada 01 – 04 Mac 2022 bertempat di Sepang, Selangor. Majlis disempurnakan oleh Pengarah (BSPKTVET), Jabatan Pembangunan Kemahiran, YBrs.Dr. Ghalip bin Spahat.




Rajah 2.14: Kursus 'Research Methodology' Bagi Pemantapan Kerangka Pekerjaan Tahun 2022

Bengkel Pemantapan Pegawai SLaPB Bagi Semakan WIM & Penilaian Soalan Tahun 2022 telah diadakan pada 17 – 21 Mac 2022 bertempat di D'Warft Hotel & Service Residence Port Dickson.




Rajah 2.15: Bengkel Pemantapan Pegawai SLaPB Bagi Semakan WIM & Penilaian Soalan Tahun 2022

# KHIDMAT NASIHAT PEMBANGUNAN WIM DAN SOALAN PENILAIAN

Program Khidmat Nasihat Pembangunan Soalan Penilaian Latihan Kemahiran Berdasarkan COPTPA bertujuan memantapkan pemahaman PPL berkaitan Pembangunan Soalan Penilaian Latihan Kemahiran Berdasarkan COPTPA bagi memastikan graduan yang dihasilkan oleh PB menepati pasaran industri dan keperluan teknologi terkini. Selain khidmat nasihat pembangunan soalan penilaian, Program Khidmat Nasihat WIM juga turut dianjurkan pada tahun 2022.




Rajah 2.16: Program Khidmat Nasihat Pembangunan WIM Tahun 2022




Rajah 2.17: Program Khidmat Nasihat Pembangunan Soalan Tahun 2022

## *TOWARDS LEARNING ORGANIZATION CULTURE*

BSPKTVET mengambil langkah proaktif untuk mewujudkan *Learning Organization Culture* dengan menganjurkan Sesi Perkongsian Maklumat Bahagian NOSS Tahun 2022 yang bertemakan 'Learning Organization Culture Towards Creating and Continually Expanding High Valued Talents'. Sebanyak lima (5) siri webinar telah diadakan bermula Februari sehingga Julai 2022.

Sesi Perkongsian ini menjadi medium hebahan informasi mengenai keperluan OF, NOSS, WIM dan Soalan Penilaian Latihan Kemahiran dalam peningkatan kemahiran dan kerjaya pekerja mahir serta graduan TVET di Malaysia.




Rajah 2.18: Sesi Perkongsian Maklumat Bahagian NOSS Tahun 2022

## 'INDUSTRIAL ENGAGEMENT' (IE)

Sesi 'Industrial Engagement' untuk Kandungan OF dan NOSS diadakan bertujuan memperkukuh kerjasama pembangunan sumber manusia mahir antara Jabatan dan industri di samping mempromosikan kepentingan OF dan NOSS dalam memacu pembangunan modal insan berkemahiran negara. Program ini disempurnakan oleh Pengarah (BSPKTVET), Jabatan Pembangunan Kemahiran, YBrs. Dr. Ghalip bin Spahat.




Rajah 2.19: 'Industrial Engagement' Kandungan OF dan NOSS Tahun 2022

## PROGRAM PENGGUNAAN A.I PERKESO MELALUI PEMETAAN NOSS (MSIC) VS MASCO

Progam kerjasama antara JPK dan PERKESO bertujuan mengenal pasti keperluan kedua-dua agensi dalam memanfaatkan data dan sistem masing-masing dalam mengukuhkan ekosistem pembangunan tenaga mahir dan bakat negara.




Rajah 2.20: Program Penggunaan A.I PERKESO Melalui Pemetaan NOSS (MSIC) vs MASCO

## JAWATANKUASA TEKNIKAL STANDARD (JTS)

Jawatankuasa Teknikal Standard (JTS) merupakan Jawatankuasa di bawah Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) untuk melaksanakan fungsi MPKK yang diperuntukkan di bawah Seksyen 4(a) Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652) dengan memperakukan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) bagi tujuan kelulusan di peringkat MPKK.




Rajah 2.21: Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Standard (JTS) Tahun 2022

## JAWATANKUASA KERJA PENINGKATAN KUALITI LATIHAN (JKKPKL) TVET

Jawatankuasa Kerja Peningkatan Kualiti Latihan (JKKPKL) TVET ditubuhkan bagi melaksanakan fungsi Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) yang diperuntukkan di bawah Seksyen 4(b) Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652) iaitu menasihati Menteri perkara-perkara berhubungan dengan Akta ini. JKKPKL TVET juga berperanan dalam mencadangkan mekanisma pelaksanaan latihan yang lebih signifikan selaras keperluan industri negara, mencadangkan mekanisma pembangunan kurikulum latihan, mengkaji proses penyampaian latihan kemahiran di institusi latihan dan meningkatkan kualiti tenaga pengajar untuk menambahbaik kualiti latihan TVET.




Rajah 2.22: Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Peningkatan Kualiti Latihan (JKKPKL) Tahun 2022



# Bahagian Persijilan Kompetensi (BPK)

## 1. PENGENALAN

**Bahagian Persijilan Kompetensi (BPK)** bertanggungjawab ke atas penilaian dan persijilan bagi Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) yang merupakan sistem latihan yang berteraskan kepada Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (*National Occupational Skills Standards* – NOSS). Ianya adalah polisi, mekanisme dan tatacara yang terlibat dalam penganugerahan Sijil oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran.

Terdapat lima (5) tahap persijilan. Manakala Penyata Pencapaian (PC) dianugerahkan kepada meraka yang mencapai keterampilan bagi sebahagian latihan kemahiran yang diikuti.

- DIPLOMA KEMAHIRAN MALAYSIA TAHAP 1, 2, 3
- DIPLOMA KEMAHIRAN MALAYSIA TAHAP 4
- DIPLOMA LANJUTAN KEMAHIRAN MALAYSIA TAHAP 5
- PENYATA PENCAPAIAN

## 2. CARTA ORGANISASI BPK

### CARTA ORGANISASI BAHAGIAN PERSIJILAN KOMPETENSI




Rajah 3.1: Carta Organisasi BPK 2022

## 3. FUNGSI UTAMA BPK

**BPK** terbahagi kepada dua (2) cawangan iaitu **Cawangan Penilaian Kompetensi (Cyberjaya)** dan **Cawangan Persijilan (Putrajaya)**. Setiap cawangan mempunyai fungsi dan unit di bawahnya seperti berikut

### 3.1 Cawangan Penilaian Kompetensi

**1**

**Unit Penilaian Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB)**

1. Mengurus permohonan verifikasi PPL yang dikemukakan oleh PB SLaPB.
2. Mengurus penugasan PPL SLaPB bagi tujuan verifikasi dan penilaian akhir.
3. Menyelaras dan mengendalikan bimbingan pelaksanaan latihan dan penilaian kepada PB SLaPB.
4. Mamantau pelaksanaan latihan PB SLaPB mengikut polisi dan dasar yang sedang berkuatkuasa.
5. Mengurus dan menyelaras program pemantapan personal SLaPB (PP/PPD/PPL/PPB).
6. Mengurus pemantauan pelatih antarabangsa SLaPB.

**2**

**Unit Penilaian Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)**

1. Mengurus permohonan verifikasi PPL yang dikemukakan oleh PB SLDN.
2. Mengurus pelantikan PPL SLDN bagi tujuan verifikasi dan penilaian akhir.
3. Menyelaras dan mengendalikan bimbingan pelaksanaan latihan dan penilaian kepada PB SLDN.
4. Mamantau pelaksanaan latihan PB SLDN mengikut polisi dan dasar yang sedang berkuatkuasa.
5. Mengurus dan menyelaras program pemantapan personal SLDN (Coach/ Pengajar/Penyelaras/PPL).
6. Mengurus pelaksanaan program SLDN berinsentif.

### 3.2 Cawangan Persijilan

**1**

**Unit Ujian Tanpa Musnah (NDT)**

1. Mengurus dan menyelaras pelantikan dan penugasan personel peperiksaan NDT (ketua pemeriksa, pemeriksa penyelia dan pembantu bengkel).
2. Mengurus dan memantau pelaksanaan sesi peperiksaan NDT.
3. Mengurus pemantapan personel NDT.
4. Mengurus pengiktirafan ISO 17024 dan ISO 9712 termasuk audit dalaman dan luaran.
5. Mengurus bank soalan peperiksaan NDT.
6. Mengurus Mesyuarat Jawatankuasa Keputusan Peperiksaan NDT.
7. Mengurus pengiktirafan SKPM NDT dalam dan luar negara.
8. Mengurus rekod personel peperiksaan dan calon NDT.

**2**

**Unit Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT)**

1. Mengurus penugasan PP-PPT.
2. Mengurus penugasan PPL-PPT.
3. Mengurus dan menyelaras dokumen persijilan.
4. Mengurus dan memantau pelaksanaan penilaian dan verifikasi PPT.

**3**

**Unit Pendaftaran**

1. Mengurus dan menyelaras urusan pendaftaran pelatih/perantis/calon bagi SLaPB, SLDN dan NDT.
2. Mengurus dan menyelaras permohonan pindaan maklumat pelatih/perantis/ calon bagi SLaPB, SLDN dan NDT (berhenti, tangguh latihan pindah PB).
3. Mengurus dan menyelaras pengesahan ulang nilai pelatih/perantis/calon bagi SLaPB, SLDN dan NDT.
4. Mengurus dan menyelaras aktiviti pendaftaran agensi penyelaras, PPA dan calon PPT.

**4**

**Unit Persijilan**

1. Mengurus penyediaan data bagi mesyuarat JPPS.
2. Mengurus pengeluaran sijil SLaPB, SLDN, PPT & NDT.
3. Mengurus kemaskini data persijilan untuk cetakan selepas JPPS.
4. Mengurus permohonan sijil ganti.
5. Mengurus perolehan perkhidmatan mencetak sijil.
6. Mengurus aduan dan pertanyaan pelanggan.

## 4. PENCAPAIAN UTAMA BPK TAHUN 2022

Sepanjang tahun 2022 sejumlah **89,133** Sijil (SKM / DKM / DLKM) dan **7,629** Penyata Pencapaian (PC) telah dianugerahkan kepada pelatih yang berjaya menamatkan latihan dalam pelbagai program melalui kaedah SLaPB, SLDN dan PPT dan perinciannya ditunjukkan di Jadual 1.0.

| JENIS SIJIL | SLaPB | | | SLDN | | PPT | | JUMLAH KESELURUHAN | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Biasa | | NDT | | | | | | |
| | SKM | PC | SKM | SKM | PC | SKM | PC | SKM | PC |
| SKM 1 | 503 | - | 201 | 500 | - | 862 | - | **2,066** | **-** |
| SKM 2 | 22,879 | - | 116 | 4,342 | - | 3,408 | - | **30,745** | **-** |
| SKM 3 | 34,952 | - | - | 1,914 | - | 10,035 | - | **46,901** | **-** |
| DKM | 6,236 | - | - | 133 | - | 2,410 | - | **8,779** | **-** |
| DLKM | 208 | - | - | 49 | - | 385 | - | **642** | **-** |
| PC | - | - | - | - | 90 | - | 55 | **-** | **145** |
| PC-NCS | - | 562 | - | - | - | - | - | **-** | **562** |
| PC-MODULAR | - | 2,613 | - | - | 4,130 | - | 179 | **-** | **6,922** |
| **Jumlah** | **64,778** | **3,175** | **317** | **6,938** | **4,220** | **17,100** | **234** | **89,133** | **7,629** |

Jadual 3.1: Statistik Pengeluaran Sijil Tahun 2022 melalui SLaPB, SLDN dan PPT

### 4.1 Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Berinsentif

Di dalam Bajet 2022, sebanyak **RM60 juta** telah diperuntukkan sebagai inisiatif kewangan untuk melatih perantis melalui SLDN Berinsentif dengan kadar insentif RM1,000 setiap bulan. Insentif ini bagi membantu kumpulan sasar khasnya belia menyertai program *Reskilling* dan *Upskilling* secara SLDN dengan kerjasama majikan dan industri bagi memberi nilai tambah, sekaligus meningkatkan kadar kebolehkerjaan. Sehingga Disember 2022, seramai **10,165** perantis berdaftar sudah mengikuti latihan di bawah Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Berinsentif, membabitkan **515** syarikat kerjasama.

| PRESTASI FIZIKAL SLDN BERINSENTIF 2022<br>• Sasaran : 10,000 perantis / 60 Juta<br>400 syarikat | | |
|---|---|---|
| PENAWARAN | | PENCAPAIAN |
| PERKARA | BILANGAN | |
| Permohonan diterima | 1,113 | Pendaftaran perantis:<br>**10,165**<br>(101.65%)<br><br>Bil Syarikat:<br>**515**<br>(128.7%)<br><br>Bil. Pusat Latihan: **293** |
| Penawaran diluluskan | 793 | |
| Pusat Latihan | 308 | |
| Kuota Perantis diluluskan | 12,403 | |
| *Kuota Perantis Diapungkan | *2,145 | |
| Kuota Perantis (sebenar) | 10,258 | |

*Kuota Perantis Diapungkan = Perantis Berhenti, Insentif Tidak Layak Dibayar, PL Tarik Diri, Tawaran Dibatalkan (langgar kontrak), Tidak Penuhi Kuota

Jadual 3.2: Statistik Prestasi Fizikal SLDN Berinsentif Tahun 2022

## 4.2 Statistik Cawangan Penilaian

| 1,168 | 28 | 79 | 6,382 | 100 | 6 |
|---|---|---|---|---|---|
| **Penugasan Lawatan PPL SLDN** | **Pemantauan PB SLDN** | **Taklimat Pemantapan PPL SLDN-Bilangan PPL** | **Penugasan Lawatan PPL SLaPB** | **Penugasan PB SLaPB** | **Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pelaksanaan dan Penilaian (JTPP)** |

## 4.3 Statistik Cawangan Persijilan

| 76,558 | 18,795 | 11,202 | 96,762 | 12 | 317 |
|---|---|---|---|---|---|
| **Pendaftaran Pelatih SLaPB** | **Pendaftaran Calon PPT** | **Pendaftaran Perantis SLDN** | **Persijilan SLaPB, SLDN dan PPT** | **Mesyuarat Jawatankuasa Pengesahan Persijilan SPKM (JPPS)** | **Persijilan/ Pengeluaran SKM NDT** |

# 5. AKTIVITI PELAKSANAAN PROGRAM BAWAH BPK

## 5.1 Bengkel Penyelarasan dan Pemurnian Data Persijilan.

Bengkel Penyelarasan dan Pemurnian Data Persijilan telah diadakan bagi tujuan melengkapkan data-data persijilan terdahulu iaitu data persijilan bermula tahun 2000 hingga 2019 bagi meningkatkan pangkalan data persijilan serta dapat menyediakan data yang bersih, lengkap dan boleh dicapai secara atas talian melalui Sistem Pengurusan Intergrasi Kemahiran Malaysia (MySpike). Program ini telah diadakan sebanyak 7 Siri seperti di Jadual 3.3 dan telah berjaya mengemaskini sebanyak 7,306 data persijilan.

| TARIKH | TEMPAT |
|---|---|
| 10 Februari 2022 | Atas talian |
| 16 Februari 2022 | Aras 1, D4 |
| 4 Mac 2022 | Aras 1, D4 |
| 13 Mei 2022 | Aras 1, D4 |
| 16 Jun 22 | Aras 1, D4 |
| 9 Ogos 2022 | Aras 1, D4 |
| 22-24 Sept 2022 | Hotel i-City Shah Alam |

Jadual 3.3: Bengkel Penyelarasan dan Pemurnian Data Persijilan







Rajah 3.2: Bengkel Penyelarasan dan Pemurnian Data Persijilan

### 5.2 Bengkel Panduan Persijilan

Pada tahun 2022, Unit Persijilan (USJ) telah melaksanakan Bengkel Panduan Persijilan pada 18 Julai 2022 hingga 20 Julai 2022 bertempat di Hotel Mardhiyyah, Shah Alam dan melibatkan 20 orang pegawai Bahagian Persijilan Kompetensi (BPK). Bengkel ini bertujuan untuk mengemaskini Panduan Persijilan berdasarkan kepada peraturan-peraturan pelaksanaan latihan yang terkini, mengemaskini format cetakan sijil bagi Penyata Pencapaian (PC) dan Sijil Kemahiran Malaysia, mengemaskini Borang Permohonan Pengeluaran Sijil, menyediakan deraf pemakluman penggunaan sijil digital dan pengesahan sijil digital menggunakan teknologi *blockchain*.



Rajah 3.3: Bengkel Panduan Persijilan

## 6. JAWATANKUASA KERJA PENSIJILAN & PENGIKTIRAFAN

### 6.1 Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pensijilan dan Pengiktirafan (JKKPP) di bawah MPKK

Penubuhan Jawatankuasa Kerja Pensijilan dan Pengiktirafan (JKKPP) adalah selaras dengan keputusan mesyuarat Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) bil. 3/2018 bertarikh 8 Oktober 2018 bagi melaksanakan fungsi Majlis yang diperuntukkan di bawah Seksyen 4(b) Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652) iaitu menasihati Menteri tentang perkara-perkara yang berhubungan dengan Akta ini. Bahagian Persijilan Kompetensi dilantik sebagai urusetia Jawatankuasa Kerja Pensijilan dan Pengiktirafan (JKKPP).

JKKPP telah melaksanakan dua (2) siri mesyuarat bagi tahun 2022 seperti di Jadual 3.4. Mesyuarat JKKPP, MPKK Bil. 1/2022 diadakan secara dalam talian dan Mesyuarat JKKPP, MPKK Bil. 2/2022 diadakan secara bersemuka.

| BIL. | TARIKH | TEMPAT |
|---|---|---|
| 1 | 16 Mac 2022 (Rabu) | Mesyuarat secara online menggunakan aplikasi Google Meet |
| 2 | 21 September 2022 (Rabu) | Hotel Dorsett, Putrajaya |

Jadual 3.4: Siri Mesyuarat JKKPP,MPKK 2022



Rajah 3.4: Mesyuarat JKKPP, MPKK Bil. 1/2022




Rajah 3.5: Mesyuarat JKKPP, MPKK Bil. 2/2022

## 6.2 Forum Halatuju Kerjaya Profesional Graduan Sebagai Juruteknik Bertauliah (Tc)

Bahagian Persijilan Kompetensi melalui Jawatankuasa Kerja Persijilan dan Pengiktirafan (JKKPP) telah menganjurkan Forum Halatuju Kerjaya Profesional Graduan Sebagai Juruteknik Bertauliah (Tc) pada 20 September 2022 bertempat di Hotel Zenith, Putrajaya.

Forum ini dirasmikan oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia, YB. Datuk Haji Awang bin Hashim dan dihadiri oleh tetamu kehormat YBhg. Datuk Teknologis (Ts.) Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir, Presiden Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) dan YBhg. Dato' Dr. Ir. Andy Seo Kian Haw, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Pensijilan dan Pengiktirafan (JKKPP), Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) serta Ketua Pengarah pelbagai agensi berkaitan TVET.

Penganjuran adalah secara hibrid iaitu kombinasi secara bersemuka dan FB Live di saluran Facebook Jabatan Pembangunan Kemahiran. Seramai 812 peserta telah berdaftar dan hadir secara atas talian manakala 100 peserta telah hadir secara bersemuka. Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) juga turut berkongsi siaran langsung menerusi saluran Facebook *Malaysia Board of Technologists*. Menerusi saluran facebook JPK, video Siaran Langsung Forum Halatuju Kerjaya Profesional Graduan Sebagai Juruteknik Bertauliah (Tc) ini telah mencapai 6,000 jumlah tontonan.

Tujuan utama penganjuran seminar ini adalah berdasarkan kepada objektif strategik utama dalam Kerangka Strategik Pensijilan dan Pengiktirafan yang telah dibentangkan di dalam mesyuarat Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK):

i. Meningkatkan pengiktirafan terhadap graduan atau pekerja TVET di mana strategi utama menjalinkan kerjasama dengan badan profesional.
ii. Memperkukuhkan kerjasama industri dan agensi-agensi berkaitan TVET bagi meningkatkan kebolehpasaran dan kebolehkerjaan graduan TVET. Pengiktirafan profesional yang diberikan oleh MBOT akan meningkatkan kepercayaan industri kepada graduan TVET seluruh negara.
iii. JPK dan MBOT dapat memberi pendedahan kepada pemegang taruh JPK berkenaan pengiktirafan Profesional Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT)









Rajah 3.6: Forum Halatuju Kerjaya Profesional Graduan Sebagai Juruteknik Bertauliah (Tc)

# Bahagian Pentauliahan (BPT)

# 1. PENGENALAN

## 1.1 Bahagian Pentauliahan

Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) komited dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan modal insan yang berdaya saing melalui pengarusperdanaan dan peluang akses kepada program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang berkualiti dengan lebih meluas. Pelbagai strategi telah dirangka dan dilaksanakan bagi mentauliah lebih banyak penyedia latihan kemahiran awam dan swasta dalam pelbagai bidang seiring dengan permintaan industri.

## 1.2 Bahagian Pentauliahan terbahagi kepada 3 unit iaitu :-

| SLaPB | SLDN | UPB |
|---|---|---|
| Unit Pentauliahan SLaPB bertanggungjawab dalam mengiktiraf pusat latihan sebagai Pusat Bertauliah supaya boleh menjalankan latihan kemahiran berdasarkan Akta 652 | Unit Pentauliahan SLDN bertanggungjawab dalam menyelaras dan menguruskan aktiviti pentauliahan sebagai Pusat Bertauliah SLDN (Pusat Latihan dan Syarikat) yang melaksanakan latihan berorientasikan industri yang menggabungkan latihan di tempat kerja dan institusi | UPB bertanggungjawab mengendalikan khidmat runding kepada penyelia latihan/agensi/industri/individu serta mengurus, menyelaras dan mengendalikan bimbingan berkaitan |

## 1.3 Carta Organisasi BPT



## 2. PENCAPAIAN

SLaPB

Kaedah pensijilan melalui program latihan kemahiran di pusat-pusat bertauiah JPK bagi bidang dan tahap kemahiran tertentu dan telah ditauliahkan.

**1,085** — Pusat Bertauliah Awam

**426** — Pusat Bertauliah Swasta

**4,292** — Program Penuh

**869** — Program Modular (Micro Credential)

**13** — Program NCS

### 2.1 Pentauliahan Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB)

Sehingga 31 Disember 2022, sebanyak 5,174 program latihan kemahiran berasaskan NOSS telah ditauliahkan kepada 1,511 Pusat Bertauliah (PB) di seluruh negara. Jadual 4.1 dan Jadual 4.2 menunjukkan bilangan Pusat Bertauliah SLaPB dan Program Bertauliah SLaPB bagi tahun 2022.

| BIL. | NEGERI | BILANGAN PUSAT BERTAULIAH SLaPB | | |
|---|---|---|---|---|
| | | AWAM | SWASTA | JUMLAH |
| 1 | JOHOR | 133 | 32 | **165** |
| 2 | KEDAH | 79 | 17 | **96** |
| 3 | KELANTAN | 83 | 5 | **88** |
| 4 | MELAKA | 50 | 18 | **68** |
| 5 | NEGERI SEMBILAN | 71 | 24 | **95** |
| 6 | PAHANG | 76 | 9 | **85** |
| 7 | PERAK | 117 | 32 | **149** |
| 8 | PERLIS | 19 | 0 | **19** |
| 9 | PULAU PINANG | 56 | 29 | **85** |
| 10 | SELANGOR | 113 | 140 | **253** |
| 11 | TERENGGANU | 87 | 13 | **100** |
| 12 | SABAH | 72 | 23 | **95** |
| 13 | SARAWAK | 75 | 26 | **101** |
| 14 | WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR | 44 | 57 | **101** |
| 15 | WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN | 6 | 0 | **6** |

| BIL. | NEGERI | BILANGAN PUSAT BERTAULIAH SLaPB | | |
|---|---|---|---|---|
| | | AWAM | SWASTA | JUMLAH |
| **16** | WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA | 4 | 1 | **5** |
| | **JUMLAH** | **1,085** | **426** | **1,511** |

Jadual 4.1: Bilangan Pusat Bertauliah SLaPB Mengikut Negeri Bagi Tahun 2022

| KATEGORI PENTAULIAHAN | AWAM | SWASTA | JUMLAH PROGRAM |
|---|---|---|---|
| **Program Penuh** | 2909 | 1383 | 4292 |
| **Modular** | 591 | 278 | 869 |
| **NCS** | 3 | 10 | 13 |
| **JUMLAH** | **3,503** | **1,671** | **5,174** |

Jadual 4.2: Bilangan Program Mengikut Kategori Pentauliahan Di Pusat Bertauliah SLaPB

## 2.2 Pentauliahan Sistem Latihan Dual National (SLDN)

SLDN

Kaedah latihan perantisan dalam Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) yang dijalankan di industri dan institut latihan kemahiran.

**3,434**
Program Penuh SLDN

Program Modular (Micro Credential) SLDN
**192**

**96**
PB SLDN Awam

PB SLDN Swasta
**180**

**1,261**
Syarikat

Sehingga 31 Disember 2022, sebanyak 3,626 program latihan kemahiran bearaskan NOSS telah ditauliahkan kepada 1,537 Pusat Bertauliah SLDN di seluruh negara. Jadual 4.3 dan jadual 4.4 menunjukkan bilangan Pusat Bertauliah SLDN dan Program Bertauliah SLDN bagi tahun 2022.

| BIL. | NEGERI | BILANGAN PUSAT BERTAULIAH SLDN | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | AWAM | SWASTA | SYARIKAT | JUMLAH |
| **1** | JOHOR | 7 | 26 | 207 | **240** |
| **2** | KEDAH | 6 | 9 | 74 | **89** |
| **3** | KELANTAN | 2 | 3 | 67 | **72** |

| BIL. | NEGERI | BILANGAN PUSAT BERTAULIAH SLDN | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | AWAM | SWASTA | SYARIKAT | JUMLAH |
| **4** | MELAKA | 9 | 7 | 47 | **63** |
| **5** | NEGERI SEMBILAN | 9 | 6 | 56 | **71** |
| **6** | PAHANG | 6 | 5 | 43 | **54** |
| **7** | PERAK | 5 | 9 | 81 | **95** |
| **8** | PERLIS | 1 | 1 | 12 | **14** |
| **9** | PULAU PINANG | 6 | 12 | 49 | **67** |
| **10** | SELANGOR | 22 | 43 | 262 | **327** |
| **11** | TERENGGANU | 7 | 6 | 52 | **65** |
| **12** | SABAH | 3 | 19 | 110 | **132** |
| **13** | SARAWAK | 5 | 15 | 83 | **103** |
| **14** | WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR | 8 | 18 | 110 | **136** |
| **15** | WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN | 0 | 0 | 2 | **2** |
| **16** | WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA | 0 | 1 | 6 | **7** |
| | **JUMLAH** | **96** | **180** | **1,261** | **1,537** |

Jadual 4.3: Bilangan Pusat Bertauliah SLDN Mengikut Negeri Bagi Tahun 2022

| KATEGORI PENTAULIAHAN | PUSAT LATIHAN | | JUMLAH PROGRAM |
|---|---|---|---|
| | AWAM | SWASTA | |
| **Program Penuh** | 455 | 2979 | 3,434 |
| **Modular** | 40 | 152 | 192 |
| **NCS** | 0 | 0 | 0 |
| **JUMLAH** | **495** | **3,131** | **3,626** |

Jadual 4.4: Bilangan Program Mengikut Kategori Pentauliahan Di Pusat Bertauliah SLDN

## 2.3 Unit Pentauliahan (Bimbingan Dan Penyelarasan)

### 2.3.1 Program Bimbingan Pentauliahan

Program Bimbingan Pentauliahan telah mula dilaksanakan sejak tahun 2013 bertujuan memberi penerangan berhubung tatacara dan prosedur permohonan pentauliahan seterusnya membimbing personel daripada Pusat Latihan Kemahiran (PLK) yang berminat untuk mendapatkan pentauliahan program daripada JPK.

Antara aktiviti bimbingan pentauliahan adalah seperti berikut :

| | |
|---|---|
| 6 | Program Bimbingan Pentauliahan SLAPB |
| 6 | Program Bimbingan Pentauliahan SLDN |
| 2 | Program Bimbingan Panel PPPPK (SLaPB / SLDN) |
| 6 | Lawatan Kerja/Jalinan Kerjasama Pengarah bagi Pentauliahan SLaPB/SLDN ke PB/Agensi |
| 6 | Taklimat Tahfiz TVET |
| 2 | Mesyuarat Kerja/Bengkel Personel/Panel Pentauliahan Program SLaPB dan SLDN Berdasarkan COPTPA |
| 5 | Mesyuarat Kerja Penyelarasan Agensi TVET Awam dan Lawatan Kerja Pentauliahan ke Pusat Bertauliah |

| PROGRAM BIMBINGAN PENTAULIAHAN SLaPB | | |
|---|---|---|
| BIL | AKTIVITI | TARIKH |
| 1 | Taklimat Bimbingan Pentauliahan Kepada Syarikat Shen Jai | 23 Feb 2022 |
| 2 | Taklimat Bimbingan Pentauliahan Kepada IPG Bandar Enstek | 17 Mac 2022 |
| 3 | Taklimat Bimbingan Pentauliahan Kepada UPSI | 1 April 2022 |
| 4 | Taklimat Bimbingan Pentauliahan Kepada Institut Sosial Malaysia (ISM) | 20 Mei 2022 |
| 5 | Taklimat Bimbingan Pentauliahan Kepada Syarikat Kagumas | 27 Mei 2022 |
| 6 | Taklimat Bimbingan Pentauliahan Kepada German Malaysia Institut (GMI) | 11 Mei 2022 |

Jadual 4.5: Program Bimbingan Pentauliahan (SLaPB) Tahun 2022

| PROGRAM BIMBINGAN PENTAULIAHAN SLDN | | |
|---|---|---|
| BIL | AKTIVITI | TARIKH |
| 1 | Taklimat Bimbingan Pentauliahan SLDN Kepada COWAY | 28 Jan 2022 |
| 2 | Taklimat Bimbingan Pentauliahan SLDN Kepada Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra | 6 Feb 2022 |
| 3 | Taklimat Bimbingan Pentauliahan SLDN Kepada ILIM Kundasang, JAKIM | 18 Feb 2022 |
| 4 | Taklimat Bimbingan Pentauliahan SLDN Kepada JKM | 6 April 2022 |
| 5 | Taklimat Bimbingan Pentauliahan SLDN Kepada Syarikat Honda | 30 Mei 2022 |

| PROGRAM BIMBINGAN PENTAULIAHAN SLDN | | |
|---|---|---|
| BIL | AKTIVITI | TARIKH |
| 6 | Taklimat Bimbingan Pentauliahan SLDN Kepada Muar Furniture Association Training Institut | 15 Jun 2022 |

Jadual 4.6: Program Bimbingan Pentauliahan (SLDN) Tahun 2022

### 2.3.2 Mesyuarat Kerja Penyelarasan bersama Agensi-agensi TVET yang Melaksanakan SPKM

JPK sebagai agensi penyelaras telah mengadakan mesyuarat penyelarasan bersama agensi berkaitan bagi memastikan pelaksanaan SPKM berjalan lancar dan mencapai objektif dan halatuju seperti yang telah ditetapkan.

*Objektif* :

- Membincangkan isu-isu pelaksanaan, menyelaras halatuju pelaksanaan.
- Memastikan semua agensi sentiasa mendapat maklumat terkini dari segi peraturan dan kaedah pelaksanaan SPKM Program Kemahiran (PPPPK).

*Kekerapan* :

- Mesyuarat ini diadakan secara berkala setiap tahun.

*Penglibatan* :

- KBS, GIATMARA, MARA, BPLTV, JTM.

Senarai agensi yang terlibat adalah seperti Jadual 4.7

| Mesyuarat Penyelarasan Agensi TVET | | | |
|---|---|---|---|
| Bil. | Agensi | Tarikh | Tempat |
| 1 | Mesyuarat Penyelarasan JPK bersama KBS | 8 Februari 2022 | IKBN Kemasik, Terengganu |
| 2 | Mesyuarat Penyelarasan JPK bersama GIATMARA | 2 Mac 2022 | PRIMIER GIATMARA, Johor Bahru |
| 3 | Mesyuarat Penyelarasan JPK bersama BPLTV | 12 Mei 2022 | KV Sungai Petani, Kedah |
| 4 | Mesyuarat Penyelarasan JPK bersama MARA | 31 Mei 2022 | IKM TASYA, Pahang |
| 5 | Mesyuarat Penyelarasan JPK bersama JTM | 29 Julai 2022 | Putrajaya |

Jadual 4.7: Mesyuarat Kerja Penyelarasan Agensi TVET 2022

## 3. AKTIVITI

### PELANCARAN TAHFIZ-TVET KERJASAMA JPK DAN JAKIM

Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menjalin hubungan kerjasama ke arah memartabat dan memperkasa golongan tahfiz agar seiring dengan pendidikan arus perdana.

Kerjasama bermula sejak 2015 dengan pembangunan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) dan pelaksanaan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) di Darul Quran, JAKIM. Ini selaras dengan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) iaitu membuka peluang yang luas kepada lepasan bidang tahfiz, penawaran kursus-kursus kemahiran kepada murid tahfiz dan meningkatkan kemahiran serta kebolehpasaran lepasan tahfiz.

**Perasmian**

YB. Datuk Haji Awang bin Hashim, Timbalan Menteri Sumber Manusia

**Tarikh & Masa**

16 Mac 2022

**Tempat**

CIAST, Shah Alam

**Anjuran**

Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

**Penyertaan**

150 orang termasuk 86 orang wakil pusat tahfiz Zon Tengah













Rajah 4.1 Pelancaran Tahfiz-TVET Kerjasama JPK Dan JAKIM

## MESYUARAT KERJA PENYEMAKAN DAN PEMURNIAN PROSEDUR KUALITI PENTAULIAHAN BERDASARKAN MS ISO 9001:2015 BERSAMA STAKEHOLDER

*Objektif* :

- Memurnikan prosedur sedia ada supaya urusan pengendalian proses pentauliahan program latihan baharu dilaksanakan mengikut peraturan dan dasar jabatan.
- Memenuhi objektif kualiti yang ditetapkan selaras dengan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

*Tempat* :

- Tanjung Demong Beach Sdn Bhd, Besut Terengganu.

*Tarikh* :

- 6 - 8 September 2022.



Rajah 4.2: Mesyuarat Kerja Penyemakan dan Pemurnian Prosedur Kualiti Pentauliahan Berdasarkan MS ISO 9001:2015 Bersama Stakeholders

# MESYUARAT KERJA PENYELARASAN PENTAULIAHAN DAN PENILAIAN SISTEM LATIHAN PROGRAM BERTAULIAHAN (SLaPB) BERASASKAN COPTPA BERSAMA AGENSI TVET TAHUN 2022 (GIATMARA DAN BPLTV)

Mesyuarat kerja ini merupakan platform bagi JPK untuk mendapatkan maklumbalas langsung tentang perancangan pelaksanaan secara rintis program kemahiran berasaskan COPTPA di agensi GIATMARA dan BPLTV terutama berkaitan struktur kurikulum dan bahan pembelajaran dan pengajaran latihan.

## Objektif :

- Memudahkan cara pihak penyedia latihan TVET GIATMARA dan BPLTV dalam membuat persediaan pelaksanaan pentauliahan berasaskan COPTPA dalam tempoh transisi sehingga penguatkuasaan sepenuhnya pada tahun 2026.



## Tarikh :

- 22 dan 23 Ogos 2022.

## Tempat :

- Sama-Sama Hotel, Sepang.



## Penglibatan :

- GIATMARA, BPLTV.



Rajah 4.3: Mesyuarat Kerja Penyelarasan Pentauliahan Dan Penilaian Sistem Latihan Program Bertauliahan (SLaPB) Berasaskan COPTPA Bersama Agensi TVET (GIATMARA)



Rajah 4.4: Mesyuarat Kerja Penyelarasan Pentauliahan Dan Penilaian Sistem Latihan Program Bertauliahan (SLaPB) Berasaskan COPTPA Bersama Agensi TVET (BPLTV)

## LAWATAN PANEL PENILAIAN PENTAULIAHAN PROGRAM KEMAHIRAN (PPPPK) JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (JPK) SECARA SISTEM LATIHAN PROGRAM BERTAULIAH (SLaPB)

Penilaian oleh PPPPK adalah berdasarkan dokumen permohonan pentauliahan oleh Pusat Latihan Kemahiran (PLK) dan lawatan ke PLK berkenaan.

- Lawatan Pentauliahan dihadiri oleh 1 orang pegawai dari Unit SLaPB, Bahagian Pentauliahan, JPK dan 2 Panel Penilai Pentauliahan Program Kemahiran (PPPPK).
- PPPPK bertanggungjawab memastikan proses, mekanisme dan sumber yang bersesuaian dapat disediakan oleh PLK bagi memastikan keberkesanan penyampaian latihan kemahiran.
- PLK mesti menyediakan semua keperluan berasaskan kepada semua kriteria pentauliahan untuk dinilai oleh PPPPK.
- Penekanan diberikan kepada staf latihan, kemudahan latihan dan kurikulum untuk memastikan hasil pembelajaran yang ditetapkan tercapai.

Rajah 3.5 hingga 4.3 merupakan gambar-gambar sekitar lawatan pentauliahan SLaPB yang telah diadakan pada tahun 2022.





Rajah 4.5: Lawatan Pentauliahan PPPPK - Program Baru Perabot di SMK Munshi Abdullah, Sabak Bernam

# LAWATAN PENENTUSAHAN PENTAULIAHAN PROGRAM SISTEM LATIHAN DUAL NASIONAL (SLDN)

- Lawatan Pentauliahan dihadiri oleh 1 orang pegawai dari Unit SLaPB, Bahagian Pentauliahan, JPK dan 2 Panel Penilai Pentauliahan Program Kemahiran (PPPPK).
- PPPPK bertanggungjawab memastikan proses, mekanisme dan sumber yang bersesuaian dapat disediakan oleh PLK bagi memastikan keberkesanan penyampaian latihan kemahiran.




Rajah 4.6 : Lawatan Penentusahan Pentauliahan Program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) di Autoexec pada 30 Mei 2022

# BIMBINGAN PENTAULIAHAN SLDN DAN BENGKEL SEMAKAN PEMBANGUNAN WIM BAGI BIDANG DAKWAH DAN PENGURUSAN MASJID



Rajah 4.7 : Bengkel Penyediaan Kertas Penerangan NOSS Dakwah (S949-001-2021) dan NOSS bagi Program Pengoperasian Masjid (0841-003-1-2022) pada 20-22 Mei 2022 Anjuran JAKIM dengan Kerjasama JPK





Rajah 4.8 : Taklimat & Perbincangan Pentauliahan SLDN Bersama Honda Malaysia Sdn Bhd



# Bahagian Hubungan Industri Dan Kerjasama Strategik

**(BHIKS)**

# 1. PENCAPAIAN BHIKS

## 26 INDUSTRY LEAD BODY (ILB)




**Agensi yang masih aktif dilantik sebagai ILB**

## 11 DIALOG & SEMINAR



**6 Siri Dialog** melibatkan **538 peserta**

**5 Siri Seminar** bersama ILB melibatkan **500 peserta**

## 44 KHIDMAT RUNDING

**Aktiviti khidmat runding kepada agensi/industri yang bertujuan memberi penerangan berkaitan SPKM**

Khidmat runding mengikut jenis kerjasama

| | | |
|---|---|---|
| 6 SLaPB | 6 SLDN | 6 PPT |
| 8 MoU | 4 ILB | 14 Lain-lain kerjasama |

## PROMOSI SPKM BERSAMA ILB

- 6 Lawatan industri
- 5 Taklimat/hebahan
- 3 Kunjung hormat

## 13 MEMORANDUM PERSEFAHAMAN



**MoU aktif melibatkan pelbagai skop kerjasama**

## ARTIKULASI

**Penawaran untuk lepasan DKM dan DLKM ke IPTA / IPTS**

| | |
|---|---|
| IPTA | 141 |
| IPTS | 126 |



# 26 ILB

Badan Peneraju Industri

- Association of Marine Industries of Malaysia (AMIM) — Pembinaan & Baikpulih Kapal
- Bahagian Pembangunan Kapasiti dan Latihan Pertanian — Pertanian & Industri Makanan
- The Chartered Institute of Logistics & Transport Malaysia — Logistik
- Cyber Security Malaysia (CSM) — Cyber Security
- Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) — Kandungan Kreatif
- Institut Peladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) — Perladangan & Komoditi
- Halal Development Corporation Berhad (HDC) — Industri Halal
- Jabatan Kesenian dan Kebudayaan — Kebudayaan & Kesenian
- Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) — Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan
- Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) — Penjagaan & Pekhidmatan Komuniti
- Jabatan Laut Malaysia (JLM) — Perkapalan & Pelabuhan (Maritim)
- Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) — Pengangkutan Jalan
- Malaysia Automotive Robotics and IoT Institute — Automotif
- Malaysian Association of Hotels (MAH) — Pelancongan & Hospitaliti
- Malaysian Association of Tour and Travel Agents (MATTA) — Pelancongan & Pengembaraan
- Malaysia Digital Economy Corporation — Teknologi Digital
- Malaysian Textile and Apparel Centre — Tekstil & Pakaian
- Malaysian Green Technology & Climate Change Centre — Teknologi Hijau
- Malaysian Oil & Gas Services Council — Minyak & Gas
- Malaysian Society for Non-Destructive Testing — Ujian Tanpa Musnah
- Malaysian Technical Standards Forum Bhd — Telekomunikasi
- Malaysia Water Association (MWA) — Pengurusan Operasi & Rawatan Kumbahan
- Pejabat Penyelarasan Industri Aeroangkasa Kebangsaan — Aeroangkasa
- Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM) — Perkhidmatan Keselamatan
- Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam — Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam
- Majlis Ekuin Malaysia (MEM) — Ekuin

Rajah 5.1 : Senarai ILB Aktif Yang Telah Dilantik Sehingga 2022

## 2. PENGENALAN



**BHIKS** Merupakan bahagian yang bertanggungjawab membangunkan kerjasama strategik antara jabatan dan organisasi luar dengan menyelaras serta melaksanakan program dan aktiviti dalam perspektif pembangunan tenaga pekerja mahir.

### 2.1 Fungsi BHIKS :

1. Merancang, mengurus, menyelaras dan melaksana pelantikan, pembaharuan, penamatan Industry Lead Body (ILB) berpandukan aktiviti sosio ekonomi bagi semua sektor industri utama seluruh negara.
2. Merancang, mengurus, menyelaras dan melaksana aktiviti ILB dalam menggalakkan pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) kepada industri.
3. Merancang, mengenalpasti, mengurus, menyelaras dan melaksana hubungan kerjasama industri baharu dan pemegang taruh dalam ekosistem Technical and Vocational Education and Training (TVET) berdasarkan keperluan bahagian-bahagian lain di jabatan.
4. Merancang, mengenalpasti, mengurus dan menyelaras bentuk kerjasama yang akan dijalankan antara industri dan pemegang taruh dalam ekosistem TVET melalui kerjasama strategik/Memorandum of Understanding (MoU)/Note of Understanding (NoU) dan lain-lain bentuk kerjasama.
5. Mengenalpasti, menyelaras dan mengurus aktiviti bagi tujuan koordinasi dengan badan persijilan profesional yang boleh dipadankan dengan bidang berkaitan di institusi TVET.
6. Menyelaras, mengurus dan melaksana artikulasi sijil dengan universiti tempatan dan luar negara serta melaksanakan hebahan laluan peningkatan tahap pendidikan bagi menggalakkan Lepasan DKM dan DLKM ke Universiti.
7. Merancang, menyelaras, mengurus dan melaksana aktiviti pengiktirafan kelayakan lain serta pengiktirafan JPA bagi tujuan kemasukan ke skim perkhidmatan awam.

Rajah 5.2: Fungsi BHIKS

## 2.1 Carta Organisasi BHIKS




Rajah 5.3: Carta Organisasi BHIKS Tahun 2022

# 3. LAPORAN AKTIVITI : HUBUNGAN DAN KERJASAMA STRATEGIK

## 3.1 Khidmat Runding dengan Agensi/Industri

Aktiviti khidmat runding kepada 44 agensi/industri adalah bertujuan memberi penerangan dan khidmat perundingan berkaitan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM). Aktiviti ini juga sebagai platform untuk mempromosi SPKM dan mengeratkan jalinan kerjasama bersama agensi/industri.






Rajah 5.4: Mesyuarat Kerjasama bersama Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB)

## 3.2 Jalinan Kerjasama melalui Memorandum Persefahaman (MoU)

Jabatan telah menjalinkan kerjasama dengan pelbagai agensi. Sehingga 2022, 13 Memorandum Persefahaman (MoU) masih aktif yang melibatkan pelbagai skop kerjasama. MoU ini adalah termasuk dua (2) yang baru ditandatangani pada tahun 2022 iaitu bersama Persatuan Industri Kecantikan Moden Malaysia (PIKMM) dan Malaysia Productivity Corporation (MPC).

**Tarikh MoU: 28 Mac 2022**

Skop MoU:
- Mempromosi SPKM dalam & luar negara.
- Pelaksanaan SPKM melalui SLaPB, SLDN & PPT.
- Membangunkan NOSS bidang berkaitan.



Rajah 5.5: Majlis Menandatangani MoU antara JPK & PIKMM disaksikan oleh YB Timbalan Menteri Sumber Manusia

**Tarikh MoU: 13 Ogos 2022**

Skop MoU:
- Perkongsian kepakaran.
- Pelaksanaan SPKM melalui SLaPB, SLDN & PPT.
- Mempromosi SPKM dalam & luar negara.




Rajah 5.6: Majlis Menandatangani MoU antara JPK & MPC disaksikan oleh YB Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri

## 3.3 Dialog Berstruktur Tripartite



Program ini melibatkan pelbagai industri seperti Automotif, Pembuatan, Hospitaliti, Pertanian dan Kecantikan. Program ini telah menjadi platform pertemuan dan jalinan strategik dikalangan peserta untuk bertukar pandangan, berkongsi idea serta maklumat berkaitan isu-isu semasa yang berkaitan. Bagi tahun 2022, enam (6) siri dialog telah diadakan seperti Jadual 5.1:

Jadual 5.1: Siri Dialog Berstruktur Tripartite

| BIL | TEMPAT | TARIKH | JUMLAH PESERTA |
|---|---|---|---|
| 1 | Hotel Perdana Kota Bharu (Wilayah Timur) | 24 Mei 2022 | 60 orang |
| 2 | Hotel Grand Alora (Wilayah Utara) | 29 Jun 2022 | 110 orang |
| 3 | Hotel Pullman Kuching (Wilayah Sarawak) | 27 Julai 2022 | 78 orang |
| 4 | Hotel Horizon Kota Kinabalu (Wilayah Sabah) | 8 September 2022 | 70 orang |
| 5 | Hotel Bangi Resort (Wilayah Tengah) | 28 September 2022 | 150 orang |
| 6 | ADTEC Batu Pahat (Wilayah Selatan) | 16 November 2022 | 70 orang |



Rajah 5.7: Dialog Berstruktur Tripartite Wilayah Tengah dirasmikan oleh YB Menteri Sumber Manusia. Turut hadir adalah YB Timbalan Menteri Sumber Manusia








Rajah 5.8: YB Menteri Sumber Manusia turut menyampaikan Sijil Pelantikan ILB dan Sijil Tajaan Program Jana Usaha Inovasi Muda semasa Program Dialog










Rajah 5.9: Dialog Berstruktur Tripartite Wilayah Utara dirasmikan oleh YB Timbalan Menteri Sumber Manusia

## 3.4 PROGRAM JANA USAHA - INOVASI MUDA JUM! TVET 2022

Program Jana Usaha-Inovasi Muda JUM! TVET 2022 merupakan program kerjasama antara JPK dan Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK).

Objektif program adalah untuk memupuk minda bercirikan inovasi dan keusahawanan di kalangan pelajar dan graduan TVET dan sebagai platform bagi pelajar untuk menyumbang bakat dan idea inovatif dalam bidang teknologi digital dan keusahawanan.

Seramai 53 orang peserta dari 14 institusi TVET seluruh negara telah menyertai Program JUM! TVET.





Rajah 5.10: Sekitar Program Bootcamp JUM! TVET yang telah diadakan pada 16 hingga 20 Ogos 2022 bertempat di Pusat Belia Antarabangsa, Cheras

# 4.0 LAPORAN AKTIVITI : PENGURUSAN BADAN PENERAJU INDUSTRI (ILB)

## 4.1 Majlis Sesi Perkongsian Aktiviti ILB Bersama Pusat Bertauliah JPK

Sesi perkongsian ini merupakan *platform* pertemuan antara peserta dari blok penawaran *(supply)* dan permintaan *(demand)* di mana pihak-pihak yang terlibat adalah JPK, ILB, agensi TVET, pemegang taruh dan PB JPK.

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 31 Mei 2022 |
| Tempat | : | Cyberview Resort and Spa, Cyberjaya, Selangor |
| Bilangan kehadiran | : | 100 orang |

### Jaringan pertemuan

Sebagai platform jaringan, pertemuan dan komunikasi dua hala antara pemegang taruh blok permintaan dan blok penawaran.

### Perkongsian Maklumat

Satu wadah penyebaran maklumat keperluan industri semasa, perkongsian sumber dan trend baharu dalam industri dan latihan Kemahiran.

### Kerjasama strategik / MOU

Aktiviti baru oleh agensi yang memiliki hubungan kerjasama strategik bersama Jabatan sama ada dilantik sebagai badan peneraju industri atau menandatangani memorandum persefahaman.

### Laporan Kemajuan Aktiviti ILB

Platform bagi ILB untuk melaporkan kemajuan aktiviti yang memberi impak kepada SPKM khususnya dan TVET amnya.

### Supply & Demand

Mempertemukan pemegang-pemegang taruh blok permintaan dan blok penawaran dalam SPKM.

Rajah 5.11: Objektif Pelaksanaan Majlis Sesi Perkongsian Aktiviti ILB Bersama Pusat Bertauliah JPK

Sesi perkongsian melibatkan pembentangan dari tiga (3) Badan Peneraju Industri (ILB) iaitu:






Rajah 5.12: Sesi Perkongsian Aktiviti ILB Bersama Pusat Bertauliah JPK 2022

## 4.2 Seminar "Reskilling/Upskilling" Pekerja: Mengatasi Isu Keperluan Tenaga Mahir Industri Perhotelan Dan Hospitaliti

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 12 September 2022 |
| Tempat | : | HOTEL BAYVIEW, LANGKAWI, KEDAH |
| Perasmian oleh | : | Timbalan Menteri Sumber Manusia<br>YB. Datuk Haji Awang bin Hashim |
| Tajuk Pembentangan | : | 1. Senario Pelancongan dan Hospitaliti di Langkawi En Shajideen bin Saari, LADA<br>2. Boleh ke Mempersijilkan Pekerja Melalui Latihan Di Tempat Kerja? -En. Mohd Azmir bin Ahmad, PJPK(Utara)<br>3. Bagaimana Pekerja Industri Dipersijilkan Berdasarkan Pengalaman Bekerja?- En Yuslan Yasok, BHIKS, JPK |
| Bil. Kehadiran | | 100 orang |



Seminar "Reskilling/Upskilling



Sesi Soal Jawab



Ketibaan VVIP



Bacaan Doa



Ucapan



Pengurusan Tertinggi

Rajah 5.13: Sekitar Seminar Reskilling/Upskilling Industri Perhotelan/Hospitaliti

## 4.3 Seminar Kerjaya Bersama ILB Dengan Kerjasama Pusat Bertauliah (PB) Jabatan Pembangunan Kemahiran

Program seminar kerjaya bersama ILB dengan kerjasama Pusat Bertauliah (PB) di bawah JPK adalah satu program memberi pendedahan kepada PB berkaitan kerjasama di antara industri dan pusat latihan melalui ILB yang telah diadakan oleh pihak JPK. Melalui ILB penerangan berkaitan peluang kerja dan teknologi baru di industri dapat dikongsi bersama-sama pihak Industri dan PB dalam memenuhi keperluan "supply and demand" di antara kedua-dua pihak.

### Objektif program

1. Meningkatkan kebolehpasaran tenaga kerja.
2. Maklumat keperluan industri terkini dapat disampaikan.
3. Merapatkan jurang di antara industri dan PB dalam “mismatch programme”.

### Pelaksanaan Program

| Bil | Tempat | Tarikh | Jumlah peserta |
|---|---|---|---|
| 1 | ADTEC Shah Alam, Selangor | 7 November 2022 | 100 |
| 2 | IKBN Kemasik, Terengganu | 10 November 2022 | 100 |
| 3 | ILP Pasir Gudang, Johor | 23 November 2022 | 100 |
| 4 | Meatech College Mantin, N. Sembilan | 29 November 2022 | 100 |



Rajah 5.14: Sekitar Pelaksanaan Program Seminar Kerjaya Bersama ILB AMIM – ADTEC Shah Alam, Selangor

## 4.4 Mesyuarat Kerja Penyelarasan Pensijilan Kompetensi Bidang Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan bersama ILB JKKP dan wakil industri

ILB Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah dilantik sebagai Badan Peneraju Industri Bidang Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan pada 21 Mac 2021. Pada tahun 2022, JKKP dan JPK telah bekerjasama di dalam melaksanakan aktiviti pemetaan silibus Orang Yang Kompeten (OYK) bidang Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan kepada Standard Pekerjaan Kebangsaan Malaysia (SPKM).



Rajah 5.15: Pemetaan TTT-OSH1 kepada NCS 004:2017 23-25 Ogos 22



Rajah 5.16: Mesyuarat Pengesahan Pemetaan 20-22 Sept 22

## 4.5 Profiling Kemahiran Pekerja Malaysia

Sistem Profiling Kemahiran Pekerja Malaysia adalah satu sistem atas talian yang dibangunkan dengan kepakaran dalaman (*inhouse)* untuk mengumpul dan menganalisa potensi serta kompetensi pekerja mahir Malaysia dalam bidang TVET. Sistem ini menjadi platform rujukan berkonsepkan pusat sehenti (*One Stop Centre*) bagi menyelaras data berpusat profil pekerja mahir negara yang merangkumi tahap persijilan, pengalaman pekerjaan, tahap kompetensi serta peluang dalam meningkatkan kemahiran dan laluan kerjaya.

Fasa pelaksanaan pembangunan bagi sistem ini telah dimulakan pada awal tahun 2022 bagi membangunkan tiga (3) modul iaitu Modul Pekerja, Majikan dan Penyedia Latihan.



Rajah 5.17: Mesyuarat Kerja Pra Ujian Rintis (*Pre-Pilot Test*) Profiling Kemahiran Pekerja Malaysia telah diadakan pada 8 - 9 November 2022 di CIAST turut dihadiri wakil dari ILB

## 4.6 Kajian Permintaan Industri Terhadap Pemegang Sijil Kemahiran Malaysia

### 4.6.1 Kajian Permintaan Tenaga Kerja Berasaskan TVET Bidang Teknologi Digital (Fasa 2)

Kajian ini dilaksanakan oleh ILB Malaysia Digital Economy (MDEC) bagi mendapatkan data unjuran permintaan majikan terhadap pekerja berasaskan TVET dalam bidang Teknologi Digital. Peringkat kemajuan kajian : Draf Laporan Akhir telah disahkan olah Jawatankuasa Teknikal Kajian.

MDEC

### 4.6.2 Kajian Permintaan Tenaga Kerja Berasaskan TVET Bidang Keselamatan Siber

CyberSecurity MALAYSIA

Kajian ini dilaksanakan oleh ILB Cyber Security Malaysia (CSM) bagi mendapatkan data unjuran permintaan majikan terhadap pekerja berasaskan TVET dalam bidang Keselamatan Siber. Peringkat kemajuan kajian : Draf Laporan Awal telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu Kajian. Pelaksanaan kajian disambung ke tahun 2023.

### 4.6.3 Kajian Permintaan Tenaga Kerja Berasaskan TVET Bidang Teknologi Hijau

Kajian ini dilaksanakan oleh ILB Malaysian Green Technology (MGTC) bagi mendapatkan data unjuran permintaan majikan terhadap pekerja berasaskan TVET dalam bidang Teknologi Hijau. Peringkat kemajuan kajian : Draf Laporan Awal telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu Kajian. Pelaksanaan kajian disambung ke tahun 2023.

## 4.7 Penyelarasan Tadbir Urus Aktiviti TVET Bersama Badan Peneraju Industri




Rajah 5.18: Lawatan ke Institut Teknologi Unggas (ITU) anjuran ILB BPLKP bagi Program Pembangunan SKM dalam Industri Poltri




Rajah 5.19: Lawatan Kunjung Hormat ke CIDB




Rajah 5.20: Majlis Konvokesyen JKKN




Rajah 5.21: Majlis Konvokesyen SWCorp




Rajah 5.22: Majlis Konvokesyen IMPAC




Rajah 5.23: Hebahan SPKM melalui media oleh JKKN

# 5.0 Pengiktirafan SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA (SKM) oleh PERKHIDMATAN AWAM, AGENSI DAN INDUSTRI

## 5.1 Pengiktirafan Perkhidmatan Awam

Sehingga tahun 2015, terdapat **17 skim perkhidmatan** berkelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang telah diperuntukkan kelayakan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) sebagai syarat Kelayakan Masuk Pelbagai (KMP) ke dalam Perkhidmatan Awam.

Sehubungan dengan itu, bagi menarik calon berkemahiran untuk berkhidmat di dalam Perkhidmatan Awam, syarat kelayakan SKM diperluaskan kepada **51 skim perkhidmatan** berkelayakan SKM melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2016. Penetapan kelayakan SKM ini mengambil kira bidang-bidang yang bersesuaian dengan skop tugas dalam skim perkhidmatan berkaitan. Ini sekaligus menjadikan sebanyak 68 skim perkhimatan memperuntukkan SKM sebagai syarat KMP.

Walaubagaimanapun terdapat **2 skim telah dijumudkan** melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 dan ini menjadikan jumlah keseluruhan skim perkhidmatan yang memperuntukkan kelayakan SKM sebagai syarat KMP adalah sebanyak **66 skim perkhidmatan.**

## 5.2 Pengiktirafan Agensi Terhadap Persijilan Kemahiran Malaysia

Pelbagai Industri/Agensi telah mengiktiraf pemegang Sijil Kemahiran Malaysia bagi pelbagai tujuan seperti pengambilan pekerja. Perkara ini secara tidak langsung telah meningkatkan imej latihan kemahiran di kalangan masyarakat. Pihak JPK sentiasa mengadakan perbincangan bersama industri dan agensi bagi meningkatkan lagi pengiktirafan pemegang SKM.

Sehingga kini, sebanyak enam (6) bidang yang melibatkan enam (6) industri telah mengiktiraf Persijilan Kemahiran Malaysia bagi pelbagai tujuan mengikut keperluan industri. Senarai industri yang terlibat adalah seperti di Jadual 5.2.

Jadual 5.2: Senarai industri yang mengiktiraf Persijilan Kemahiran Malaysia dalam lantikan pengambilan pekerjaan

| Bil. | Bidang/ Industri/Agensi | Tujuan Pengiktirafan |
|---|---|---|
| 1 | Jabatan Standard Malaysia (JSM)<br>STANDARDS MALAYSIA | Keperluan memiliki kelayakan SKM Automotif bagi perkhidmatan Pembaikan Kenderaan di Malaysia dimana setiap bengkel kenderaan perlu ada Technical Specialist dengan minimum SKM Level 3 berpandukan:<br>• *Malaysian Standard: Motor vehicle after market- Service and spare parts(2S) - Code of Practice (MS2696:2018);*<br>• *Malaysian Standard: Motor vehicle after market - Service and spare parts(4R&2S) - Code of Practice (MS2696:2018).* |

| Bil. | Bidang/ Industri/Agensi | Tujuan Pengiktirafan |
|---|---|---|
| 2 | Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) | Mensyaratkan keperluan kompetensi Persijilan Kemahiran Malaysia (SKM) bidang Industri Perkhidmatan Air bagi personel Operator Bekalan Air dan Pembetungan di negeri-negeri dibawah selian SPAN. |
| 3 | Bahagian Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) | Keperluan memiliki kelayakan DKM Pentadbiran Pengajaran dan Pendidikan Prasekolah (SKM 4) sebagai salah satu kelayakan minimum Guru Tadika Swasta dibawah selian Bahagian Pendidikan Swasta, KPM. |
| 4 | Bahagian Perubatan Tradisional Dan Komplementari, Kementerian Kesihatan Malaysia | Keperluan memiliki kelayakan DKM Penjagaan Ibu Selepas Bersalin MamaCare, DKM Urut Terapi dan SKM 3 Terapi Bekam Angin sebagai kelayakan pengamal perubatan tradisonal melayu, penjagaan postnatal MamaCare, Urut Melayu dan Bekam Melayu dibawah selian Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, Kementerian Kesihatan. |
| 5 | Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan Malaysia | Keperluan memiliki kelayakan SKM bidang Ekuin sebagai salah satu kelayakan minimum operator Ekuin di bawah selian Jabatan Perkhidmatan Veterinar. |
| 6 | Pengiktirafan Agensi-agensi Persijilan Non-Destructive Test | **PETRONAS:** Menjadikan SKM NDT sebagai salah satu keperluan kelayakan dalam dokumen Petronas Technical Standards. |
| | | **Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA)** Mensyaratkan SKM bidang Radiografi bagi pengiktirafan sebagai Pengendali Sinaran. |
| | | **Jabatan Standard Malaysia (JSM)** Keperluan memiliki kelayakan SKM NDT bagi memohon akreditasi Malaysia Inspection Bodies Accreditation Scheme. |
| | | **Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (DCA)** Penerimaan penubuhan National Aerospace NDT Board (NANDTB) dibawah JPPK NDT. |

## 5.3 Artikulasi Program Kemahiran

Artikulasi program kemahiran yang diwujudkan adalah untuk memberikan laluan bagi pelajar lulusan SPKM melanjutkan pengajian pada tahap yang lebih tinggi di Institut

Pengajian Tinggi (IPT) awam dan swasta mengikut bidang kemahiran yang berkaitan. IPT yang terlibat di dalam program artikulasi ini terdiri daripada Rangkaian Universiti-universiti Teknikal Malaysia atau *Malaysia Technical Universities Network* (MTUN), Universiti awam (UA) termasuk Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) manakala Universiti Swasta diwakili oleh UniKL.

Sebanyak **505** permohonan telah diterima dan sebanyak **141** lepasan DKM/DLKM telah ditawarkan oleh universiti awam bagi sesi kemasukan 2022/2023 seperti Carta 5.1.

Bagi UniKL pula, Seramai **126** lepasan DKM/DLKM telah mendaftar ke UNIKL bagi kemasukan Januari dan September 2022.

Carta 5.1: Statistik Penawaran untuk Lepasan DKM dan DLKM ke Universiti Awam



# Bahagian Promosi

## (BPROMOSI)

# BAHAGIAN PROMOSI

**MEMPERLUAS PROGRAM TEMU SERU (OUTREECH)**

Aktiviti 1 : Promosi SkillsMalaysia di Sekolah
- Sasaran 1 : 10,000 penyertaan
- Pencapaian: 12,461 penyertaan

Aktiviti 2 : Program Outreech bersama konuniti / pemimpin setempat
- Sasaran : 5 lokasi program
- Pencapaian: 19 lokasi program

**MEMPERGIAT PROGRAM PROMOSI TVET BERSKALA BESAR**

Aktiviti 1 : Karnival TVET / SkillsMalaysia
- Sasaran : 10,000 penyertaan
- Pencapaian: 42,395 penyertaan

Aktiviti 2 : Program SkillsMalaysia bersama agensi awam / swasta / NGO
- Sasaran : 5 program kerjasama
- Pencapaian: 11 program kerjasama

**MEMANTAPKAN JENAMA TVET SEBAGAI PILIHAN UTAMA**

Aktiviti 1 : Promosi melalui *out of home* (OOH) *advertisement*
- Sasaran : 30,000 penyertaan
- Pencapaian: 30,370,000 penyertaan

Aktiviti 2 : Program melalui siaran TV
- Sasaran : 20,000,000 tontonan
- Pencapaian: 26,000,000 tontonan

**MEMANTAPKAN JENAMA TVET SEBAGAI PILIHAN UTAMA**

Aktiviti 3 : Promosi melalui media cetak
- Sasaran : 6 hebahan
- Pencapaian: 19 hebahan

Aktiviti 2 : Promosi melalui media sosial
- Sasaran : 400,000 capaian
- Pencapaian: 1,130,913 capaian

## Pengenalan




## Unit Seranta dan Media (USM)

- Merancang, mengurus dan melaksana semua aktiviti promosi berkaitan TVET dan latihan kemahiran melalui aktiviti karnival dan program outreach.
- Merancang, mengurus dan melaksana semua aktiviti promosi berkaitan TVET dan latihan kemahiran melalui pelbagai medium seperti media cetak, media elektronik dan media sosial (MEDsoc/MEDnet).
- Merancang, mengurus dan melaksana semua aktiviti promosi berkaitan TVET dan latihan kemahiran melalui medium billboard, cinema advertisement dan lain-lain.
- Merancang dan melaksanakan aktiviti promosi TVET dan latihan kemahiran kepada sekolah rendah dan sekolah menengah.
- Mengurus dan menyelaras pengurusan acara bagi sebarang bentuk seminar, persidangan, conference, luncheon talk berkaitan TVET dan latihan kemahiran di peringkat Jabatan.
- Menyelaras program atau aktiviti promosi bersama agensi TVET awam dan swasta.
- Menyelaras dan menguruskan perolehan bahan promosi serta kerja-kerja pencetakan dan penerbitan bahan informasi Jabatan.

## Unit Perhubungan Awam (UPA)

- Merancang, mengurus dan melaksanakan aktiviti berkaitan pengurusan khidmat pelanggan dan perhubungan awam dengan berkesan dalam mencerminkan wadah penyampaian utama jabatan secara keseluruhan.
- Mengurus, menganalisis dan menyokong modul pendaftaran, penilaian, pentauliahan dan persijilan SLaPB, sistem eNDT, modul industri dan modul statistik di MySPIKE.

## Unit Teknikal Pertandingan (UTP)

- Merancang dan menguruskan perkara berkaitan teknikal pelaksanaan Pertandingan Kemahiran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa yang merangkumi:
  - i. Hubungan kerjasama dengan Agensi Pertandingan;
  - ii. Pengurusan mesyuarat dan promosi pertandingan;
  - iii. Penyediaan kemudahan tapak, teknikal, peralatan dan bahan guna habis Pertandingan;
  - iv. Penyediaan mesyuarat tapak pertandingan; dan
  - v. Penyediaan kemudahan personel dan latihan peserta pertandingan.

## Unit Pengurusan Pertandingan (UPP)

- Merancang dan menguruskan pelaksanaan Pertandingan Kemahiran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa merangkumi:
  - i. Pengurusan kewangan dan perolehan;
  - ii. Penyediaan Kertas Kelulusan Dasar;
  - iii. Pengurusan mesyuarat dan majlis berkaitan pertandingan;
  - iv. Pengurusan perlantikan dan pembangunan Personel/Peserta Pertandingan;
  - v. Perancangan knowledge sharing dan pemantapan pertandingan;
  - vi. Pengurusan keperluan logistik Kontinjen Pertandingan;
  - vii. Pengurusetiaan mesyuarat Majlis Pertandingan Kemahiran Malaysia (MPKM); dan
  - viii. Pengurusetiaan mesyuarat Majlis Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri (MATEPM).

## Carta Organisasi Bahagian Promosi




Rajah 6.1: Carta organisasi Bahagian Promosi, Jabatan Pembangunan Kemahiran

## Aktiviti Bahagian Promosi Sepanjang Tahun 2022




Rajah 6.2: Karnival Jom Masuk TVET@ KSM




Rajah 6.3: Flag-OFF Promosi OOH Melalui Rapid Bus




Rajah 6.4: Karnival Pendidikan Teknik & Vokasional

## PROGRAM JELAJAH OUTREACH TVET 2022 WILAYAH SELATAN

Tarikh program:
**23–25 Ogos 2022**

Agensi terlibat:

**ILJTM, KKTM, ILKBS, GIAT MARA dan KPM**

Peserta:

**190** konvoi bermotosikal

**5000** pelajar sekolah

**284** guru kaunseling

**8** lokasi pit stop

Mula



- CIAST
- ADTEC MELAKA
- ILP SELANDAR
- KKTM LEDANG
- GIAT MARA PASIR GUDANG
- IKBN BANDAR PENAWAR
- SMK PERMAS JAYA 2
- PERSADA

Tamat

Rajah 6.5: Lokasi Pit Stop Program Jelajah Outreach Wilayah Selatan




Rajah 6.6: Lokasi dan Aktiviti Jelajah Outreach TVET 2022 Wilayah Selatan

Gambar aktiviti sepanjang Program Jelajah *Outreach* TVET 2022 Wilayah Selatan




Rajah 6.7: Program Jelajah *Outreach* TVET 2022 (1)




Rajah 6.8: Program Jelajah *Outreach* TVET 2022 (2)

## MAJLIS PERTANDINGAN KEMAHIRAN MALAYSIA

Majlis Pertandingan Kemahiran Malaysia (MPKM) merupakan majlis yang dianggotai oleh wakil dari agensi awam dan swasta yang dipengerusikan oleh YB Timbalan Menteri Sumber Manusia. MPKM adalah bertujuan untuk menentukan dasar dan hala tuju penganjuran pertandingan kemahiran di peringkat kebangsaan dan penyertaan Malaysia di ASEAN Skills Competition (ASC), WorldSkills Asia (WSA), WorldSkills Competition (WSC) dan lain-lain pertandingan di peringkat kebangsaaan dan antarabangsa. Pada tahun 2022, mesyuarat MPKM telah bersidang sebanyak dua (2) kali.

| BIL. | TARIKH | TEMPAT |
|---|---|---|
| Bil. 1/2022 | 25 April 2022 | Hotel Marriot, Putrajaya |
| Bil. 2/2022 | 17 Ogos 2022 | Hotel Zenith, Putrajaya |

Jadual 6.1: Tarikh Mesyuarat MPKM



Rajah 6.9: Mesyuarat MPKM Bil. 1/2022



Rajah 6.10: Mesyuarat MPKM Bil. 2/2022

## PERTANDINGAN KEMAHIRAN PERINGKAT KEBANGSAAN




### WorldSkills Malaysia Belia (WSMB)

Pertandingan WorldSkills Malaysia Belia (WSMB) adalah satu pertandingan kemahiran peringkat belia yang dilaksanakan di peringkat kebangsaan. Pertandingan ini telah dianjurkan sejak tahun 1990 dan penganjuran pertandingan ini adalah usahasama antara Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Kerja Raya (KKR). WSMB diadakan setiap tahun bertujuan untuk memilih dan mengiktiraf pelatih dan pekerja mahir yang mempunyai kemahiran yang unggul. Pertandingan ini dijalankan melalui dua peringkat iaitu peringkat pra kelayakan dan peringkat akhir. Sebanyak 35 bidang telah dipertandingkan pada tahun 2022.






Rajah 6.11: Jumlah Pungutan Pingat WSMB

## WorldSkills Malaysia Pengajar (WSMP)

Pertandingan WSMP 2022 dianjurkan sepenuhnya oleh JPK, KSM yang merupakan platform kepada tenaga pengajar untuk bersaing di dalam pertandingan kemahiran peringkat kebangsaan. WSMP 2022 peringkat akhir telah diadakan di beberapa lokasi terpilih. Sebanyak 10 bidang telah dipertandingkan pada tahun 2022.








Rajah 6.12: Jumlah Pungutan Pingat WSMP

## JuniorSkills Malaysia (JSM)

Pertandingan JuniorSkills Malaysia ini terbuka kepada semua pelajar sekolah yang berumur 16 tahun ke bawah bagi tujuan memberi pendedahan awal kepada bidang kemahiran serta memupuk minat di kalangan pelajar sekolah terhadap latihan kemahiran. Sebanyak 10 bidang telah dipertandingkan pada tahun 2022.








Rajah 6.13: Jumlah Pungutan Pingat JSM











Rajah 6.14: Pertandingan WSMB, WSMP & JSM Peringkat Akhir

## PERTANDINGAN KEMAHIRAN PERINGKAT ANTARABANGSA

### WorldSkills Competition Special Edition (WSCE)

*WorldSkills International* (WSI) telah membuat keputusan untuk menggantikan WSC Shanghai 2022 kepada ***WorldSkills Competition Special Edition*** **(WSCSE)** ***2022*** susulan daripada pembatalan pertandingan tersebut. Sebanyak 61 bidang kemahiran ditawarkan yang telah dianjurkan oleh 15 buah negara. Kontinjen negara menyertai 7 bidang kemahiran yang diadakan di 2 buah negara iaitu Switzerland dan Finland. Bidang tersebut adalah seperti berikut :

Jadual 6.2: Tarikh WorldSkills Competition Special Edition (WSCE)

| BIL. | BIDANG | LOKASI | TARIKH |
|---|---|---|---|
| 1 | Bakery | Lucerne, Switzerland | 7 – 17/10/2022 |
| 2 | Patisserie and Confectionary | | |
| 3 | Cabinetmaking | Basel, Switzerland | 7 – 16/10/2022 |
| 4 | Restaurant Service | Lucerne, Switzerland | 19 - 28/10/202 |
| 5 | Cooking | | |
| 6 | Beauty Therapy | Helsinki, Finland | 16 - 25/10/2022 |
| 7 | Fashion Technology | | |




Rajah 6.15: WorldSkills Competition Special Edition (WSCE)

Jadual 6.3: Pencapaian WorldSkills Competition Special Edition (WSCE)

| BIL | BIDANG | SKOR | RANK | ANUGERAH |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Cooking | 720 | 5/30 | **Medallion for Excellence** |
| 2. | Fashion Technology | 713 | 7/20 | **Medallion for Excellence** |
| 3. | Bakery | 679 | 11/14 | - |
| 4. | Cabinetmaking | 674 | 15/18 | - |
| 5. | Restaurant Services | 697 | 13/21 | - |
| 6. | Patisserie and Confectionery | 621 | 13/15 | - |
| 7. | Beauty Therapy | 694 | 10/18 | - |



### 6.1.1.1 Worldskills Asia Online Skills Challenge

Kontinjen Malaysia telah menyertai 3 bidang kemahiran pada Worldskills Asia Online Skills Challenge yang diadakan dari 10 hingga 26 Ogos 2022. Pencapaian peserta negara adalah seperti berikut:

Jadual 6.4: Pencapaian Worldskills Asia Online Skills Challenge

| BIL | BIDANG | NAMA PESERTA | INSTITUT | PENCAPAIAN |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Graphic Design Technology | Muhammad Hafizuddin bin Norizan | UniKL - MIIT | Pingat Emas |
| 2 | Graphic Design Technology for Junior | Aimanulhakim bin Abdullah | SMK Majidi Baru 2, Johor Bahru | Pingat Emas |
| 3 | Mobile Robotics | Mohd Hiddan bin Maksan & Haikal bin Azhar | Universiti Teknologi Malaysia (UTM) | Sijil Penyertaan |



# Bahagian Inspektorat

**(BI)**

## BAHAGIAN INSPEKTORAT




Rajah 7.1: Infografi Bagi Pencapaian Bahagian Inspektorat Bagi Tahun 2022

# PENCAPAIAN BAHAGIAN INSPEKTORAT

## 1. PENARAFAN TUNGGAL PROGRAM TVET

### a. PENARAFAN TUNGGAL TAHUN 2022

i. Mesyuarat Kerja Pemahaman Instrumen

Melalui sesi Mesyuarat Kerja Pemahaman Instrumen ini, panel-panel yang dilantik diberi latihan agar memiliki pemahaman yang setara dan jelas berkaitan instrumen yang telah dibangunkan. Perkara ini penting bagi memastikan kualiti pelaksanaan penarafan dapat dikawal serta dipertingkatkan disamping mengurangkan elemen ketidakseragaman di dalam melaksanakan verifikasi sekaligus memastikan Penarafan Tunggal Program TVET dapat dilaksanakan dengan elemen penilaian yang tepat, holistik dan komprehensif. Berikut merupakan agensi-agensi yang terlibat di dalam menjayakan Penarafan Tunggal Program TVET melalui perkongsian kepakaran sebagai Panel Verifikasi.




Rajah 7.2: Senarai Agensi Yang Terlibat Sebagai Panel Verifikasi Penarafan Tunggal Bagi Tahun 2022

ii. Mesyuarat Kerja Semakan Instrumen (Oleh Pakar Panel Pembangun)

Pelaksanaan Sesi Mesyuarat ini adalah bagi memastikan setiap panel pembangun dari pelbagai Agensi yang terlibat dapat memberikan input tambahan merangkumi semua aspek dan bidang kepakaran masing-masing. Secara tidak langsung, proses penilaian yang dilaksanakan adalah bersifat holistik. Sesi ini akan memberi ruang dan peluang kepada semua panel yang dilantik dari pelbagai Kementerian dan Industri yang terlibat untuk mengemukakan pandangan dan agar proses verifikasi Penarafan Tunggal Program TVET dapat dilaksanakan dengan elemen penilaian yang tepat, menyeluruh dan komprehensif.




Rajah 7.3: Senarai Agensi Yang Terlibat Di Dalam Membuat Semakan Terhadap Instrumen Penilaian Penarafan Tunggal. Panel Yang Dijemput Merupakan Pakar Yang Telah Membangunkan Instrumen Penilaian Penarafan Tunggal



Rajah 7.4: Aktiviti-Aktiviti Yang Berlangsung Sepanjang Sesi Pelaksanaan Penarafan Tunggal Bagi Tahun 2022

## 2. PEMERIKSAAN DAN PEMATUHAN AKTA 652

### b. STATISTIK TINDAKAN BAGI TAHUN 2022

i. Statistik Pemeriksaan Seksyen 38 mengikut Negeri

Pemeriksaan di bawah Seksyen 38 Akta 652 dijalankan bagi tujuan memeriksa Penyedia Latihan Kemahiran untuk memastikan pelaksanaan SPKM telah dan sedang mematuhi Akta 652 serta peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini. Semakan dibuat berkaitan dengan pengurusan dan pelaksanaan latihan kemahiran yang dijalankan oleh penyedia latihan kemahiran. Aktiviti pemeriksaan ini dijalankan dari semasa ke semasa oleh Inspektor yang dilantik di bawah seksyen 37 Akta 652. Kaedah pemeriksaan yang dilaksanakan adalah secara bersemuka atau secara dalam talian. Berikut merupakan bilangan pemeriksaan yang telah dilaksanakan oleh Bahagian Inspektorat.




Rajah 7.5: Maklumat Statistik Pemeriksaan di Bawah Seksyen 38 Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 Mengikut Negeri





Rajah 7.6: Aktiviti Pemeriksaan Di Bawah Seksyen 38 Akta 652 Yang Dilaksanakan Oleh Bahagian Inspektorat

ii. Statistik Jenis Tindakan Yang Dikenakan Terhadap PB

Jawatankuasa Tindakan Di Bawah Akta 652 (JKTA 652) dianggotai oleh 11 orang anggota tetap dan berperanan membuat keputusan dan meluluskan tindakan yang diambil di bawah Akta 652 atau tindakan secara pentadbiran bagi pelanggaran kepada Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006. Mesyuarat JKTA 652 juga bertanggungjawab untuk membuat keputusan dan meluluskan tindakan berkaitan ketidakpatuhan yang telah berlaku yang ditemui oleh Bahagian Inspektorat semasa melaksanakan Pemeriksaan di bawah Seksyen 38, Akta 652. Berikut merupakan Statistik Jenis Tindakan yang telah dilaksanakan bagi tahun 2022.




| BIL. | JENIS TINDAKAN | SLaPB | SLDN |
|---|---|---|---|
| 1 | Pembekuan | 9 | 20 |
| 2 | Notis Penjelasan | 169 | 29 |
| 3 | Pembatalan | 10 | 0 |
| 4 | Penggantungan Personel | 7 | 3 |
| **JUMLAH TINDAKAN** | | **195** | **52** |
| **KESELURUHAN** | | **247** | |

Rajah 7.7: Jadual Bagi Statistik Jenis Tindakan Yang Dikenakan Terhadap Program dan Personel di Pusat Bertauliah




| BIL. | BIDANG | LOKASI | TARIKH |
|---|---|---|---|
| 1 | Pembekuan | 9 | 20 |
| 2 | Notis Penjelasan | 169 | 29 |
| 3 | Pembatalan | 10 | 0 |
| 4 | Penggantungan Personel | 7 | 3 |
| JUMLAH TINDAKAN | | 195 | 52 |
| KESELURUHAN | | 247 | |

Rajah 7.8: Jadual Bagi Statistik Jenis Tindakan Yang Dikenakan Terhadap Pusat Bertauliah dan Pusat SLDN (Termasuk Personel)

## 3. PENGUATKUASAAN AKTA 652

Tindakan penguatkuasaan yang dilakukan Bahagian Inspektorat, JPK adalah bagi memastikan dasar dan perundangan latihan kemahiran diperkasakan serta pelaksanaan latihan TVET di sesebuah Pusat Bertauliah mematuhi standard dan jaminan kualiti yang ditetapkan dalam Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM).




Rajah 7.9: Aktiviti Yang Telah Dilaksanakan Oleh Bahagian Inspektorat Bagi Menguatkuasakan Akta 652





Rajah 7.10: Kerjasama Bahagian Inspektorat Bersama Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) Bagi Melaksanakan Kursus Penguatkuasaan Bagi Menguatkuasakan Akta 652

## 4. BIMBINGAN DAN KONSULTASI

Bahagian Inspektorat turut melaksanakan taklimat penambahbaikan Pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia bagi Pematuhan Terhadap Akta 652. Aktiviti bimbingan dan konsultansi ini penting sebagai panduan kepada semua penyedia latihan kemahiran yang melaksanakan persijilan SPKM agar mengekalkan prestasi sebagai pusat bertauliah yang kompeten sepanjang melaksanakan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM). Bahagian Inspektorat turut menyeru pihak penyedia Latihan agar memberikan komitmen terhadap pematuhan Akta 652 dalam pelaksanaan SPKM.




Rajah 7.11: Aktiviti Yang Telah Dilaksanakan Oleh Bahagian Inspektorat Sebagai Bimbingan dan Konsultansi Bagi Memastikan Akta 652 Dipatuhi

## 5. PERANCANGAN DASAR DAN POLISI JABATAN BERKAITAN TVET

Bahagian Inspektorat bertanggungjawab di dalam menyelaras pembangunan Tahfiz TVET untuk melahirkan lebih ramai huffaz yang memiliki kemahiran TVET melalui Pensijilan Kemahiran Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan.




Rajah 7.12: Perancangan dan Pelaksanaan Berkaitan Dasar dan Polisi Jabatan Berkaitan TVET yang Dilaksanakan oleh Bahagian Inspektorat





Rajah 7.13: Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pembangunan Tahfiz TVET di bawah Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK)

## PENGENALAN BAHAGIAN INSPEKTORAT

Bahagian Inspektorat merupakan Bahagian yang dipertanggungjawabkan untuk memastikan Penyedia Latihan Kemahiran (PLK) atau Pusat Bertauliah (PB) menjaga kualiti dalam pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) agar graduan TVET yang dikeluarkan menepati keperluan dalam industri. Bahagian Inspektorat menyelaras dan melaksanakan peguatkuasaan Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652) dan peraturan-peraturan di bawahnya. Selain itu, bahagian ini juga mengetuai pelaksanaan Penarafan Tunggal Program TVET di bawah RMKe-12 dan bertanggungjawab mengurus, merancang dan menjalankan aktiviti Penarafan Tunggal Program TVET kepada Penyedia Latihan yang dikendalikan oleh pelbagai agensi TVET di seluruh Malaysia.




Rajah 7.14: Fungsi Utama Bahagian Inspektorat

# CARTA ORGANISASI DAN FUNGSI BAHAGIAN INSPEKTORAT




Rajah 7.15: Carta Organisasi Bahagian Inspektorat, Jabatan Pembangunan Kemahiran

## Fungsi dan Peranan Unit Penguatkuasaan

- Melaksanakan Penguatkuasaan Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652) serta Peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.
- Menjalankan apa-apa siasatan di bawah Akta 652.
- Mengambil tindakan penggantungan atau pembatalan sijil pentauliahan di bawah Akta 652.
- Menguruskan rayuan berkaitan perenggan 25(a), 27(2)(a) atau seksyen 29 Akta 652.
- Menyediakan kertas siasatan bagi tujuan kesalahan dan penalti atau peraturan-peraturan di bawah Akta 652.
- Menyediakan kertas siasatan bagi tujuan pengkompaunan kesalahan di bawah Akta 652.
- Mengurus perlaksanaan Penarafan Tunggal Program TVET.
- Merancang dan menguruskan sebarang kursus berkaitan keperluan Inspektor atau Pegawai Penguatkuasa.

Rajah 7.16: Fungsi Unit Penguatkuasaan, Bahagian Inspektorat, Jabatan Pembangunan Kemahiran

## Fungsi dan Peranan Unit Pemeriksaan

- Menjalankan pemeriksaan dan pemantauan ke atas Penyedia Latihan Kemahiran atau Pusat Bertauliah bagi memastikan Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652) dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta 652 dipatuhi.
- Menjalankan pemeriksaan dan pemantauan ke atas Pusat Bertauliah (PB) untuk memastikan Standard dan kualiti dikekalkan.
- Menjalankan pemeriksaan, pemantauan dan pengawal selian pengiklanan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) oleh Pusat Bertauliah (PB) dan pihak-pihak yang berkenaan selaras dengan peruntukan Akta 652.
- Mengurus Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Di bawah Akta 652.
- Menguruskan apa-apa aktiviti yang berkaitan pemeriksaan.

Rajah 7.17: Fungsi Unit Pemeriksaan, Bahagian Inspektorat, Jabatan Pembangunan Kemahiran



# Bahagian Kewangan, Pentadbiran Dan Sumber Manusia

**(KPSM)**

# PENCAPAIAN 2022

BAHAGIAN KEWANGAN, PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA (KPSM)

## 1

PELAKSANAAN HRMIS




100%

DILAKSANAKAN

## 2

MBJ

MESYUARAT BERSAMA JABATAN



3

MESYUARAT

## 3

30 KURSUS DALAMAN



## 4

JAWATANKUASA ANTI RASUAH



3 MESYUARAT

## 5

MESYUARAT UTAMA JABATAN



- 12 MESYUARAT PENGURUSAN JPK
- 2 MESYUARAT JAWATANKUASA AKAUN AMANAH
- 4 MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN (JPKA)
- 4 MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET ALIH KERAJAAN (JKPAK)
- 2 MESYUARAT PANEL PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA (PPSM)
- 3 PERHIMPUNAN BULANAN JPK
- 4 MESYUARAT JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

## 6

NAZIRAN



PEMANTAUAN PENGURUSAN KEWANGAN, SUMBER MANUSIA DAN KHIDMAT SOKONGAN DI

6 JPK WILAYAH

## Bahagian Kewangan, Pentadbiran dan Sumber Manusia (KPSM)

Khidmat Sokongan JPK yang diterajui oleh Bahagian Kewangan, Pentadbiran dan Sumber Manusia (KPSM) terbahagi kepada 3 Seksyen iaitu :




## Carta Organisasi Bahagian KPSM



## 1 PERJAWATAN

Pada tahun 2022 sebanyak 615 (94.04%) daripada 654 perjawatan bagi kategori Pengurusan & Profesional (P&P) dan Pelaksana telah diisi. Perjawatan ini adalah merangkumi Ibu Pejabat JPK (Putrajaya & Cyberjaya), CIAST dan enam (6) Pejabat Wilayah.




Status Perjawatan Mengikut Lokasi bagi Perjawatan Pengurusan & Profesional




Status Perjawatan Mengikut Lokasi bagi Perjawatan Pelaksana

## 2 KENAIKAN PANGKAT

Pada tahun 2022, seramai 41 pegawai JPK telah mendapat kenaikan pangkat dan 16 pegawai telah diberi pemangkuan dalam gred dan skim masing-masing.




Kenaikan Pangkat dan Pemangkuan bagi Tahun 2022

## 3 SEKALUNG BUDI SEJAMBANG KASIH

Sepanjang tahun 2022, seramai 12 orang pegawai Jabatan telah menamatkan perkhidmatan sama ada bersara wajib atau bersara pilihan seperti di bawah. Jabatan merakamkan penghargaan atas sumbangan jasa bakti pegawai.



Dato' Ts. Zaihan Bin Shukri
PLV Gred Utama B
KPPK
15 Februari 2022



YBrs. Dr. Ghalip Bin Spahat
PLV Gred DV54(KUP)
BSPKTVET
28 September 2022



Puan W Fadzilah Binti W Dagang
PLV Gred DV52(KUP)
JPK Wilayah Timur
1 Ogos 2022



Puan Shamsida Binti Zainal Abidin
PLV Gred DV52
BPK
28 Februari 2022



Encik Noordin Bin Abdullah
PLV Gred DV52 KUP
CIAST
1 Januari 2022



Encik Saiful Bahri Bin Abdul Hamid
PLV Gred DV52 KUP
CIAST
10 Mac 2022



Encik Mohd Noor Bin Menhad
PLV Gred DV48 KUP
CIAST
4 Mei 2022



Datin Zainila Binti Salam
PLV Gred DV48
CIAST
14 Mei 2022



Encik Ariffin Bin Mohamad
PLV Gred DV44
CIAST
1 April 2022



Encik Shahabudin Bin Md Nor
PPLV Gred DV40 KUP
CIAST
28 Februari 2022



Puan Fatimazuraida Binti Abd Rahman
PPLV Gred DV36
CIAST
1 Mei 2022



Puan Aspalela Binti Abidin
PT P/O Gred N26
CIAST
1 Februari 2022

# 4 PENCAPAIAN HRMIS

Laporan Pencapaian KPI HRMIS merangkumi 10 KPI bagi Tahun 2022 di Jabatan Pembangunan Kemahiran.

Senarai KPI HRMIS bagi Tahun 2022

| SENARAI KPI HRMIS | WAJARAN MARKAH | TARIKH AKHIR KEMASKINI | PERATUSAN PENCAPAIAN |
|---|---|---|---|
| Pelaksanaan Perisytiharaan Harta melalui HRMIS | 20% | 31 DISEMBER 2022 | 100% |
| Pelaksanaan Program Pembangunan Kompentensi (PPK) melalui HRMIS | 20% | 31 DISEMBER 2022 | 100% |
| Pelaksanaan Pengurusan Perhubungan Majikan-Pekerja (MBJ) melalui HRMIS | 20% | 31 DISEMBER 2022 | 100% |
| Pelaksanaan Penamatan Perkhidmatan Melalui HRMIS | 20% | 31 DISEMBER 2022 | 100% |
| Pelaksanaan Tuntutan Perjalanan Dalam Negeri (TNT) melalui HRMIS | 15% | 31 DISEMBER 2022 | 100% |
| Pelaksanaan Tuntutan Elaun Kerja Lebih Masa Melalui HRMIS | 20% | 31 DISEMBER 2022 | 100% |
| Pelaksanaan Pengurusan Cuti Melalui HRMIS | 15% | 31 DISEMBER 2022 | 100% |
| Pelaksanaan Pengurusan Gaji melalui HRMIS | 20% | 31 DISEMBER 2022 | 100% |
| Pelaksanaan Pengurusan Penyata KEW.8 melalui HRMIS | 20% | 31 DISEMBER 2022 | 100% |
| Pemurnian Data (126 Elemen Data) | 15% | 31 DISEMBER 2022 | 100% |

## 5 PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT TAHUN 2022



### ENCIK MOHD AZMIR BIN AHMAD
**PENGARAH JPK WILAYAH UTARA**
**PLV GRED DV48**

1. Pengurniaan Pingat Mahkota Perlis (P.M.P.) bersempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-79 Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis pada 31 Mei 2022
2. Pengurniaan Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) bersempena Hari Ulang Tahun Ke-73 Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang pada 26 Julai 2022

## 6 PEMBANGUNAN KOMPETENSI KAKITANGAN

Pada tahun 2022, JPK telah menganjurkan 30 kursus bagi pembangunan kompetensi kakitangan JPK.

Senarai Kursus bagi Pembangunan Kompetensi Kakitangan JPK

| KURSUS | TARIKH | TEMPAT |
|---|---|---|
| Sesi Perkongsian Khas Kursus Swasta Pegawai JPK | 8 Feb 2022 | Atas Talian |
| Seminar Pengurusan Kewangan Peribadi | 15 Feb 2022 | Dewan Serbaguna KSM |
| Kursus 'Infographic Using Powerpoint' | 23-24 Feb 2022 | Atas Talian |
| Bengkel Pembaikan Ringan dan Pemuliharaan Buku | 16-17 Mac 2022 | Perpustakaan KSM |
| Kursus Pengaturcaraan 'PHP & OOP:PHP Programming' | 22-23 Mac 2022 | CIAST |
| Kursus Tatacara Terimaan dan Pembayaran Kerajaan Bagi Tahun 2022 | 25-27 Mac 2022 | Hotel D'Wharf |
| Kursus Pembangunan Sistem 'Myspike/TiPS- Web Development With Yii2 Framework' | 29-30 Mac 2022 | CIAST |
| Kursus Pelaksanaan Pengurusan Prestasi Perkhidmatan Awam (My Performance) | 30 Mac 2022 | Hotel Dorsett, Putrajaya |
| Ceramah Agama Bulan Ramadhan Siri 1: Ustaz Don Danial bin Don Biyajid | 31 Mac 2022 | Auditorium D8 |
| Ceramah Agama Bulan Ramadhan Siri 2: Ustazah Asma' Harun | 7 April 2022 | Auditorium D8 |

| KURSUS | TARIKH | TEMPAT |
| --- | --- | --- |
| Ceramah Agama Bulan Ramadhan Siri 3: Ustaz Samsul Debat | 14 April 2022 | Auditorium D8 |
| Ceramah Agama Bulan Ramadhan Siri 4: Ustaz Elyas Ismail | 21 April 2022 | Auditorium D8 |
| Ceramah Agama Bulan Ramadhan Siri 5: Ustaz Dr. Hj Abdullah Khairi | 27 April 2022 | Auditorium D8 |
| Kursus Keibubapaan Siri 1: Suntikan Semangat Kepada Anak Pasca Pandemik | 13 Mei 2022 | Atas Talian |
| Kursus Keibubapaan Siri 2: Suntikan Semangat Kepada Anak Pasca Pandemik | 20 Mei 2022 | Atas Talian |
| Kursus Modul Sistem Pengurusan Stor (SPS) | 8-9 Jun 2022 | Bilik Latihan ICT, KDN |
| Bengkel Penyelarasan Sasaran Kerja Utama (SKU) | 13-14 Jun 2022 | Hotel Palm Garden |
| Kursus Modul Sistem Pengurusan Aset (SPA) | 15-16 Jun 2022 | Bilik Latihan ICT, KDN |
| Kursus Persediaan Mengendalikan Kursus Dalam Talian | 23 Jun 2022 | Atas Talian |
| Kursus Pengurusan Isu & Risiko Bagi ISO 9001:2015 | 25-26 Julai 2022 | Hotel Park Inn Radison, Putrajaya |

| KURSUS | TARIKH | TEMPAT |
|---|---|---|
| Program 'Colour Cutecarry' Warna Kulit & Solekan | 27 Julai 2022 | Auditorium D8 |
| Kursus Mengawal Tekanan & Kemurungan | 28 Julai 2022 | Dewan Makan Aras 7, KPWKM |
| Kursus Tatacara Pengurusan Wang Amanah Kerajaan Awam & Prosedur Kerja IGFMAS-Perakaunan Akruan | 29-31 Julai 2022 | Adya Hotel, Langkawi |
| Kursus Pengurusan Kewangan: Pengurusan Harta dan Perancangan Warisan | 8 Ogos 2022 | Atas Talian |
| Kursus Protokol Pengurusan Majlis VVIP & Pengurusan Media Sidang Akhbar | 19-21 Ogos 2022 | Hotel Mardhiyyah |
| Kursus 'Parenting- Toxic Parents' | 25 Ogos 2022 | Auditorium D8 |
| Kursus Pengurusan Cuti dan Elaun Dalam Perkhidmatan | 26-28 Ogos 2022 | Berjaya Waterfront, JB |
| Seminar Imej Dan Keterampilan | 13 September 2022 | Auditorium D8 |
| Kursus Penulisan Dokumen Rasmi Kerajaan (Minit Mesyuarat, Kertas Kerja & Laporan) | 28-29 September 2022 | Hotel Pulse Grande |
| Kursus Warna & Personaliti | 29 Disember 2022 | Atas Talian |

# 7 KESELAMATAN

## Latihan Pengungsian Bangunan ("Fire Drill")

Latihan pengungsian bangunan (*Fire Drill*) Blok D3 dan Blok D4 telah diadakan pada 20 Disember 2022 oleh Bahagian Khidmat Pengurusan, Kementerian Sumber Manusia dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Tepat jam 9:30 pagi loceng kebakaran telah dibunyikan secara berturutan selama beberapa minit bagi memberi amaran. Kakitangan JPK di Aras 7 dan 8, Blok D4 telah berjaya berkumpul di tempat dan masa seperti yang telah ditetapkan. Tujuan utama diadakan latihan ini adalah untuk memberi pendedahan kepada warga kerja di kedua-dua bangunan tersebut tentang prosedur menyelamatkan diri jika berlaku sesuatu kecemasan yang melibatkan kebakaran.




Latihan Pengungsian Bangunan (Fire Drill) Blok D3 dan Blok D4 pada 20 Disember 2022

# 8 KEWANGAN

## A) Perbelanjaan Mengurus

Peruntukan Kemaskini Perbelanjaan Mengurus JPK bagi tahun 2022 adalah berjumlah RM67,227,656.47 juta. Peruntukan ini digunakan bagi melaksanakan fungsi Jabatan di bawah aktiviti 020200 Perbelanjaan Mengurus JPK.

Laporan Kedudukan (Mengurus) Bagi Tahun 2022

| Peruntukan | Aktiviti / Program | Peruntukan Kemaskini | Perbelanjaan Keseluruhan (Belanja = Tanggungan) | Peratus Perbelanjaan | Baki Peruntukan |
|---|---|---|---|---|---|
| Dasar Sedia Ada | 020200 | 67,227,656.47 | 67,180,589.29 | 99.93% | 47,067.18 |
| Program One-Off | 020200 | 265,030.00 | 265,029.90 | 99.99% | 0.01 |
| PROGRAM KURSUS | | | | | |
| Program Emolumen Kakitangan Kontrak | 040200 | 400,000.00 | 395,858.58 | 98.96% | 4,141.42 |
| Program Elaun Pelajar Pra Perkhidmatan | 040500 | 3,060,400.00 | 3,053,228.20 | 99.77% | 7,171.80 |
| Program Latihan Kemahiran (040800) | 040800 | 800,000.00 | 758,640.32 | 94.83% | 41,359.68 |
| Program Perkhidmatan Bekalan Makanan Bermasak di Institut Latihan KSM/KPK (041200) | 041200 | 689,978.95 | 644,685.53 | 93.44% | 45,293.42 |
| PROGRAM PEMBERIAN KEMUDAHAN PROJEK KHAS (MOF) | | | | | |
| Program Perkhidmatan AM Perbendaharaan - Pemberian Awal Award Gantian Cuti REHAT (GCR) | 021301 | 326,908.32 | 326,908.31 | 99.99% | 0.01 |

## B) Perbelanjaan Pembangunan

Peruntukan Kemaskini Perbelanjaan Pembangunan JPK bagi tahun 2022 adalah berjumlah RM 67,228,896.00 juta.

Laporan Kedudukan (Pembangunan) Bagi Tahun 2022

| Peruntukan | Aktiviti / Program | Peruntukan Kemaskini | Perbelanjaan Keseluruhan (Belanja = Tanggungan) | Peratus Perbelanjaan | Baki Peruntukan |
|---|---|---|---|---|---|
| Program 'Intelligent & Dynamic Tvet Standart and Curriculam Development' | 020200 | 67,227,656.47 | 67,180,589.29 | 99.93% | 47,067.18 |
| Program Penarafan Tunggal Program TVET | 020200 | 265,030.00 | 265,029.90 | 99.99% | 0.01 |
| Program Pengukuhan Pangkalan Data dan Perluasan Akses 'TVET Instructor EPROFILING System (TIPS)' | 040200 | 400,000.00 | 395,858.58 | 98.96% | 4,141.42 |
| Program Pembangunan Kepakaran dan Profesionalalisma Pengajar TVET & Personel SPKM | 040500 | 3,060,400.00 | 3,053,228.20 | 99.77% | 7,171.80 |
| Program 'TVET Instructor Technology Update (TITU)' | 040800 | 800,000.00 | 758,640.32 | 94.83% | 41,359.68 |
| Program Penubuhan Institut Latihan Perladangan (ILPG) Di Segamat, Johor | 041200 | 689,978.95 | 644,685.53 | 93.44% | 45,293.42 |
| Program Program Kemahiran dan Peningkatan kemahiran : SLDN | 021301 | 326,908.32 | 326,908.31 | 99.99% | 0.01 |
| PROGRAM KEMENTERIAN LUAR NEGERI | | | | | |
| Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) | 0050000700 22 | 105,630.00 | 105,630.00 | 100.00% | 0.00 |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| PROGRAM KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI | | | | | |
| Program 'Industry4WRD-' Peningkatan Kemahiran & Latihan Semula & Latihan Tenaga Pengajar | 500000010012 | 901,802.36 | 901,802.36 | 100.00% | 0.00 |
| PROGRAM JABATAN KERJA RAYA | | | | | |
| Menaiktaraf & Membaikpulih Bangunan di Pusat Latihan Pengajar & Kemahiran Lanjutan (CIAST) Shah Alam | 093001001000 | 201,700.00 | 201,627.52 | 99.96% | 72.48 |

## c) Kutipan Hasil

JPK juga menjalankan kutipan hasil untuk kerajaan, kutipan hasil JPK terdiri daripada bayaran dokumen (NOSS), bayaran permohonan pendaftaran pentauliahan, Pusat Pentauliahan, Sijil-Sijil SKM dan lain-lain kutipan hasil yang berkaitan.

Laporan Kedudukan (Pembangunan) Bagi Tahun 2022

| Tahun Kutian | Jualan Barang - Barang Cetak Yang Lain (NOSS) | Lain-lain Terimaan | Akaun Amanah JPK | Keseluruhan Terimaan |
|---|---|---|---|---|
| | (H0273199)/G000 | (G000/P000/B46) | L1212755 | |
| Tahun 2018 | RM44,300.00 | RM374,124.25 | RM23,603,390.00 | RM23,990,794.22 |
| Tahun 2019 | RM47,720.00 | RM374,124.25 | RM15,104,777.67 | RM15,526,621.92 |
| Tahun 2020 | RM47,623.00 | RM2,121,992.40 | RM12,376,922.30 | RM14,546,537.70 |
| Tahun 2021 | RM86,820.00 | RM1,868,550.02 | RM12,292,010.00 | RM14,247,380.02 |
| Tahun 2022 | RM106,440.00 | RM400,024.33 | RM16,163,204.43 | RM16,669,668.76 |
| Jumlah Keseluruhan | RM332,903.00 | RM5,107,795.22 | RM79,540,304.40 | RM84,981,002.62 |

# 9 AKTIVITI KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (KESKEPK) TAHUN 2022

## Biro Sukan

### 'Fun Ride' 2022



Peserta 'Fun Ride' 2022

### KESKEPK 'Fitness Challenge'




## Biro Sosial Dan Kebajikan

### Sumbangan KESKEPK Bagi Tahun 2022

- Perkahwinan Kali Pertama
- Kematian Ahli Keluarga Terdekat
- Kelahiran Cahaya Mata Pertama Di Jabatan
- Kemalangan / Dimasukkan Ke Hospital
- Anak Cemerlang
- Sumbangan Bencana



Sumbangan KESKEPK bagi tahun 2022 kepada semua penerima



# Pusat Latihan Pengajar Dan Kemahiran Lanjutan

**(CIAST)**

## Pencapaian CIAST Sepanjang Tahun 2022

Sepanjang tahun 2022, CIAST telah melaksanakan pelbagai program latihan yang telah dirancang dan dikendalikan oleh lima (5) program yang terdiri daripada Program Pembangunan Pengajar Kemahiran (PPK), Program Pembangunan Profesional Kemahiran (SPD), Program Pembelajaran Elektronik dan Multimedia (PEM), Program Perancangan dan Pembangunan Latihan (PPL) dan Program Kelayakan dan Kekompetenan (KK). CIAST turut melaksanakan program berkaitan penyelidikan dan inovasi, yang dipertanggungjawabkan kepada Unit Penyelidikan dan Inovasi. Selain daripada itu, Bahagian Korporat CIAST juga giat menjalankan aktiviti promosi serta terlibat dengan pameran bagi memastikan penyampaian maklumat berkenaan program-program yang dilaksanakan di CIAST dapat disampaikan kepada masyarakat.

Berikut merupakan pencapaian CIAST sepanjang tahun 2022 mengikut program, bahagian dan unit yang berkaitan.






# PEM

## Program Pembelajaran Elektronik dan Multimedia

**3**
Modul e-learning baharu dibangunkan

**320**
Peserta Kursus *Digital Creative Content Development*

**54**
Liputan media

## Program Perancangan dan Pembangunan Latihan

# PPL

**45** *Master Trainer* dihasilkan melalui Program Latihan Industry4wrd

**743** Peserta mengikuti latihan Tips

TiPS

**4,165** Peserta Program *Reskilling, Upskilling, Profesional, Coaching & Mentoring*

**62** *Abilities Checklist* dibangunkan

**770** Peserta kursus Fasilitator NOSS (DESCUM), WIM dan Soalan Latihan Kemahiran

# KK Program Kelayakan Kekompetenan

**ANUGERAH EMAS**
Akreditasi APACC pada 23 Jun 2023

**42**
Peserta Latihan Antarabangsa

**LOKASI**
Pertandingan WSMB, WSMP & JSM

**3,391**
Peserta kursus Induksi SPKM

**24,681**
Perakuan Personel SPKM

# RNI Unit Penyelidikan dan Inovasi




# BKO

## Bahagian Korporat




# BKP

## Bahagian Khidmat Pengurusan



## Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST)

CIAST mula beroperasi pada tahun 1983 dengan bantuan kewangan daripada Kerajaan Jepun di bawah Projek Pembangunan Sumber Manusia ASEAN dan dikawal selia oleh pakar-pakar teknikal dan pengurusan Jepun menerusi *Japan International Cooperation Agency* (JICA) sehingga tahun 1991.

CIAST beroperasi sepenuhnya di bawah Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Kementerian Sumber Manusia (KSM) bermula tahun 1991 sehingga Mei 2007 sebelum dipindahkan pengurusannya di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), di kementerian yang sama pada Jun 2007. Perpindahan ini bersesuaian dengan peranan CIAST yang semakin penting dalam pemerkasaan pengajar kemahiran seluruh negara.

CIAST menawarkan kursus latihan pengajar dan latihan kemahiran lanjutan untuk pengajar kemahiran, penyelia dan coach di industri serta pekerja mahir dari sektor awam dan swasta di Malaysia dan negara-negara luar seperti negara-negara ASEAN dan Dunia Ketiga.




Rajah 9.1: Gambar awal penubuhan CIAST Shah Alam dan sekarang

## Profil CIAST




Rajah 9.2: Carta Organisasi CIAST

## Objektif CIAST




Rajah 9.3: Objektif CIAST

## Akreditasi *Asia Pacific Accreditation and Certification Commission* (APACC)

CIAST merupakan institusi pertama di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) yang telah mengorak langkah ke arah persijilan akreditasi di peringkat antarabangsa serta telah berjaya memperoleh pengiktirafan antarabangsa *Asia Pacific Accreditation and Certification Commission* (APACC). APACC merupakan satu badan akreditasi di bawah Colombo Plan Staff College (CPSC) dan dianggotai oleh 17 negara rantau Asia Pasifik yang berpangkalan di Manila, Filipina. Penganugerahan ini adalah merupakan akreditasi tunggal khusus untuk institusi TVET di rantau Asia Pasifik. Ia merupakan penanda aras kecemerlangan institusi aliran Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di rantau Asia Pasifik bagi aspek kualiti, kebertanggungjawaban dan kepercayaan awam terhadap institusi.

Sesi audit penilaian akreditasi telah berlangsung pada 30 Mei 2022 sehingga 3 Jun 2022 secara atas talian oleh pasukan pengauditan APACC yang diketuai oleh Dr. Paiboon Saiyawongs dari Thailand, Dr. Demetrio Anduyan Jr. dari Filipina selaku ahli pasukan audit serta Adrienne Abril-Nonan selaku sekretariat APACC Manila.

Pada tanggal 29 Jun 2022, CIAST memperoleh keputusan pegauditan dan telah berjaya mencapai kecemerlangan di peringkat antarabangsa melalui pengiktirafan *Gold Level Accreditation* bagi akreditasi APACC.




Rajah 9.4: Sesi Penilaian Akreditasi oleh Juruaudit Antarabangsa APACC pada 30 Mei sehingga 3 Jun 2022




Rajah 9.5: Plak Akreditasi APACC yang diperoleh CIAST

## Majlis Konvokesyen 2022 Pusat Latihan Pengajar & Kemahiran Lanjutan (CIAST)

Majlis Konvokesyen CIAST Tahun 2022 telah diadakan pada 23 Julai 2022 di Shah Alam Convention Centre (SACC), Seksyen 14, Shah Alam, Selangor. Majlis Konvokesyen CIAST Tahun 2022 adalah bagi meraikan graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian di CIAST pada tahun 2016 hingga 2019. Bilangan graduan yang layak dianugerahkan Diploma dan Sijil adalah seramai 1797 orang yang terdiri daripada graduan Diploma Pengajar Vokasional (DPV), Diploma Lanjutan Pengajar Vokasional (DLPV), Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dengan Sijil Pengajar Vokasional (SKM3+VTO) dan Sijil Pengajar Vokasional (VTO). Majlis konvokesyen tahun 2022 turut melibatkan graduan daripada Kampus Satelit CIAST (CSC) daripada 14 CSC seluruh negara. Majlis Konvokesyen CIAST Tahun 2022 ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Haji Awang Bin Hashim, Timbalan Menteri Sumber Manusia.









Rajah 9.6: Majlis Konvokeysen CIAST 2022

## Seminar Pengajar Kemahiran TVET Kebangsaan 2022

Program Pembangunan Profesional Kemahiran atau lebih dikenali sebagai *Skilled Professional Development* (SPD) berfungsi dalam mendidik tenaga pengajar terutama dari segi Teknik Mengajar dan teknik-teknik menjadi seorang pengajar. Hampir setiap tahun, program SPD akan menganjur seminar yang memberikan pendedahan kepada tenaga pengajar berkaitan teknik-teknik serta teknologi baharu dalam bidang TVET.

Justeru, pada 26 Oktober 2022, sekali lagi program SPD telah menganjurkan seminar yang lebih besar iaitu Seminar Pengajar Kemahiran TVET Kebangsaan 2022. Seminar ini telah diadakan di *Shah Alam Convention Centre* (SACC Shah Alam) dan dirasmikan oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran dan turut hadir dalam majlis tersebut, Mr. H.E Takahashi Katsuhiko, Duta Jepun di Malaysia sempena meraikan sambutan ***40$^{th}$ Anniversary of the Look East Policy (LEP40).*** Beberapa ketua jabatan lain dari agensi awam dan swasta juga turut hadir sepanjang program berlangsung.




Rajah 9.7: Peserta Seminar bersama KP JPK, TKP (O&P) JPK, Pengarah CIAST dan Duta Jepun di Malaysia




Rajah 9.8: Sesi Forum

Seramai 233 peserta telah hadir dan terlibat secara aktif dalam sesi soal jawab. Seminar bermula pada jam 8.30 pagi sehingga 4.30 petang dengan pengisian perkongsian yang cukup bermakna melibatkan 3 perkongsian pada sesi pagi dan forum pada sesi petang.

Rajah 9.9: Logo sempena meraikan sambutan 40th Anniversary of the Look East Policy (LEP40)

## KUNJUNGAN HORMAT KEDUTAAN JEPUN KE ATAS PENGARAH CIAST

Pada 25 Januari 2022, CIAST telah menerima kunjungan Tuan Yang Terutama Katsuhiko Takahashi, Duta Jepun ke Malaysia. Beliau telah berkunjung ke CIAST bersama dengan tiga (3) orang pegawai dari kedutaan Jepun iaitu En. Hosomi Masashi (*Economic Counsellor*), En. Saito Yuta (*Infrastructure Attache*) dan En. Miyasaka Tomoyuki (*Labour Attache*). Delegasi telah diiringi oleh Pengarah CIAST dan sembilan (9) orang Pegawai Pengurusan CIAST.

Semasa sesi lawatan tersebut, Duta Jepun telah menzahirkan jemputan secara terbuka untuk pihak CIAST dan mengemukakan kertas cadangan pelaksanaan acara/projek bersempena sambutan memperingati Ulang Tahun ke-40 Dasar Pandang ke Timur antara Malaysia dan Jepun (*40th Look East Policy*).

CIAST telah membentangkan beberapa cadangan aktiviti di antaranya pameran webinar/seminar, latihan sangkutan industri, pakar dari Jepun, *transfer technology and updates* dan *visit Malaysia -visit Japan*. Agenda lawatan ini diteruskan dengan lawatan ke tiga (3) buah bengkel iaitu Automotif, Pengeluaran dan Mekatronik.

Keakraban kerjasama bersama agensi Jepun seperti *Japan International Cooperation Agency* (JICA) masih giat dilaksanakan dalam membangun tenaga pengajar kemahiran di Malaysia dengan melibatkan peserta luar negara.



Rajah 9.10: Penyerahan cenderahati sempena kunjungan Kedutaan Jepun



Rajah 9.11: Duta Jepun bergambar bersama Pengarah CIAST dan plak perasmian CIAST




Rajah 9.12: Duta Jepun bergambar bersama pengurusan CIAST

## LAWATAN DELEGASI WORLD BANK MALAYSIA

CIAST telah menerima kunjungan daripada agensi peringkat antarabangsa iaitu World Bank Malaysia pada 28 Mac 2022. Delegasi ini melibatkan tiga (3) orang yang diketuai oleh Dr. Yasuhiko Matsuda (*Country Manager*) dan dua orang perunding iaitu Ms. Tham Yin Yee dan Ms. Carmen Loo.

Delegasi telah diiringi oleh Dr. Zaki bin Zakaria, Timbalan Setiausaha Bahagian Dasar Sumber Manusia, KSM, Puan Hajah Zuleah binti Darsong, Pengarah CIAST, Puan Molinda binti Abd Rahman, Pengarah Bahagian Perancangan, Penyelidikan dan Pembangunan (PP&P) JPK, Puan Junnaina binti Husin Chua, Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Tenaga Manusia dan lapan belas (18) orang pegawai KSM, JPK dan pengurusan CIAST secara bersemuka dan dalam talian.

Program lawatan ini telah dimulakan pada jam 10.00 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat Terbilang, CIAST Shah Alam. Lawatan ini dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Puan Hajah Zuleah binti Darsong, Pengarah CIAST dan ucapan pembukaan oleh Dr. Yasuhiko Matsuda, *Country Manager*. Agenda diteruskan dengan pembentangan daripada Bahagian Dasar KSM, JPK dan CIAST. Program ini bersambung dengan sesi soal jawab dan lawatan di bengkel Automotif CIAST Shah Alam.

Manakala, lawatan sesi petang disambung ke ADTEC Shah Alam pada jam 2.15 petang. Objektif utama lawatan ini diadakan adalah seperti berikut:

- Lawatan ke tempat-tempat institusi berlangsungnya bengkel dan latihan praktikal;
- Sesi taklimat asas latar belakang institusi-institusi; dan
- Interaksi bersama pentadbir, tenaga pengajar dan pelajar.




Rajah 9.13: Delegasi World Bank Malaysia bergambar bersama pengurusan KSM, JPK dan CIAST



Rajah 9.14: Demonstrasi drone




Rajah 9.15: Lawatan ke bengkel Automotif oleh delegasi World Bank Malaysia



# Jpk Wilayah Tengah

# LAPORAN PENCAPAIAN BP 2022 JPKWT

Pencapaian Sasaran : 100% Pencapaian Output : 100%

## 1. KEWANGAN

Perbelanjaan **100%** dari Peruntukan Tahunan

## 3. SLDN

- **9** Sesi Pemilihan Penyedia Latihan
- **3870** Bilangan Perantis Berdaftar
- **130** Lawatan Pemantauan
- Lebih **15 JUTA** Tuntutan Insentif
- **7** Sesi Klinik Bimbingan PB SLDN

BIL. PENDAFTARAN PERANTIS PROGRAM SLDN TAHUN 2022




## 2. PENTADBIRAN & SUMBER MANUSIA

| AKTIVITI | BILANGAN |
|---|---|
| Mesyuarat Pengurusan | 10 |
| Mesyuarat JPKA | 4 |
| Mesyuarat JKPAK | 4 |
| Mesyuarat Penyelarasan Pengarah JPK Wilayah | 3 |
| Pemeriksaan dan Verifikasi Aset | 1 |
| Pemeriksaan dan Verifikasi Stor | 1 |
| Kursus atau Latihan Dalaman Staf | 6 |

## 4. KHIDMAT RUNDING

- **10** Buah Syarikat / Agensi Bagi Khidmat Runding SPKM
- **791** Pelanggan Berjaya Dibantu Melalui Perkhidmatan Kaunter & *Online*
- **10** Aduan Pelanggan Berjaya Diselesaikan

## 5. KERJASAMA STRATEGIK

**10** Mesyuarat Kerjasama bersama Jab. Penjara Malaysia, NCIA, Giatmara, Sakan, Projek Lata Kinjang NCIA, LZS, MIDA Selangor, SUK Selangor, Talent Corp, MIDA Perak, Selangor Industrial Corporation, Jab. Pendidikan W.P.Kuala Lumpur

## 6. PROMOSI

- **24** Penyertaan Pameran
- **334** Peserta Taklimat PPT
- **16** Promosi Industri

## 7. PROJEK KHAS

- **367** Peserta Seminar
- **1** Laporan Projek PPKS TAPAH
- **1** Penerbitan Buletin JPKWT

## PENGENALAN BAHAGIAN & FUNGSI

Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Tengah (JPKWT) telah ditubuhkan pada tahun 2007 semasa pengstrukturan semula Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) di bawah perlaksanaan Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652] pada 29 Jun 2006. Jabatan ini berperanan untuk mengarusperdanakan latihan kemahiran di Wilayah Tengah, Semenanjung Malaysia. Berikut merupakan unit-unit yang terdapat di JPK Wilayah Tengah:

### Unit Skills Malaysia (SM)

Unit SM ditubuhkan untuk mengurus, memantau dan melaksanakan fungsi Jabatan di Wilayah Tengah yang merangkumi negeri Selangor, Wilayah Persekutuan dan Perak bagi memastikan fungsi jabatan dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Unit SM terdiri daripada Unit SM Selangor 1, Unit SM Selangor 2, Unit SM Wilayah Persekutuan dan Unit SM Perak.

### Unit Komunikasi dan Korporat (UKK)

UKK yang sebelum ini dikenali sebagai Unit Promosi ditubuhkan untuk menjalankan khidmat runding dan promosi merangkumi program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dan Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT). Unit ini juga berfungsi dalam usaha untuk menjalinkan Kerjasama Strategik dengan pemain industri dan agensi pemegang taruh.

### Unit Kewangan, Pentadbiran dan Sumber Manusia (KPSM)

Unit KPSM merupakan unit yang menguruskan sumber kewangan, pentadbiran dan pengurusan sumber manusia di JPKWT.

# CARTA ORGANISASI JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN WILAYAH TENGAH




Rajah 10.1: Carta Organisasi JPK Wilayah Tengah

# PELAPORAN AKTIVITI

## Program Seminar Pusat Bertauliah (PB) Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Wilayah Tengah Secara Webinar Tahun 2022

Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Tengah telah berjaya menganjurkan Program Seminar Pusat Bertauliah (PB) Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Wilayah Tengah Secara Webinar Tahun 2022 yang bertempat di Studio CIAST, Shah Alam pada 29 Jun 2022. Program ini berobjektif untuk membuka ruang dan peluang kepada PB SLDN yang ingin berkongsi pandangan serta maklumat berkaitan latihan kemahiran di pusat latihan masing-masing. Jabatan juga mengambil inisiatif ini untuk memperkemas dan memantapkan lagi ilmu serta informasi berkaitan SLDN di kalangan PB bagi memastikan pelaksanaan latihan berada di tahap optimum terutama dalam mendepani peralihan kepada fasa endemik. Program yang menarik minat seramai 355 peserta dari Industri dan Pusat Bertauliah SLDN Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan dan Perak ini turut bersiaran secara langsung di media sosial '*Facebook*' JPK Putrajaya serta telah dirasmikan oleh YBrs. Ts. Dr. Mohamad Bin Sulaiman, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan, Jabatan Pembangunan Kemahiran. En. Mohd Zulnazmi bin Daini dari Mercedes-Benz Malaysia Training Academy telah memulakan pembentangan bertajuk 'Pelaksanaan Latihan dalam Norma Baharu serta Strategi *Coach* Mendepani Peralihan Fasa Endemik'. Perkongsian seterusnya dari En. Jamil Bin Nan dari Keretapi Tanah Melayu Berhad dengan tajuk 'Keberkesanan E-Pembelajaran dalam Dunia Digital Era Norma Baru dari Perspektif Pengajar SLDN'. Kupasan yang bertajuk 'Pengurusan Perantis SLDN dalam Mendepani Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran Secara Digital (PdPD) dan Perubahan Globalisasi Teknologi Masa Kini' telah disampaikan oleh En. Lee Teng Sun dari PB KK Supermart & Superstore. Program diakhiri dengan sesi soal jawab bersama peserta.




Rajah 10.2: Seminar PB SLDN Wilayah Tengah

## Segmen TVET *Outreach* (Khidmat Runding dan Kerjasama Strategik)



## Segmen TVET *Outreach* ( Penyertaan Pameran )



## Lensa JPKWT














Rajah 10.3: Dialog Berstruktur Tripartite 2022 Wilayah Tengah, anjuran bersama BHIKS - Meningkatkan Kebolehkerjaan Graduan TVET Keluarga Malaysia di Hotel Bangi Resort pada 28 September 2022

# JPK Wilayah Timur

## LAPORAN PENCAPAIAN BUSINESS PLAN 2022 WILAYAH TIMUR (PENCAPAIAN SASARAN 100% DAN PENCAPAIAN OUTPUT 100%)

### 1. KEWANGAN (KESELURUHAN 100)

Perbelanjaan 100% dari peruntukan tahunan

### 2. PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA (KESELURUHAN 100)

- Mesyuarat Pengurusan (4/4-100%)
- Mesyuarat JPKA (4/4-100%)
- Mesyuarat JKPAK (4/4-100%)
- Mesyuarat Penyelarasan Pengarah (3/3-100%)
- Pemeriksaan Aset (1/1-100%)
- Pemeriksaan Verifikasi Stor (1/1-100%)

### 3. SLDN (KESELURUHAN 100)

- Pemilihan Penyediaan Latihan. (5/4-125%)
- Perantis. (1808/1700-106%)
- Lawatan pemantauan. (110/60-183%)
- Klinik Bimbingan. (3/3-100%)
- Proses Tuntutan Insentif SLDN. (756/400-189%)




### 4. KHIDMAT RUNDING (KESELURUHAN 100)

- Khidmat runding Syarikat/Agensi. (12/5-240%)
- Pelanggan Berjaya di Bantu Melalui Khidmat Kaunter. (365/150-243%)

### 5. KERJASAMA STRATEGIK (KESELURUHAN 100)

- Kerjasama Bersama stakeholder. (3/3-100%)

### 6. AKTIVITI PROMOSI (KESELURUHAN 100)

- Pameran/program promosi. (11/10-110%)
- Taklimat PPT. (16/10-160%), melibatkan 251 peserta

### 7. AKTIVITI KHAS (KESELURUHAN 100)

- Seminar/dialog TVET hibrid (1/1-100%) (melibatkan 2553 peserta iaitu 152 bersemuka, 2300 facebook dan 53 youtube)

# JABATAN PEMBANGUNA KEMAHIRAN WILAYAH TIMUR (BAHAGIAN DAN FUNGSI)

Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Timur merupakan agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan bagi menggalak dan menyelaras strategi dan program latihan kemahiran sejajar dengan usaha memperkasakan bidang kemahiran.JPK Wilayah Timur merangkumi negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan telah diberi amanah yang besar untuk membangunkan modal insan yang kompeten melalui Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) sebagai persijilan tunggal kebangsaan bagi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang tertakluk pelaksanaan dibawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (AKTA 652) pada Jun 2006.




Rajah 11.1: Carta Organisasi JPK Wilayah Timur

## UNIT KEWANGAN, PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA

Merancang, mengurus dan menyelia aktiviti Unit Kewangan Pentadbiran dan SumberManusia, perolehan jabatan, penggunaan kenderaan, menyediakan baucer bayaran bagi pelbagai tuntutan, bil dan perolehan, waran udara serta menyediakan pelbagai laporan kewangan berkaitan prestasi pembayaran

**UNIT SKILSMALAYSIA
(PAHANG,TERENGGANU, KELANTAN)**

Melakukan aktiviti SPKM Pusat Bertauliah SLDN seperti lawatan pendaftaran perantis, lawatan perantis, pendaftaran perantis, pengeluaran persijilan SLDN, lawatan pemantauan, lawatan verifikasi, kursus induksi dan personel di bawah program SLDN, menyelaras urusan PPT,

## AKTIVITI PROMOSI

Dalam usaha jabatan untuk meningkatkan kesedaran berkaitan latihan kemahiran dan persijilan SKM dalam kalangan pelajar, majikan, pekerja serta warga Malaysia keseluruhannya, usaha dalam bentuk promosi telah dilakukan oleh jabatan meliputi:

- Ceramah dan seminar; dan
- Menganjurkan kempen dan pameran berkaitan persijilan dan latihan.




Rajah 11.2: Ceramah/taklimat dari lapisan masyarakat Karnival Gempak MTSA yang diadakan di Kolej MTSA, Karak pada 2 Julai 2022 dan dirasmikan oleh YB Young Syefura Binti Othman

## PEJABAT BARU JPK WILAYAH TIMUR

Dengan penambahan ruang pejabat baru (Tingkat 7) akan memfokuskan kepada pengurusan penggunaan ruang, ekonomikal dan kondusif di dalam memenuhi keperluan pekerjaan di JPK Wilayah Timur yang memerlukan komitment yang tinggi dan selesa.




Rajah 11.3: Mantan KPPK iaitu YBhg Dato' Ts. Haji Zaihan Bin Shukri merasmikan penambahan pejabat JPK Wilayah Timur pada 11 Januari 2022

## PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT(CSR) BERSAMA AGENSI KSM, KESATUAN SEKERJA DAN NGO

Program CSR ini telah diadakan pada 14/9/2022 di asrama PERKAYA, Marang, Terengganu. Dengan penglibatan bersama dengan pelbagai agensi memberi satu laluan yang kondusif dan efektif kepada JPK Wilayah Timur dalam mempromosi latihan kemahiran kepada anak – anak yatim penghuni Asrama PERKAYA. Pelbagai aktiviti telah dilakukan bersama antaranya membaiki katil asrama, mengecat bilik bacaan, temuduga pekerjaan dan tidak ketinggalan sukaneka. Seramai 225 peserta terlibat dalam program tersebut.





Rajah 11.4: Pelbagai aktiviti yang telah dilakukan bersama dengan anak yatim penghuni PERKAYA.

## AKTIVITI SOSIAL DAN REKREASI JPK WILAYAH TIMUR

Tujuan aktiviti ini dilakukan adalah untuk mewujudkan hubungan yang baik dalam pasukan, mampu membina interaksi yang berkesan dalam memajukan JPK Wilayah Timur dan bekerja seiringan untuk mencapai matlamat yang telah ditetapan





Rajah 11.5: Aktiviti tersebut telah diadakan di Pulau Kapas pada 14/5/2022 dan 15/5/2022 (2 hari 1 malam)



# JPK Wilayah Selatan

# LAPORAN PENCAPAIAN BP 2022 JPK WILAYAH SELATAN

## KEWANGAN

Pencapaian Sasaran: **100%**
Pencapaian Output: **93.3%**
Pencapaian Perbelanjaan: **95%**

## SISTEM LATIHAN DUAL NASIONAL

Sesi Pemilihan Penyedia Latihan
**5**

Perantis Berdaftar
**1726**

Lawatan Verifikasi Pemantauan
**112**

Tuntutan Insentif Diproses
**100%**

## KERJASAMA STRATEGIK

**5** Aktiviti Kerjasama Bersama Stakeholder

**UPEN MELAKA**
- Konvensyen Hala Tuju Perancangan Pembangunan Negeri Melaka
- Roadshow Pasca Rancangan Malaysia Ke-12 UPEN Melaka

**UPEN NEGERI SEMBILAN**
- Luncheon Talk & Modal Insan

**SMI JOHOR**
- Johor Youth Skill Competition

**YAYASAN JOHOR & QSR BRAND SDN BHD**
- Perbincangan Meja Bulat Bagi Program SLDN DI Restoran KFC

## PROMOSI

**10** Pameran
**572** Peserta Taklimat PPT
**12** Lawatan Promosi Industri

## PROJEK KHAS

Program Bimbingan & Khidmat Rundingan PPT
**367** penyertaan

Program Penjodohan Penyediaan TVET & Sekolah
**1530** peserta

"Luncheon Talk" Bersama Industri
**147** peserta

Program Bersama Guru Kaunseling
**285** peserta

## KHIDMAT RUNDING

**KHIDMAT RUNDING SPKM**
**22** Buah Syarikat / Agensi

**KAUNTER PEJABAT**
**223** Pelanggan Berjaya dibantu secara bersemuka dan online

**ADUAN PELANGGAN**
**10** Aduan Pelanggan Berjaya Diselesaikan.

# PELAPORAN AKTIVITI JABATAN









# Majlis Penyampaian Sijil SKM Tahap 4 Penasihat Kerjaya Insan Johor

**TARIKH**
25 September 2022

**TEMPAT**
Angsana Mall Johor Bahru

**TAJAAN**
Unit Strategik Modal Insan Johor

**PENERIMA**
50 orang penerima Sijil Tahap 4 DKM bidang *Career Guidance Services*

**PERASMIAN**
YB Tuan Mohd Hairi bin Mad Shah
❑ Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia Negeri Johor




# Program Persijilan Tenaga Mahir Negeri Johor Tahun 2022 (Taklimat, Khidmat Nasihat dan Bengkel Pembangunan Portfolio bagi Program PPT – SMI)



**TEMPAT**
Secara dalam talian dan bersemuka di Bangunan Dato' Jaafar Muhammad Iskandar Puteri

**TARIKH**
April hingga Disember 2022

**TAJAAN**
Unit Strategik Modal Insan Johor

**PENYERTAAN**
200 orang calon dari Negeri Johor



# PERBINCANGAN MEJA BULAT BAGI PELAKSANAAN PROGRAM SISTEM LATIHAN DUAL NASIONAL (SLDN) DI RESTORAN KFC SELURUH MALAYSIA

**TARIKH**
15 Disember 2022

**TEMPAT**
PJ City Centre, Petaling Jaya, Selangor

**ANJURAN**
QSR Brand, Yayasan JCorp, JPK dan JPNJ/KPM

**PENYERTAAN**
8 orang (KPM/JPNJ)
2 orang (JPK)
6 orang (QSR Brand)
3 orang (YJCorp)



# JPK Wilayah Utara

## LAPORAN PENCAPAIAN BP DAN AKTIVITI JPKWU TAHUN 2022

## KEWANGAN, PENTADBIRAN & SUMBER MANUSIA

| AKTIVITI | PENCAPAIAN |
|---|---|
| PENGURUSAN KEWANGAN | 95% peruntukan dibelanjakan |
| MESYUARAT PENGURUSAN WILAYAH | 8 Mesyuarat dijalankan |
| MESYUARAT JPKA | 4 Mesyuarat dijalankan |
| MESYUARAT JKPAK | 4 Mesyuarat dijalankan |
| MESYUARAT PENYELARASAN PENGARAH-PENGARAH WILAYAH | 3 Mesyuarat dijalankan |
| PEMERIKSAAN ASET | 1 Pemeriksaan dijalankan |
| PEMERIKSAAN VERIFIKASI STOR | 1 Verifikasi dijalankan |

## AKTIVITI SISTEM LATIHAN DUAL NASIONAL (SLDN)

- **53** Pusat latihan
- **1418** perantis berdaftar
  - **865** perantis Pulau Pinang
  - **553** perantis Kedah & Perlis
- **142** lawatan verifikasi & pemantauan
- **100%** tuntutan insentif diproses
- **6** pemilihan PL SLDN berinsentif

## AKTIVITI PROMOSI

| Penglibatan progam / pameran | Lawatan promosi ke industri | Taklimat PPT |
|---|---|---|
| **13** penyertaan | **4** lawatan | **14** taklimat<br>**138** peserta |

## AKTIVITI KHIDMAT RUNDING & KERJASAMA STRATEGIK




## AKTIVITI KHIDMAT MASYARAKAT & PENGUKUHAN KUMPULAN



# AKTIVITI KHAS WILAYAH UTARA

**Seminar SPKM-SLDN Berinsentif Tahun 2022**
- 28 Februari 2022
- ILP Jitra, Kedah
- 105 peserta





**Dialog Berstruktur Tripartite 2022 Wilayah Utara**
- 29 Jun 2022
- Hotel Grand Alora, Kedah
- 102 peserta

## Dialog Berstruktur Tripartite Wilayah Utara 2022

Program Dialog Berstruktur Tripartite Wilayah Utara 2022 telah dijalankan pada 22 Jun 2022 di Hotel Grand Alora, Alor Setar, Kedah dengan sambutan dari sejumlah 102 peserta. Program ini dirasmikan oleh YB Datuk Haji Awang bin Hashim, Timbalan Menteri Sumber Manusia. Ia menyediakan platform perbincangan tiga (3) penjuru antara pemain industri, pusat latihan kemahiran serta agensi-agensi pusat yang berkaitan di wilayah utara.

Program Dialog Berstruktur Tripartite 2022 ini merupakan satu inisiatif dalam usaha Membangunkan Modal Insan Mahir serta Meningkatkan Kebolehkerjaan Graduan TVET bagi mendepani cabaran baharu.

Bidang-bidang yang terlibat dalam Program Dialog Berstruktur Tripartite Wilayah Utara 2022 ini ialah :

- PERTANIAN & MAKANAN
- INDUSTRI HALAL
- AUTOMOTIF
- TEKSTIL & PAKAIAN
- PELANCONGAN & PENGEMBARAAN
- PERKILANGAN
- SPA, JURUKECANTIKAN & DANDANAN RAMBUT

## PENGENALAN BAHAGIAN DAN FUNGSI UTAMA

JPK Wilayah Utara mula dibuka pada tahun 2007 dengan tujuan melaksanakan misi dan visi JPK dalam pembangunan sumber tenaga manusia yang berpengetahuan dan berdaya saing, serta memperluaskan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) di zon utara meliputi 3 negeri iaitu Pulau Pinang, Kedah, dan juga Perlis. Bilangan kakitangan di JPK Wilayah Utara ialah berjumlah 16 orang. Berikut adalah carta unit-unit yang terdapat di JK Wilayah Utara:




## SASARAN KERJA UTAMA

01 Memperkasa dan Memantapkan Pengurusan Sumber Manusia, Pengurusan Kewangan, & Khidmat Sokongan bagi memastikan fungsi jabatan dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan

02 Memperkasa SPKM bagi memastikan peningkatan tenaga mahir dalam pasaran pekerjaan tercapai.

03 Meningkatkan kesedaran masyarakat dan kebolehcapaian TVET bagi mencapai peningkatan penyertaan belia dalam program TVET setiap tahun.

04 Mengukuhkan Kerjasama strategik antara kerajaan, industri dan penyedia Latihan TVET bagi memastikan peningkatan tenaga mahir dalam pasaran pekerjaan tercapai.

05 Menyediakan perkhidmatan sokongan pentadbiran dan perkeranian yang cekap dan berkualiti



JPK Wilayah Sabah & Labuan




## 1. UNIT KEWANGAN PENTADBIRAN & SUMBER MANUSIA




Pencapaian Perbelanjaan

| AKTIVITI | BILANGAN |
|---|---|
| Mesyuarat Pengurusan | 8 |
| Mesyuarat JPKA | 4 |
| Mesyuarat JKPAK | 4 |
| Mesyuarat Penyelarasan Pengarah JPK Wilayah | 3 |
| Pemeriksaan Aset | 3 |
| Pemeriksaaan Verifikasi Stor | 1 |

## 2. UNIT SKILLS MALAYSIA (SISTEM LATIHAN DUAL NASIONAL) (SLDN)




## 3. UNIT PENTAULIAHAN SISTEM LATIHAN PROGRAM BERTAULIAH (SLaPB)



## 4. KHIDMAT RUNDING SISTEM PENSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA (SPKM)

**8 AGENSI / SYARIKAT**

- Hans Berjaya
- Koperasi PVTLDM
- IKDAR
- SDEC
- Paper Hair Saloon
- Pusat Islam UMS
- Hasbi and Co
- Man & Ken Auto

**515 PELANGGAN**

Pelanggan berjaya dibantu melalui Khidmat Kaunter & Atas Talian

## 5. MESYUARAT KERJASAMA STRATEGIK

- Jabatan Penjara Negeri Sabah (Program Corporate Smart Internship (CSI)
- HRD Corp Negeri Sabah (Program Promosi Focus Group 2022)
- Kumpulan Fokus Industri MTVET dan KSTI Sabah
- JK Penasihat Akademik IPDAS Sabah
- JK Pemantauan Program Peningkatan Kapasiti dan Kapabiliti Kumpulan Khusus (PPKK) (BIL 1)
- Sesi Libat Urus SPRM Negeri Sabah
- JK Pemantauan Program Peningkatan Kapasiti dan Kapabiliti Kumpulan Khusus (PPKK) (BIL 2)

## 6. PROMOSI

**264 PESERTA**
Taklimat PPT
- 5 Secara Atas Talian
- 6 Secara Bersemuka




**7 AKTIVITI**
Penglibatan Program/Pameran/ Taklimat

- ILP Kota Kinabalu (Taklimat SLDN & Pameran)
- Sunrise College (Taklimat SLDN)
- Sawit Kinabalu Tawau (Taklimat SLDN)
- Anjuran Pejabat Pendidikan Daerah Tuaran Sabah (Taklimat TVET)
- Program Kerjaya & Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah PERKESO 2022 (Pameran)

**6 LAWATAN**
Syarikat Baharu

- Extreme Health Care Sdn Bhd,
- Perodua Service Centre Penampang,
- 1Garage Sdn Bhd Kota Kinabalu,
- Wafle Motor Putatan,
- Paper 4X4 Performance Service,
- New Era Technology

## 7. PROJEK KHAS WILAYAH

**61 Peserta**
Seminar Industry Engagement/ TVET Provider Engagement

**30 Peserta**
Program Bimbingan SPKM PB SLAPB

## LAWATAN KERJA & KUNJUNGAN HORMAT



Lawatan Kerja YBhg. Dato' Ts. Haji Zaihan Bin Shukri, Mantan Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran (KPPK)
Tarikh: 20 - 22 Januari 2022
Tempat: JPK Wilayah Sabah & WP Labuan



Lawatan Kerja YBrs. Ts. Kamaruzaman Bin Hj. Md. Ali, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan (TKP O&P)
Tarikh: 30 Ogos 2022
Tempat: JPK Wilayah Sabah & WP Labuan



Kunjungan Hormat Pengarah JPK Sabah Ke Pejabat Pengarah Penjara Negeri Sabah
Tarikh: 5 Januari 2022
Tempat: Pejabat Pengarah Penjara Negeri Sabah



Kunjungan Hormat Daripada Kimanis Petroleum Training Centre (KTC)
Tarikh: 30 Mac 2022
Tempat: JPK Wilayah Sabah & WP Labuan

## AKTIVITI LAWATAN PANEL PENILAIAN PENTAULIAHAN SLaPB



Lawatan PPPPK Di ILP Kota Kinabalu Pada 13 Julai 2022



Lawatan PPPPK Di ILP Sandakan Pada 14 Februari 2022

## AKTIVITI LAWATAN VERIFIKASI & PEMANTAUAN SLDN



Lawatan Verifikasi & Pemantauan
Tarikh: 21 Mac 2022
Tempat: QL Farm Sdn Bhd, Tawau



Lawatan Verifikasi & Pemantauan
Tarikh: 22 September 2022
Tempat: Pusat Vokasional Industri (Wanita) Kota Kinabalu

## AKTIVITI SEMINAR & LAWATAN EKSA



Seminar Industry/TVET Provider Engagement 2022
Tarikh: 29 Ogos 2022
Tempat: Theatre Hall, Sutera Harbour Marina Golf & Country Club



Lawatan Audit Pembaharuan Pensijilan Eksa Oleh MAMPU Sabah
Tarikh: 11 Ogos 2022
Tempat: JPK Wilayah Sabah & WP Labuan LABUAN

## AKTIVITI TAKLIMAT PENGIKTIRAFAN PENCAPAIAN TERDAHULU (PPT) & PROGRAM KERJAYA



Taklimat PPT
Tarikh: 30 September 2022
Tempat: Sacovest Sabah



Program Kerjaya & Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah Perkeso 2022
Tarikh: 29 Disember 2022
Tempat: Dewan Masyarakat Menggatal,



# JPK Wilayah Sarawak

# LAPORAN AKTIVITI JPK WILAYAH SARAWAK 2022

JPK Wilayah Sarawak mula dibuka pada tahun 2007 dengan tujuan melaksanakan misi dan visi JPK dalam pembangunan sumber tenaga manusia yang berpengetahuan dan memperluaskan SPKM di Sarawak. Pencapaian serta aktiviti yang dilaksanakan oleh JPK Wilayah Sarawak sepanjang tahun 2022 adalah seperti di bawah.

**PENCAPAIAN SASARAN = 98.1%**
**PENCAPAIAN OUTPUT = 98.1%**
**PENCAPAIAN PERBELANJAAN = 95%**

## UNIT PENGURUSAN PROGRAM LATIHAN (UPPL) BAGI AKTIVITI SISTEM LATIHAN DUAL NASIONAL (SLDN)

- **23** Pusat latihan terlibat
- **706** perantis berdaftar
- **187** lawatan verifikasi & pemantauan
- **100%** tuntutan insentif diproses
- **6** klinik bimbingan dilaksanakan

## UNIT SUMBER MANUSIA MAHIR (USMM) BAGI AKTIVITI PENTAULIAHAN SLAPB

- **79** program disokong untuk kelulusan
- **58** lawatan PPPPK dilaksanakan
- **100%** tuntutan panel diproses
- **107** peserta Program Penyelarasan SLaPB

## KHIDMAT RUNDING SPKM

**12 AGENSI**

Sakura Ferroalloys Sdn Bhd | Western Digital Sarawak | UCSI University | Persatuan Orang Buta Sarawak | Hope Learning Hub | Koperasi Keluarga Sumiran Kuching Berhad | UiTM Sarawak | Maktab Teknik PDRM | Sarawak Skills | ADTEC Bintulu | ILP Kota Samarahan | ILP Miri |

**380** Pelanggan kaunter pejabat

**100%** Urusan pelanggan diselesaikan

## KERJASAMA STRATEGIK BERSAMA STAKEHOLDER

**4 AGENSI**

REGIONAL CORRIDOR DEVELOPMENT AUTHORITY (RECODA) | JABATAN PENDIDIKAN MALAYSIA (JPN) NEGERI SARAWAK | KEMENTERIAN BELIA, SUKAN DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN SARAWAK | JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM) SARAWAK

## PROMOSI

Penglibatan progam / pameran / taklimat

**11** aktiviti

Lawatan promosi ke industri

**13** lawatan

Promosi SPKM ke sekolah

**18** sekolah menengah

## TAKLIMAT PENGIKTIRAFAN PENCAPAIAN TERDAHULU (PPT)

**242**
PESERTA TAKLIMAT




## HARI BERTEMU PELANGGAN KSM

Hari Bertemu Pelanggan KSM bagi agensi KSM di Sarawak telah diadakan di UTC Sarawak pada 28 Jun 2022 bertujuan menyediakan perkhidmatan secara terus kepada pelanggan atau orang awam secara berpusat. Program ini dirasmikan oleh YBrs. Timbalan Ketua Pengarah JPK (Operasi & Pengurusan), Ts Kamaruzaman bin Haji Md Ali. Seramai lebih kurang 400 pelanggan telah hadir ke booth pameran.





# AKTIVITI BERGAMBAR PROGRAM PROMOSI DAN KERJASAMA STRATEGIK BERSAMA AGENSI AWAM DAN SWASTA



Engagement Session with Regional Corridor Development Authority (RECODA) pada 20/1/2022



Kunjung hormat Pengarah JPK Wilayah Sarawak ke RECODA pada 7/4/2022



Kunjungan Hormat ke Prof. Datuk Dr. Khairuddin bin Ab. Hamid, Naib Canselor University of Technology Sarawak (UTS), Sibu pada 19/04/2022



Lawatan kerja mantan KPPK ke Sarawak, YBhg. Dato' Ts Hj Zaihan bin Shukri pada 11/2/2022 sebelum beliau bersara



Pameran Promosi di Program Labour Grab 3.0. anjuran JTK Sarawak di Dewan Masyarakat Kpg Hilir, Sebauh pada 30/3/2022



Ceramah jemputan Program Aspirasi TVET Mara anjuran Pejabat Mara Negeri Sarawak bertempat di Dewan Suarah Samarahan pada 30/8/2022



Lawatan kunjung hormat daripada Sarawak Society for the Blind ke JPK Wilayah Sarawak pada 21/4/2022



Lawatan kunjung hormat daripada Regal City College ke JPK Wilayah Sarawak pada 11/5/2022



Kunjungan hormat UITM Kampus Cawangan Sarawak ke JPK Wilayah Sarawak pada 17/1/2022




Kunjung hormat Pengarah JPK Wilayah Sarawak ke pejabat PERKESO Sarawak pada 12/4/2022




Kunjungan hormat dan perbincangan kerjasama strategik bersama ILP Kota Samarahan



Taklimat Sesi Pengenalan Pendidikan AI dan Robotik oleh Lattel Sdn Bhd pada 25/8/2022

**Aktiviti Lain Yang Dijalankan:**

1. SKM2U Sesi Jelajah IPT Zon Sarawak di Unimas, anjuran MQA, 8/9/2022;
2. Taklimat SLDN di McDonald’s Kuching pada 15/11/2022;
3. Taklimat SPKM di SMK Bau pada 23/11/2022;
4. Audit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan telah diadakan oleh JKKP Sarawak di pejabat JPK Wilayah Sarawak pada 16/6/2022; dan
5. Aktiviti ‘fire drill’ JPK Wilayah Sarawak telah diadakan pada 29/7/2022 sebagai salah satu keperluan yang ditetapkan oleh JKKP selaras dengan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

# Aktiviti Antarabangsa

# AKTIVITI ANTARABANGSA KELUAR NEGARA PEGAWAI JPK 2022

## 1. PROGRAM PENINGKATAN BAKAT: "FACT FINDING MISSION ON BOOSTING PRODUCTIVITY THROUGH IMPROVEMENT OF MEAN YEARS OF SCHOOLING AND SCHOOL LIFE EXPECTANCY"








| | | |
|---|---|---|
| Pegawai | : | En. Samsuri Bin Arif (Bahagian Persijilan Kompetensi) |
| Lokasi | : | Cork, Ireland, United Kingdom & Jerman |
| Tarikh | : | 14 hingga 24 Jun 2022 |
| Anjuran | : | Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) |
| Rumusan | : | Projek Academy in Factory (AiF) yang hampir sama konsep SLDN boleh dimasukkan nilai tambah persijilan penuh SKM/DKM selain sijil modular. Berdasarkan rujukan NOSS perlu disemak dan disesuaikan dengan keperluan industri yang spesifik merangkumi sektor yang dicadangkan oleh pihak MPC. |

## 2. BIMP-EAGA VISION 2025 MIDTERM REVIEW (BEV 2025 MTR) TASK FORCE MEETING






| | | |
|---|---|---|
| Pegawai | : | Ts. Mohd Azmi bin Pelah (JPK Wilayah Sabah) |
| Lokasi | : | Mindanao Development Authority, Republic of Philippines |
| Tarikh | : | 20 hingga 21 Julai 2022 |
| Anjuran | : | BIMP-EAGA (Brunie Indonesia Malaysia Philipine) |
| Rumusan | : | 1. BIMP-EAGA TVET Network - *Establishment of BIMP-EAGA TVET Network* - Perbincangan dengan Pusat Latihan TVET berkenaan *Action Plan*/ Kerjasama (Kajian, Program dan lain-lain) dengan Pusat Latihan TVET lain di negara anggota.<br>2. Data TVET Community-Based Program - Perkara ini memerlukan perhatian dan tindakan penyelarasan laporan Bahagian Dasar KSM<br>3. BIMP-EAGA TVET Symposium - 3rd BIMP-EAGA TVET CONFERENCE 2023: TVET to Drive Innovation & Talent Development |

## 3. SECOND PART OF 9TH REGIONAL STEERING COMMITTEE MEETING OF ASEAN IN-CT STANDARD







| | | |
|---|---|---|
| Pegawai | : | Pn. Meena a/p Ramalingam<br>(Bahagian Perancangan, Pembangunan, Antarabangsa) |
| Lokasi | : | Bangkok, Thailand |
| Tarikh | : | 1 hingga 2 Ogos 2022 |
| Anjuran | : | Regional Cooperation TVET (RECOTVET) |
| Rumusan | : | Mesyuarat kali ke-Sembilan ini telah membentangkan hasil analisa *Master Trainers (MTs) and In-Company Trainers (In-CTs)* terhadap perubahan persekitaran kerja yang berubah impak daripada Industri 4.0. Ahli Jawatankuasa Pemandu dimaklumkan tentang keputusan mesyuarat Kumpulan Kerja Teknikal terdahulu mengenai rancangan pembangunan untuk Jurulatih Induk dari segi *blended-learning and new additional digital competencies*. Mesyuarat turut menjadi medium untuk berkongsi kemajuan dan pencapaian pelaksanaan standard di peringkat serantau dan kebangsaan dan menjadi platform kepada semua ahli Jawatankuasa Pemandu peluang untuk belajar daripada satu sama lain. |

4. **3rd TECHNICAL WORKING GROUP (TWG) WORKSHOP FOR PROJECT "STRENGTHENING LABOUR MARKET INFORMATION SYSTEM (LMIS) IN ASEAN MEMBER STATES (AMS) AS A BASIS FOR BETTER SKILLS AND EMPLOYMENT PRACTICES"**






| | | |
|---|---|---|
| Pegawai | : | Ts. Dr. Nurul Amin bin Badrul (CIAST) |
| Lokasi | : | Jakarta, Indonesia |
| Tarikh | : | 3 hingga 4 Ogos 2022 |
| Anjuran | : | Indonesia, Vietnam, Filipina, GIZ-RECOTVET, ILO, dan ASEAN Secretariat |
| Rumusan | : | Program ini telah mengesahkan bidang-bidang keutamaan bagi pemetaan dan penilaian serantau sebagai salah satu hasil bagi projek '*Strengthening LMIS in AMS as a Basis for Better Skills and Employment Policies*'. Pengesahan bidang keutamaan ini akan menjadi asas kepada pelaksanaan projek ini. Turut dikongsikan adalah dah untuk memanfaatkan secara optimum LMIS ke arah penggubalan polisi tenaga buruh di dalam latihan dan modal insan. |

5. **Program Pembangunan Eksekutif ke-86 bagi Kumpulan Senior Gred 48-54 di Korea Selatan.**










| | | |
|---|---|---|
| Pegawai | : | Ts. Abdul Hadi Bin Kasmoni (CIAST) |
| Lokasi | : | National Human Resources Development Institute (NHI), Republik Korea |
| Tarikh | : | 20 Ogos hingga 3 September 2022 |
| Anjuran | : | Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) |
| Rumusan | : | Program ini banyak mengetengahkan betapa pentingnya E-Government, AI, IOT dan juga Digital Government dalam pentadbiran kerajaan yang dapat memberikan pulangan yang terbaik kepada stakeholder seterusnya meningkatkan prestasi dan ekonomi sesebuah negara. Justeru setiap jabatan dan juga kementerian hendaklah pantas dan bersedia untuk melakukan perubahan pengurusan dan membuat keputusan yang terbaik bagi meningkatkan mutu perkhidmatan dan salah satunya perkhidmatan yang digunapakai oleh JPK seperti MySpike dan juga TiPS yang dibangunkan oleh CIAST. |

## 6. The 1st Korea Government Attachment Program (KGAP) 2022 for Malaysian Senior Government Officer








| | | |
|---|---|---|
| Pegawai | : | Tn. Hj. Mahazrul Bin Kamarrudin<br>(Bahagian Standard Pekerjaan dan Kurikulum TVET, BSPKTVET) |
| Lokasi | : | National Human Resources Development Institute (NHI), Republik Korea |
| Tarikh | : | 17 September hingga 8 Oktober 2022 |
| Anjuran | : | Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) |
| Rumusan | : | Program KGAP ini telah menerapkan pemikiran yang berkomitmen dan beretika terhadap Pegawai Kanan Kerajaan dalam membangunkan sistem kepimpinan dan pengurusan yang berkesan malalui pendedahan terhadap *"Performance-driven work culture"* serta sistem pentadbiran awam di Korea berdasarkan perkongsian pengalaman dengan tahap amalan pentadbiran yang berbeza. |

## 7. PROGRAM SANGKUTAN: BRITISH COMPANIES ATTACHMENT PROGRAM (BCAP) TAHUN 2022









| | | |
|---|---|---|
| Pegawai | : | 1. Dr Wan Nasarudin Bin Wan Jalal<br>(Bahagian Perancangan, Pembangunan dan Antarabangsa)<br>2. Ts. Salbiah Binti Hussein<br>(Bahagian Standard Pekerjaan dan Kurikulum TVET, BSPKTVET) |
| Lokasi | : | London, United Kingdom |
| Tarikh | : | 23 Ogos hingga 5 Oktober 2022 |
| Anjuran | : | Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) |
| Rumusan | : | Program sangkutan BCAP 2022 ini bertujuan untuk mendedahkan pegawai awam kepada persekitaran dan budaya kerja serta pengurusan sektor korporat di United Kingdom (UK). Pegawai-pegawai yang terlibat ini akan menjadi pemangkin dan pencetus kepada penambahbaikan di organisasi masing-masing. Terdapat beberapa maklumat dan cadangan yang telah dikemukakan oleh peserta program yang boleh digunakan sebagai rujukan/perancangan jabatan seperti penambahbaikan dan pertimbangan bagi mempergiatkan kerjasama dengan syarikat MNC agar turut serta di dalam program perantisan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) |

## 8. JAPANESE COMPANIES ATTACHMENT PROGRAM FOR MALAYSIA PUBLIC OFFICIALS (JCAP) 2022








| | | |
|---|---|---|
| Pegawai | : | En. Mohd Nizan Bin Abu Bakar (JPK Wilayah Selatan) |
| Lokasi | : | Tokyo, Jepun |
| Tarikh | : | 27 September hingga 19 Oktober 2022 |
| Anjuran | : | Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) |
| Rumusan | : | Program (JCAP) adalah kerjasama tiga pihak antara Jabatan Perkhidmatan Awam, Kedutaan Malaysia di Jepun, dan *The Association for Overseas Technical Cooperation and Sustainable Partnerships (AOTS).*<br>Objektif program ini adalah untuk mendedahkan kepada pengurus-pengurus di sektor awam kepada etika dan persekitaran kerja, teknik pengurusan, dan pemikiran korporat Negara Jepun, serta mempelajari nilai kepimpinan yang tersemat dalam budaya perniagaan Jepun bagi peningkatan kompetensi kepimpinan pegawai dalam pentadbiran jabatan |

9. **KUNJUNGAN HORMAT KE AGENSI KERAJAAN, PUSAT LATIHAN DAN INDUSTRI UJIAN TANPA MUSNAH (*NON DESTRUCTIVE TESTING*, NDT) SERTA SESI PEPERIKSAAN NDT**









Pegawai JPK:
1. En. Mohd Sukri bin Ismail, Pengarah BPK (Ketua)
2. En. Ahmad Muzafar bin Mamat @ Adam, Penolong Kanan Pengarah (Unit NDT, BPK)

Pegawai Jemputan:
1. En. Mohd Aris Fathillah bin Salleh, Pakar Bidang NDT (SIRIM Berhad)
2. Dr. Ilham Mukriz bin Zainal Abidin, Presiden / Panel NDT (MSNT / Nuklear Malaysia)

Lokasi : Kathmandu, Nepal
Tarikh : 1 hingga 4 November 2022
Anjuran : Agensi Nuklear Malaysia (ANM)

Rumusan:
*International Atomic Energy Agency (IAEA)* telah melantik Malaysia melalui Agensi Nuklear Malaysia (ANM), iaitu sebuah agensi kerajaan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sebagai mentor kepada negara-negara membangun seperti Nepal dalam melatih serta membangunkan personel dalam bidang NDT. Bagi tujuan tersebut, ANM bekerjasama dengan JPK, selaku badan persijilan tunggal NDT di Malaysia yang memperolehi akreditasi MS ISO/IEC 17024:2012 (Conformity Assessment: General Requirements for Bodies Operating Certification of Persons) bagi mempersijilkan personel NDT di negara tersebut melalui persijilan SKM NDT. Pengiktirafan daripada ICNDT MRA (*Multilateral Agreement on Recognition*) sebagai Badan Persijilan NDT yang mematuhi Standard Antarabangsa (ISO 9712 and ISO 17024) membuktikan bahawa kualiti SPKM NDT adalah setaraf dengan sistem persijilan antarabangsa lain dan diiktiraf oleh negara-negara lain. Di samping itu juga, Jabatan mengadakan sesi peperiksaan mengulang bagi tiga (3) orang calon peperiksaan warganegara Nepal, yang dilaksanakan serentak dengan sesi kunjungan hormat tersebut. Inisiatif ini adalah bagi memberi peluang sewajarnya kepada calon-calon tersebut untuk menduduki semula peperiksaan yang pernah tertangguh disebabkan kekangan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semasa pandemik COVID-19 mulai tahun 2020. Antara objektif utama yang ingin dicapai melalui program ini adalah seperti berikut;

1.1 Menjalinkan kerjasama dengan institusi latihan dan industri NDT di negara Nepal;
1.2 Menjadikan pusat latihan NDT di negara Nepal sebagai salah satu Pusat Bertauliah NDT Antarabangsa melalui Pusat Bertauliah NDT di Malaysia;
1.3 Mengantarabangsakan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) NDT selaras dengan pengiktirafan oleh ICNDT; dan
1.4 Mempromosikan SKM NDT dengan lebih meluas di peringkat antarabangsa.

Kunjungan hormat ke agensi serta industri NDT adalah satu platform yang berpotensi besar dalam mempromosi dan memperluaskan persijilan SKM NDT ke luar negara kerana Ia bukan sahaja dapat menarik pelajar asing untuk latihan kemahiran tetapi juga mempromosi pelaburan asing. Mewujudkan jalinan kerjasama antara JPK sebagai Badan Persijilan NDT di Malaysia dengan pusat latihan dan industri NDT di negara Nepal, seterusnya membolehkan pentauliahan sebagai Pusat Bertauliah NDT Antarabangsa. Menggalakkan lebih banyak penglibatan PB NDT bersama-sama dalam aktiviti promosi untuk menambahbaik perlaksanaan promosi SPKM NDT.

## 10.MESYUARAT PERINGKAT ANTARABANGSA

Penyertaan WorldSkills Malaysia ke mesyuarat dan persidangan peringkat antarabangsa pada tahun 2022 adalah seperti berikut:

Jadual 16.1: Senarai Mesyuarat WorldSkills International (WSI)

| BIL | MESYUARAT | TARIKH |
|---|---|---|
| 1 | WorldSkills Competition (WSC) 2022 Update Videoconference | 9 Februari 2022 |
| 2 | WorldSkills Competition (WSC) 2022 Update Videoconference | 24 Februari 2022 |
| 3 | Competition Preparation Week (CPW) Videoconference | 1-3 Mac 2022 |
| 4 | WorldSkills Competition (WSC) 2022 Update – Flights – Videoconference | 16 & 22 March 2022 |
| 5 | Marketing and Communications Working Group Meeting Videoconference | 22 Mac 2022 |
| 6 | WorldSkills Competition (WSC) 2022 Update – Videoconference | 23 Mac 2022 |
| 7 | WorldSkills Competition (WSC) 2022 Update – Videoconference | 6 April 2022 |
| 8 | WorldSkills Competition (WSC) 2022 Sponsor update – Videoconference | 20 April 2022 |
| 9 | WorldSkills Competition (WSC) 2022 Update – Logistics – Videoconference | 21 April 2022 |
| 10 | WorldSkills Asia (WSA) Kuala Lumpur Competition 2023 Update | 22 April 2022 |
| 11 | WorldSkills Competition (WSC) 2022 Update – Videoconference | 27 April 2022 |
| 12 | WorldSkills Competition (WSC) 2022 Sponsor update – Videoconference | 3 Mei 2022 |
| 13 | WorldSkills Competition (WSC) 2022 Update – Videoconference | 18 Mei 2022 |
| 14 | WorldSkills Competition (WSC) 2022 Update and Decision – Videoconference | 31 Mei 2022 |
| 15 | Alternative Competitor experiences – Videoconference | 2 Jun 2022 |
| 16 | Alternative Competitor experiences – Videoconference | 9 June 2022 |
| 17 | Alternative Competitor experiences – Videoconference | 21 Jun 2022 |

| BIL | MESYUARAT | TARIKH |
|---|---|---|
| 18 | WorldSkills Asia (WSA) Kuala Lumpur Competition Preparations Meeting | 28 Jun 2022 |
| 19 | Alternative Competitor experiences – Videoconference | 28 Jun 2022 |
| 20 | WorldSkills ASEAN 2023 Virtual 1st Organizing Committee Meeting (OCM) | 6 - 7 Julai 2022 |
| 21 | WorldSkills Competition 2022 Special Edition (WSC2022SE) Update – Videoconference | 12 Julai 2022 |
| 22 | Extraordinary General Assembly – Videoconference | 19 Julai 2022 |
| 23 | WorldSkills Competition 2022 Special Edition (WSC2022SE) Update – Videoconference, | 19 Julai 2022 |
| 24 | WorldSkills Competition 2022 Special Edition (WSC2022SE) Update – Videoconference, | 2 Ogos 2022 |
| 25 | Competitions Working Group Meeting Videoconference | 8 Ogos 2022 |
| 26 | WorldSkills Competition 2022 Special Edition (WSC2022SE) Update – Videoconference | 23 Ogos 2022 |
| 27 | Marketing and Communications Working Group Videoconference, | 22 September 2022 |
| 28 | WorldSkills Competition 2022 Special Edition (WSC2022SE) Update – Videoconference | 26 September 2022 |
| 29 | General Assembly Meeting Videoconference Session 1 | 26 September 2022 |
| 30 | WorldSkills ASEAN 2023 Virtual 1st Technical Committee Meeting (TCM) | 21-24 November 2022 |
| 31 | General Assembly meeting Videoconference Session 2 | 6-7 Disember 2022 |




Rajah 6.8 : WorldSkills Competition (WSC) 2022 Update Videoconference

# Ahli Jawatankuasa Sidang Redaksi

## BUKU LAPORAN TAHUNAN JPK TAHUN 2022

*Penaung*

Ts. Dr. Mohamad bin Sulaiman
Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran

*Ketua Editor*

Molinda binti Abd Rahman
Pengarah Bahagian Promosi (PMO)

*Penolong Ketua Editor*

Omar bin Md Dawi
Ketua Penolong Pengarah Bahagian Promosi (PMO)

Muhammad Salleh bin Maulud
Penolong Kanan Pengarah Bahagian Promosi (PMO)

*Pengarang*

**Bahagian Pentauliahan (BPT)**
Siti Harjar binti Mohd Nor
Nizatunnisak binti Zaidon

**Bahagian Pensijilan Kompetensi (BPK)**
Ku Azmie bin Ku Husin
Abdul Rahim bin Mustafa Khalid

**Bahagian Inspektorat (BIP)**
Muhammad Akmal bin Abdul Rahim
Yuszaini binti Mat Yusof

**Bahagian Promosi (PMO)**
Mohd Hazmin bin Ramli
Muhamad Idzwan bin Mat Daud

**Bahagian Hubungan Industri dan Kerjasama Strategik (BHIKS)**
Mohd Nizam bin Saad
Norazira binti Ahmad

**Bahagian Standard Pekerjaan dan Kurikulum TVET (BSPKTVET)**
Faizatun Izzah binti Zohedi

**Bahagian Perancangan, Pembangunan dan Antarabangsa (PPA)**
Mohd Syazwan bin Zahari
Safraizah binti Abdul Aziz

**Bahagian Kewangan, Pentadbiran dan Sumber Manusia (KPSM)**
Akilah binti Mohamad
Fairus binti Baharin

**Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST)**
Ts. Shahlisa Cheah Shihabudin
Maznizam bin Mansor

**JPK Wilayah Tengah**
Kausar binti Mohd Hanafi @ Abd Rahim

**JPK Wilayah Selatan**
Shaniza binti Sharan
Mohd Rafi bin Sarkasi

**JPK Wilayah Timur**
Ts. Mad Zufri bin Ismail
Zakaria bin Sidek

**JPK Wilayah Utara**
Muzaffar bin Basharudin
Najwa binti Abd Rahim

**JPK Wilayah Sarawak**
Nicholas Anak Bali

**JPK Wilayah Sabah & Labuan**
Sobian Hadi bin Mohd Bahari




**Jabatan Pembangunan Kemahiran**
Tingkat 7 - 8, Blok D4, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 Putrajaya
www.dsd.gov.my